

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV	Bil. 13	Hari Selasa	2 Jun 1998
----------	---------	-------------	------------

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah  
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Ruangan)**

**Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan (Ruangan)**

**Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru  
(Sabah)(Pembubaran)1998 (Ruangan)**

**Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997(Ruangan)**

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat. (Ruangan )**

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**DEWAN NEGARA**  
**Mesyuarat Pertama**  
**Penggal Keempat**  
**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,  
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,  
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

“ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/  
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Selasa, 2 Jun 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN****AZAN DAN QAMAT UNTUK BAYI YANG BARU LAHIR -  
PETUGAS KHAS**

1. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak kementerian akan mengadakan petugas khas untuk azan dan qamat bagi bayi yang baru lahir di hospital.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Kementerian Kesihatan Malaysia tidak menyediakan petugas khas untuk mengazan dan mengqamatkan bayi yang baru lahir di hospital. Walau bagaimanapun, di sesetengah hospital contohnya di Hospital Kota Bharu, Kelantan ada menyediakan guru agama yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan untuk memberi kebajikan kepada pesakit termasuk mengazan dan mengqamatkan bayi. Di Hospital Jelevu pula petugas khas untuk tujuan ini adalah terdiri dari sukarelawan di kalangan anggota hospital itu sendiri.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar kementerian mengenai penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip agama Islam dalam amalan di hospital-hospital dan secara khususnya saya ingin tahu apakah dasar kementerian mengenai pakaian jururawat Islam di hospital-hospital negara ini.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lain dari soalan yang pokok, saya minta notis dari Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, azan dan qamat bagi bayi-bayi yang dilahirkan oleh orang-orang Islam adalah merupakan lebih kurang sama dengan Doa yang kita bacakan sebelum kita memulakan Dewan ialah merupakan satu kemestian yang dijalankan di Dewan ini.

Begitu juga bagi bayi-bayi yang dilahirkan oleh umat Islam, kita merasakan bahawa bagi bayi-bayi yang tidak diazan dan tidak diqamatkan adalah merupakan satu kerugian kepada bayi-bayi yang berkenaan. Tetapi ada juga berlaku di mana kadang-kadang bapa kepada bayi berkenaan tidak dapat hadir ataupun tidak ada pada masa ibu melahirkan. Oleh kerana itu azan dan qamat bagi bayi-bayi ini tidak dapat dilaksanakan.

Saya ingin mendapat kepastian sekali lagi dari Yang Berhormat, disebutkan tadi ada hospital-hospital yang telah pun mengadakan program sama ada secara langsung ataupun tidak langsung ada petugas-petugas khusus untuk tujuan tersebut. Adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan khidmat ini kepada semua hospital-hospital yang ada di negara kita? Terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada polisi Kementerian Kesihatan untuk mengadakan petugas khas untuk mengazan dan mengqamatkan bayi-bayi yang baru lahir di hospital. Untuk makluman, bagi setiap bayi yang baru lahir, seseorang bapa atau waris bayi tersebut adalah yang terbaik untuk mengazan dan mengqamatkan bayi mereka, memanglah bila seseorang bayi itu dilahirkan eloklah bapanya yang membacakan ayat Al-Quran dahulu kepada bayi itu, kalau dipanggil orang yang lain memang tidaklah baik, anak yang baru lahir itu pun suka mendengar suara dari bapa mereka sendiri dan isteri mereka pun suka juga jika suami mereka yang mengambil anak itu dan mengazan dan mengqamatkan bayi mereka itu. *[Ketawa]*



Walau bagaimanapun, bayi yang tidak mempunyai bapa atau waris lelaki semasa kelahiran bayi, seseorang lelaki Islam boleh mengazan atau mengqamatkan bayi tersebut. Apa yang terjadi di Hospital Kota Bharu itu adalah perkara yang berlainan sebab memang hospital-hospital di negara kita ada dengan projek-projek inovasi dan di Hospital Kota Bharu, projek inovasinya adalah menggunakan pegawai yang lain dari bertugas di hospital itu. Hospital persendirian boleh berbuat seperti itu tetapi di kementerian kita tidak ada dasar seperti itu.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ini susah hendak jawab. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau susah hendak dijawab - tak usah tanyalah!

**Tuan Yim Chee Chong:** Oleh kerana soalan tambahan saya bukan berkenaan dengan bayi yang baru dilahirkan, adalah berkenaan dengan bayi yang meninggal dunia di hospital. Macam mana mayat bayi itu hilang dan tidak dapat dicari menyebabkan ibu bapa bayi yang mati itu membuat laporan polis hendak mengambil tindakan terhadap hospital. Apakah sebenarnya yang menyebabkan mayat bayi itu hilang di hospital, susah hendak jawab soalan saya ini, minta maaf ya. *[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kata soalan itu susah, tetapi saya kata bukan susah, berapa ribu bayi yang telah dilahirkan di hospital ataupun luar dari hospital dan ada satu, dua kes memang ada kejadian, tetapi Ahli Yang Berhormat tidak menyebutkan kes yang spesifik. Apa yang menjadi masalah bolehlah memberitahu kes yang spesifik dan kita boleh investigate dan memberi jawapan di sini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mengqamat ataupun mengazankan hanya untuk kepentingan anak-anak yang beragama Islam. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kementerian sedar kemudahan asas yang disediakan di hospital-hospital bersalin itu mencukupi untuk waris ataupun keluarga isteri yang hendak bersalin itu menunggu, sebab kita dapati ramai rakyat miskin sementara hendak menunggu

kelahiran itu duduk di merata ceruk, tiada tempat yang sesuai, ini yang saya rasa penting melibatkan semua kaum.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sediakan tempat untuk ahli keluarga menunggu. Bagi anak yang lahir yang pertama atau nombor dua, memang bapa dan saudara mereka yang datang ke hospital menunggu ada tempat yang disediakan dan mereka boleh menggunakan tempat sembahyang dan layanan apa sahaja ataupun mengazankan ataupun mengqamatkan ataupun tugas yang hendak dibuat, memang tempat itu kami sediakan.

### **IPTA DAN IPTS - JUMLAH PENGAMBILAN PELAJAR BARU**

2. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah penuntut yang diambil masuk ke institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta mengikut jurusan bagi sesi pengajian 1998.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sesi pengajian 1998/1999 institusi pengajian tinggi awam dijangka dapat menyediakan sebanyak 77,648 tempat untuk pelajar baru. Daripada jumlah tersebut, 20,164 tempat adalah untuk program Matrikulasi, 14,372 untuk program peringkat Diploma dan 43,112 untuk program peringkat Ijazah Pertama. Bagi institusi pengajian tinggi swasta pula, jumlah sebenar pelajar baru hanya akan diketahui pada akhir bulan Jun 1998 kerana pendaftaran pelajar dijalankan pada akhir Mei dan awal Jun 1998.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar kenapa ramai pelajar tidak dapat memasuki institusi pengajian tinggi pada tahun ini berbanding dengan tahun-tahun yang lepas dan adakah Kementerian Pendidikan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan yang Kementerian Pendidikan terima atas tempat yang kita sediakan iaitu 77,000, jumlah permohonan adalah 140,000. Jadi, sungguhpun kita sudah menambahkan

tempat di universiti, tetapi oleh kerana bilangan permohonan itu adalah besar, memang ada sebilangan yang tidak akan dapat tempat.

Namun demikian, untuk pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang, Kementerian Pendidikan sudah arahkan universiti-universiti tempatan supaya mengadakan tempat-tempat tambahan untuk menampung pelajar-pelajar yang sudah mendapat keputusan yang cemerlang itu.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah benar kenyataan menyatakan bahawa Pusat Asasi Sains Universiti Malaya tidak dapat memenuhi kemampuannya iaitu kemasukannya adalah 300 daripada sepatutnya 2,000 lebih kurang dan jika benar, mengapa terjadi demikian, jika tidak, mengapa ada dakwaan demikian. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah tempat yang disediakan untuk program Matrikulasi ialah 20,164 tempat, oleh kerana permohonan adalah melebihi dari tempat yang disediakan, memang ada sebilangan yang tidak akan mendapat tempat. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan berusaha supaya kita boleh cuba sedaya upaya untuk memenuhi keperluan itu.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, sekarang tempatnya banyak, cuma sedikit sahaja yang dipenuhi, mengapa terjadi demikian di Pusat Asasi Sains Universiti Malaya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar kerana memanglah segala tempat yang kita ada, kita penuh dengan pelajar-pelajar, sedangkan ada lebihan yang kita harus salurkan kepada program-program yang lain. Namun demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu saya akan menyiasat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, institusi pengajian tinggi swasta termasuklah UIA, saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian berapakah jumlah kemasukan penuntut-penuntut dari luar negara dan bagaimanakah pengawasan terhadap kemasukan penuntut dari luar negara ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, universiti-universiti tempatan khususnya UIA itu ada program-program tertentu untuk mengizinkan atau menggalakkan pelajar-pelajar dari luar negara untuk mengikuti program-

program, oleh kerana UIA itu universiti antarabangsa, jadi, kita ada program-program tertentu untuk menggalakkan pelajar-pelajar dari negara asing dan semua program itu adalah mengikut program-program yang dirancangkan.

Namun demikian, tempat-tempat yang kita sediakan untuk pelajar-pelajar asing itu tidak akan menjejaskan kekosongan tempat untuk pelajar-pelajar tempatan.

### **PROJEK PENSWASTAAN KERAJAAN NEGERI - PERSETUJUAN KERAJAAN PUSAT**

3. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pelaksanaan projek-projek penswastaaan kerajaan negeri itu dipersetujui oleh Kerajaan Pusat, jikalau tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan kepentingan negara dan manfaat serta hak-hak rakyat jelata dapat dipelihara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar penswastaaan yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah meliputi projek-projek penswastaaan Kerajaan Negeri dan Pusat. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menetapkan dasar atau garis panduan yang perlu diikuti oleh kerajaan-kerajaan negeri dalam menimbang cadangan-cadangan penswastaaan yang berkenaan. Antara lain, telah ditetapkan bahawa sebarang keputusan berhubung dengan projek-projek yang hendak diswastakan di peringkat negeri hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Kerajaan Pusat.

Ini bagi memastikan prosedur yang seragam dilaksanakan dalam proses penswastaaan yang berkaitan. Malah mengikut dasar yang diamalkan sekarang, cadangan di peringkat negeri tersebut perlu mendapat kelulusan Kerajaan Pusat. Garis panduan ini telah pun dimaklumkan kepada semua kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, terdapat projek-projek kerajaan negeri yang diluluskan tanpa merujuk kepada Kerajaan Pusat. Sehubungan dengan itu, pada masa ini terdapat kerajaan-kerajaan negeri yang telah merujuk semula projek penswastaaan mereka yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri tetapi tidak

melalui Kerajaan Pusat setelah projek tersebut menghadapi masalah pelaksanaan. Dalam hubungan itu, demi menjaga kepentingan negara dan manfaat serta untuk memelihara hak-hak rakyat jelata, Kerajaan Pusat bersama-sama dengan Jawatankuasa Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi telah mengambil tindakan bagi meneliti semula perjanjian-perjanjian konsesi yang ditandatangani antara kerajaan negeri dan konsesi dan membuat perundingan semula dengan syarikat konsesi bagi mengambil kira kepentingan rakyat yang berkaitan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah masalah yang timbul di negeri Kelantan dirujuk kepada pihak Kerajaan Pusat dan apakah masalahnya dan bagaimanakah cara hendak membantu Kerajaan negeri Kelantan dari segi penswastaan bekalan air di sana?

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat permulaannya memanglah Kerajaan negeri Kelantan tidak merujuk kepada Kerajaan Pusat tetapi apabila Kerajaan negeri Kelantan menghadapi masalah dengan Kelantan Waters, maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sendiri menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta supaya Kerajaan Persekutuan dapat membantu Kerajaan negeri Kelantan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun meminta Peguam Negara bagi mengkaji, meneliti perjanjian yang telah pun ditandatangani, bagaimana Kerajaan Pusat boleh membantu Kerajaan negeri Kelantan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Kelantan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dimaklumkan tadi bahawa Kerajaan Pusat telah mengadakan Jawatankuasa Pusat Projek Penswastaan yang mengawal selia penswastaan yang dijalankan di peringkat negeri.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berapakah projek penswastaan yang telah dilaksanakan di peringkat negeri yang telah pun dapat

pemantauan daripada Kerajaan Pusat dan dalam bidang apakah yang selama ini banyak diswastakan oleh kerajaan negeri? Terima kasih.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, tentang berapa jumlahnya itu, saya mohon untuk mendapat notis kerana saya tidak ada jumlahnya, tetapi bidang yang paling banyak program penswastaan kerajaan negeri ialah pembangunan harta tanah dan mengenai penswastaan bekalan air, inilah dua bidang yang paling banyak yang dijalankan oleh kerajaan negeri yang tidak dirujuk kepada Kerajaan Pusat.

#### **AKTA SUKAN - KELAYAKAN PEGAWAI YANG MENYANDANG JAWATAN**

4. **Dato' Chet Singh a/l Karam Singh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian bercadang meminda Akta Sukan untuk memasukkan klausa mengenai bankrap dan kelayakan pegawai-pegawai untuk terus menyandang jawatan-jawatan atau bertanding bagi mana-mana jawatan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan tidak berhasrat untuk meminda Akta Pembangunan Sukan 1997 untuk memasukkan klausa mengenai bankrap dan kelayakan pegawai-pegawai untuk terus menyandang jawatan-jawatan atau bertanding bagi mana-mana jawatan.

Ini kerana Menteri Belia dan Sukan diberi kuasa di bawah Seksyen 26 akta ini untuk membuat apa-apa peraturan yang perlu berkaitan dengan badan-badan sukan dan ini termasuk perkara berkaitan dengan kehilangan kelayakan pemegang jawatan badan sukan. Pejabat Pesuruhjaya Sukan sedang dalam tindakan untuk menyediakan peraturan berkaitan dengan perkara ini.

**Puan Faridah binti Abu Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapakah jumlah persatuan sukan yang sudah mendaftar dan berapakah yang belum mendaftar.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau ikut rekod kita ada 1,153 persatuan sukan di semua peringkat yang perlu mendaftar tetapi setakat tarikh semalam iaitu tarikh tutup

sebanyak 761 sudah pun mendaftar, bermakna hanya setakat 66% sahaja yang sudah pun mendaftar, yang bakinya belum lagi berbuat demikian.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pihak Menteri, adakah pihak Menteri berpuas hati dengan perjalanan persatuan-persatuan sukan yang kita ada di Malaysia ini terutama sekali dari segi aktiviti sukan Perdana seperti badminton, bola dan saya juga ingin tahu dari pihak kerajaan apakah tindakan pihak kerajaan kalau sekiranya ada salah seorang dari pemain atau anggota persatuan yang tidak mengizinkan dirinya dijadikan pemain pasukan negara tetapi pada masa yang sama boleh bermain pula untuk mencari jalan senang misalnya badminton seorang itu tidak hendak main mewakili negara di peringkat Piala Thomas tetapi mengizinkan dirinya hendak bermain di peringkat Komanwel, kemungkinan senang hendak mendapat gold medal, saya tak tahulah tetapi apakah pendirian pihak kerajaan terhadap perkara ini?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau Yang Berhormat masih ingat waktu kita bentangkan Akta Pembangunan Sukan itu sendiri di Dewan ini pun, antara faktor yang menyebabkan dan mendorong kita berbuat demikian ialah kerana kita lihat tentang begitu banyaknya permasalahan yang berbangkit berhubung dengan soal perjalanan persatuan-persatuan sukan baik di peringkat kebangsaan, di peringkat negeri ataupun daerah dan telah terbukti bahawa setakat ini pelbagai isu sudah pun berbangkit yang menyebabkan mutu ataupun tahap pencapaian atlet-atlet kita terutamanya di peringkat kebangsaan masih lagi belum menonjol kecuaililah bagi beberapa jenis sukan-sukan tertentu sahaja.

Maka oleh sebab itu, kalau Yang Berhormat bertanya sama ada saya puas hati, memanglah saya belum berpuas hati tetapi kita berharap dengan adanya akta yang telah pun Yang Berhormat sendiri luluskan di Dewan yang mulia ini memberikan sedikit kekuatan bagi pihak kerajaan campur tangan dalam urusan pentadbiran dan perjalanan persatuan-persatuan sukan dan kita berharap dengan

cara begini perkara yang mungkin berbangkit dari segi soal pentadbiran apa lagi dalam soal-soal yang lain berkenaan dengan prestasi atlet kita dapati kita memainkan peranan yang lebih cergas secara langsung.

Memang kalau kita lihat pun hanya beberapa jenis sukan sahaja yang nampaknya terserlah, umpamanya bagi peringkat sukan berprestasi tinggi tentulah yang kita tahu sukan badminton yang paling popular nampaknya sudah pun menunjukkan peningkatan kalau berbanding dengan beberapa tahun yang lepas. Prestasi di Hong Kong yang mungkin di luar dugaan kita juga adalah satu kejayaan walaupun tidak berjaya membawa balik Piala Thomas ke sini.

Jadi, oleh sebab itu, kita akan mengambil pendekatan baru dengan semua pimpinan persatuan sukan, merancang secara lebih teratur segala persiapan dari segi melatih atlet-atlet kita termasuklah dengan menggunakan pendekatan yang lebih saintifik sebagaimana yang dilakukan oleh banyak negara yang sudah pun maju dalam bidang sukan supaya dengan cara begitu kita dapat mengukur tahap pencapaian atlet kita dari satu peringkat ke satu peringkat sehingga mereka berjaya.

Tentang soal sikap atlet kita atau pemain kita yang memilih mana yang mereka suka atau yang mereka tidak suka untuk menyertai, memang kita memandang berat tentang soal itu lebih-lebih lagi kalau ada atlet kita yang sudah pun disenaraikan untuk mewakili negara, seharusnya mereka berasa bangga kerana daripada jutaan manusia hanya jumlah yang kecil sahaja yang terpilih, tetapi apa yang kita dapat saksikan umpamanya dalam acara badminton ada berlaku hal seperti itu dan berlakunya ialah di peringkat yang akhir sehingga menyebabkan pihak pasukan kita agaknya terpaksa menyusun semula strategi baru. Alhamdulillah, nampaknya dapat kita atasi masalah itu.

Apa yang kita kehendaki sekarang ini ialah supaya atlet-atlet kita lebih berdisiplin mesti dengan tidak boleh mencari dalih yang mudah mengelakkan daripada memikul amanah negara yang besar ini. Kalaulah kita dapati seseorang atlet sudah terpilih dan kita nyata terbukti mereka boleh menunjukkan keupayaan



dan mendapat medal tentulah nama baik negara akan dapat naik lebih tinggi lagi dan kalau ada sikap mereka enggan untuk menyertainya, ini akan menjejaskan imej negara kita.

Pihak kementerian sudah pun mengambil langkah ini dengan berbincang dengan pihak persatuan-persatuan sukan dan juga Majlis Olimpik Malaysia supaya satu peraturan yang lebih ketat dikenakan dengan atlet-atlet yang terpilih terutama mereka yang sudah pun mengikat kontrak dengan pihak badan sukan yang berkenaan untuk beraksi kalau mereka terpilih dan tentulah dalam soal ini tindakan tertentu dari segi disiplin yang sesuai boleh diambil untuk memastikan hal seperti ini tidak berlaku pada masa yang akan datang.

#### **ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - PERUNTUKAN SENGGARAAN PERALATAN CANGGIH**

5. **Puan Hajah Habshah binti Haji Othman** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah latihan bersama untuk Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara dengan pasukan-pasukan angkatan tentera negara-negara sahabat yang dapat dirancang pada tahun 1998 dan 1999. Bagaimana pula dengan peruntukan bagi senggaraan peralatan canggih yang tersedia ada di dalam Angkatan Tentera Malaysia seperti kapal-kapal laut dan pesawat-pesawat udara sama ada ianya terlibat sama atau dapat peruntukan tambahan dari lain-lain sumber.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah latihan bersama (joint exercises) di antara Tentera Darat, Tentera Laut, Tentera Udara dan Markas ATM dengan pasukan-pasukan Angkatan Tentera negara-negara sahabat yang dapat dirancang bagi tahun ini dan tahun hadapan berjumlah sebanyak 35. Pecahan bilangan latihan bersama penyertaan itu tadi adalah mengikut tahun ini dan tahun hadapan adalah seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Perkhidmatan</b>	<b>1998</b>	<b>1999</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Tentera Darat	1	13	14
2.	Tentera Laut	2	4	6

3.	Tentera Udara	4	7	11
4.	Markas ATM	1	3	4
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>8</b>	<b>27</b>	<b>35</b>

Kementerian Pertahanan tiada menerima sebarang peruntukan tambahan dari lain-lain sumber, selain daripada yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 1998. Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan jumlah yang terhad bagi tahun ini berikutan kegawatan ekonomi. Namun begitu, kementerian akan sentiasa menggunakan pendekatan yang terbaik bagi menguruskan peruntukan yang diberi agar keperluan operasi ATM dapat dipenuhi.

Kegawatan ekonomi juga sedikit sebanyak telah menjejaskan tahap operasi dan senggaraan kapal-kapal TLDM dan pesawat-pesawat udara TUDM. Keseluruhan aktiviti TLDM dan TUDM terpaksa dikurangkan dengan sewajarnya. Pada masa ini, pengoperasian kapal-kapal dan pesawat-pesawat udara, serta senggaraannya telah dihadkan ke tahap minimum, berdasarkan kepada keutamaan yang telah dikenal pasti bagi menjalankan tugas-tugas utama TLDM dan TUDM.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah kerjasama di antara negara-negara ASEAN dalam bidang pertahanan yang seterusnya adakah pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Pertahanan sensitif terhadap saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang berlakunya persaingan dari segi melengkapkan pertahanan di antara negara-negara ASEAN.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, kerjasama di antara negara-negara ASEAN dalam bidang ketenteraan adalah amat baik sekali dan banyak membantu kita memperlihatkan satu suasana yang sihat dan kukuh di rantau ini dan tentang adanya perlawanan ataupun satu perlumbaan senjata di kalangan negara-negara ASEAN itu sebenarnya tidak wujud.

**PENGANGKUTAN PERKHIDMATAN AWAM -  
PEMBERIAN LESEN**

6. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilangan syarikat yang diberi lesen untuk pengangkutan awam. Berapakah lesen yang telah ditarik balik oleh kerana perkhidmatan mereka tidak memuaskan. Adakah kementerian bercadang memberi lesen pengangkutan awam kepada syarikat yang lain jika perkhidmatan adalah kurang memuaskan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat yang telah diberikan lesen untuk menjalankan pengangkutan awam iaitu perkhidmatan bas dan teksi adalah sebanyak 1,226 buah iaitu 209 buah syarikat bas ekspres, 245 buah syarikat bas berhenti-henti dan 772 buah syarikat teksi.

Lesen-lesen yang diambil tindakan sama ada dibatalkan atau digantung dan sebagainya bukan terhad kepada perkhidmatan yang tidak memuaskan tetapi meliputi kesalahan-kesalahan lain termasuk melanggar syarat lesen dan lain-lain peraturan yang dikenakan dari masa ke semasa.

Sehingga bulan Mei 1998 sebanyak 365 lesen telah dibatalkan kerana pelbagai kesalahan iaitu meliputi 13 lesen bas ekspres yang telah menyalahi antaranya adalah kerana:

- (i) mengenakan tambang yang lebih;
- (ii) tidak mengikut laluan yang telah ditetapkan; dan
- (iii) beroperasi di luar kawasan.

Sebanyak 352 lesen teksi juga telah dibatalkan kerana tiga sebab, di antaranya: -

- (i) tidak menggunakan meter;
- (ii) enggan mengambil penumpang; dan
- (iii) mengenakan tambang yang lebih.

Sementara itu terdapat 365 lesen bas ekspres daripada 30 buah syarikat bas ekspres akan diambil tindakan untuk dibatalkan lesennya kerana tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan oleh kementerian.

Pada masa ini kementerian dalam proses mengurangkan pengusaha-pengusaha dalam bidang pengangkutan awam. Oleh yang demikian, kementerian mengelak daripada memberi permit kepada syarikat-syarikat baru. Kita menggalakkan penggabungan syarikat-syarikat agar mereka boleh mengurangkan kos tetap dan seterusnya beroperasi dengan lebih baik dan lebih berkesan.

**Datuk Zainuddin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Menteri berkenaan, berikutan dengan pertikaian antara Menteri berkenaan dengan pihak Intrakota. Adakah suatu penyelesaian yang muktamad dan berkesan dipercayai telah dicapai setakat ini.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Selepas daripada berita yang keluar di akhbar *Utusan*, terpapar di muka pertama, sebenarnya ada hikmah yang berlaku selepas daripada perkara itu. Sebab itulah bagi saya apa yang berlaku ada hikmahnya, ada kesyukurannya. Tiap-tiap minggu kita berbincang dan pagi tadi pun pada setiap hari Selasa jam 12.00 saya berbincang dengan Park May dan juga Intrakota untuk mengatasi masalah-masalah dan aduan-aduan yang dilaporkan di dalam akhbar, sama ada terus kepada akhbar ataupun kepada kementerian dan juga kita jemput bersama dalam perbincangan kita ini ialah pihak-pihak Bandaraya yang juga memainkan peranan mereka untuk memastikan perkhidmatan ini bertambah baik dan juga kita jemput pihak polis, FOMCA dan mereka yang terlibat.

Dalam pada itu kita lihat perkembangannya pada hari ini, walau kita mesyuarat pada hari ini, kita lihat aduan-aduan telah berkurangan. Intrakota dan Park May juga telah menambah perkhidmatan mereka bas mereka dan memastikan frequency perkhidmatan mereka itu menjadi bertambah baik. Isu saya dengan Pengurus, Pengarah Urusan Intrakota bukannya isu yang personal, yang mustahak yang kita harus lihat ialah kita komited untuk memastikan perkhidmatan bas di Bandaraya Kuala Lumpur ini bertambah baik, bukan isu personal. Jika, dengan berlakunya itu perkhidmatan itu bertambah baik, inilah yang kita harapkan berlaku untuk kebaikan seluruh rakyat dan penumpang-penumpang di Bandaraya Ibu Kota.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan kerajaan, terhadap perkara baru yang dipertikaikan yang ada kaitan

dengan iklan di bas. Kita dimaklumkan, ada pengusaha bas yang menggunakan iklan Carlsberg sempena dengan Sukan Komanwel. Apakah pandangan kerajaan, adakah sesuatu harus diperakukan kerana ini telah menjadi isu yang dipersoalkan oleh masyarakat khususnya golongan-golongan yang beragama Islam.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Saya berkongsi sama pendapat Yang Berhormat tadi, bahawa ia kurang menyenangkan terutama orang-orang yang beragama Islam, tetapi iklan di bas, ini ialah di bawah bidang kuasa JPJ dan perkara ini saya rasa telah dirujuk kepada JPJ dan JPJ juga telah mengambil tindakan supaya iklan itu tidak digunakan lagi.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Adakah kementerian sedar, bahawa ramai pemandu teksi yang merungut kerana bayaran sewanya kepada syarikat-syarikat sekarang ini.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Kerajaan memang sedar, sebab itulah pada permulaan kita mengambil alih, Dato' Mustapa sebagai Menteri dan saya sebagai Timbalan, perkara pertama kita buat di kementerian ialah untuk menaikkan tambang teksi. Dan keduanya, kita pastikan kita memilih lapan syarikat yang wibawa di mana kita pastikan sewa teksi kepada pemandu-pemandu itu tidak lebih daripada RM40, ini telah ditetapkan kepada syarikat tersebut sebagai menjadi satu garis panduan. Kebelakangan ini juga, kita masih menerima rungutan supaya sewa itu dikurangkan. Sebab itulah kebelakangan ini juga kita berbincang dengan pemandu-pemandu sendiri dari empat buah syarikat pemandu yang dipunyai oleh pemandu telah digabungkan dan, insya-Allah, akan diberi tambahan permit supaya mereka menjadi lebih viable dan kos pengurusannya akan turun dan, insya-Allah, ini akan menurunkan lagi sewaan, yang dikenakan kepada pemandu ke peringkat yang lebih rendah dan kita menganalisa dan meneliti perkara ini dari masa ke masa untuk memastikan pemandu-pemandu tidak akan dibebankan dengan caj-caj yang tinggi dan dikenakan oleh pengusaha-pengusaha.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No 7, tetapi saya juga ingin membuat pembetulan kepada dua perkataan akhir soalan itu,

iaitu perkataan-perkataan “spekulasi kewangan” digantikan dengan “kejatuhan nilai mata wang negara”. Terima kasih.

**KEDUTAAN /KONSULAT MALAYSIA  
DI LUAR NEGERI - JUMLAH**

7. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah kedutaan dan konsulat Malaysia hingga hari ini, jumlah perbelanjaan tahunan yang diperlukan dan apakah tindakan pihak kementerian bersesuaian dengan pengurangan 18% belanjawan kerajaan dan kejatuhan nilai mata wang negara.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri yang diberi peranan untuk melaksanakan matlamat dasar luar negeri dan menjalinkan hubungan baik dan kerjasama dengan negara-negara yang kita ada hubungan diplomatik telah menubuhkan 68 buah kedutaan, 12 buah konsulat - jumlahnya 80 dan perkhidmatan 80 buah misi kerajaan kita di luar negeri itu ditauliahkan pula untuk meliputi 176 buah negara sahabat di seluruh dunia. Ertinya kita mempunyai hubungan diplomatik dengan 176 buah negara, tetapi hanya 68 buah kedutaan dan 12 konsulat untuk menjalankan kerja-kerja bagi memperbaiki hubungan kita dengan negara itu di samping juga saling sama-sama bekerjasama bagi menangani isu-isu antarabangsa.

Berkaitan dengan peruntukan pula yang telah diberikan kepada Kementerian Luar Negeri, selama lima tahunlah saya tunjukkan di sini. Tahun 1994 - RM204.4 juta, 1995 - RM227.9 juta, 1996 - RM293.2 juta, 1997 sudah mula kurang - RM249.4 juta dan untuk tahun ini RM221.3 juta. Sebagai tindakan yang bersesuaian dengan dasar pengurangan 18% belanjawan kerajaan, kementerian telah mengatur strategi-strategi untuk mengurangkan perbelanjaan, di antaranya mengurangkan dan membekukan pengambilan kakitangan tempatan, termasuk juga membekukan jawatan-jawatan diplomatik. Sekarang kita ada jumlah perjawatan 1,065. Jumlah yang boleh diisi 894, yang kosong dan dibekukan 161.

Bagi ambilan tempatan 1,160 perjawatan, jumlah yang diisi 1,098 dan yang dikosongkan dan dibekukan 62.

Menghapuskan amalan penginapan di hotel-hotel bertaraf lima bintang, itu lagi satu pendekatan hendak menjimatkan wang, mengurangkan tuntutan elaun makan dan sewa hotel, mengurangkan penghargaannya beg penghantaran beg diplomatik, mengurangkan perkhidmatan courier, mengarah duta-duta mengadakan majlis keramaian rasmi di kediaman rasmi sahaja, tidak boleh lagi di hotel-hotel, menggunakan barangan buatan Malaysia, meminimumkan penggunaan telefon, fax dan telex serta memberhentikan buat sementara majlis-majlis sambutan Hari Kebangsaan dan juga hari lahir Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini, kesemua strategi yang digariskan senantiasa diawasi oleh Kementerian khususnya Bahagian Pentadbiran dan mereka ini dari masa ke semasa akan menyemak dan mengubahsuai struktur strategi supaya ianya practical, economical dan memberi kesan bagi mencapai sasaran 18% pengurangan belanjawan kerajaan.

Berhubung dengan pembetulan tadi, oleh Yang Berhormat Puan Kamelia binti Ibrahim iaitu berkaitan dengan kegawatan ekonomi ertinya dan juga krisis mata wang ini. Peranan Kementerian Luar Negeri apabila tercetusnya krisis mata wang, ialah yang pertamanya untuk memastikan bahawa kita dapat memaklumkan kepada negara-negara sahabat yang fundamental ekonomi kita masih kukuh dan yang keduanya bahawa yang menyebabkan krisis mata wang yang kita hadapi itu bermula dengan kegiatan spekulasi mata wang kita yang berlebihan, maka dengan sebab itu kita menghadapi masalah; dan ketiganya berusaha untuk mendapat perhatian dan kerjasama masyarakat antarabangsa melalui forum-forum antarabangsa seperti bermula dengan Persidangan G15 dan di mana perkara ini telah pun dibawa untuk perbincangan dan satu kenyataan yang berasingan selain daripada communique biasa telah dikeluarkan dan juga perkara ini dibawa dalam Sidang Summit Asian dengan Ketua-ketua Negara iaitu, Perdana Menteri Jepun, Presiden China dan juga Naib Presiden Korea Selatan, itu adalah summit informal antara Asian dan tiga buah negara di Timur Jauh. Kemudian perkara ini juga dibawa dalam CHOGAM

dan yang akhir sekali di bawa ke Persidangan Ketua-ketua Negara Eropah dan Asia.

Jadi, usaha-usaha yang telah dilakukan itu, yang telah kita buat, telah menimbulkan satu reaksi yang menunjukkan bahawa mereka telah mula mengakui hujah-hujah kita dan pandangan-pandangan kita berkaitan dengan apa yang telah menyebabkan krisis kewangan yang telah kita hadapi di negara kita dan juga di negara-negara lain di Asia Tenggara ini.

Dan yang terakhir sekali ialah apabila persidangan di Washington telah diadakan termasuk berkaitan dengan IMF dan World Bank - di mana satu Persidangan Kumpulan 22 telah diadakan pada masa itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar telah hadir dan perkara ini timbullah telah bincang dan jelas sekali pada waktu itu sudah ada satu pengakuan bahawasanya faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya krisis kewangan di negara kita ini dan juga negara-negara lain ialah yang memang telah saya sebutkan tadi tetapi dalam kenyataan itu tidak disebut secara langsung katanya spekulasi wang, tetapi digunakan perkataan yang ada hubung kait dengan pengaliran modal jangka pendek/ short term capital flow, itu yang disebut tapi maknanya begitulah.

Dan yang keduanya, sebagaimana yang telah kita tuntutan selama ini bahawasanya satu tindakan yang segera perlulah diambil supaya diadakan peraturan-peraturan bagi memastikan yang kestabilan pertukaran pasaran wang asing itu dapat diwujudkan dan di samping itu juga kita hendak pastikan supaya akan ada ketelusan mengenai perkara ini.

Jadi, itulah reaksi-reaksi yang telah kita perolehi daripada usaha-usaha yang telah dimulakan daripada peringkat awal sampailah ke peringkat Eropah dan lepas itu sampai ke Washington. Jadi, kalau semua ini diambil kira, maka memanglah banyak negara, bukan sahaja negara membangun tapi negara-negara yang maju pun telah terlibat dalam persidangan seperti ini. Jadi, 'the built up' yang telah kita usahakan supaya satu pengakuan dapat diterima dan satu reaksi masyarakat dunia dapat diperolehi untuk memastikan nanti akan ada ketelusan dan pengawalan,



mengurangkan kesan-kesan buruk yang akan ditimbulkan oleh pengaliran modal jangka pendek itu telah bolehlah saya katakan dapat diperolehi pada waktu ini. Cuma kita kena menunggulah lagi sedikit masa untuk tindakan-tindakan selanjutnya bagi mencapai matlamat itu dan kerajaan kita memang dihubungi oleh pihak IMF, yang telah menyatakan bahawa perkara ini harus dilakukan, tetapi ia memerlukan sokongan negara-negara yang dikatakan important, dia tak sebutlah negara yang important itu siapa? Tapi, tentulah banyak juga negara-negara yang penting, terutama negara-negara yang ada dalam kumpulan G8. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Luar Negeri kita yang datang bersama. Saya dapati banyak Menteri dan Timbalan Menteri pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, memikirkan dunia sekarang ini tidak ada sempadan, secara hakikatnya bukannya secara digital, saya menyanjung tinggi kepada diplomat-diplomat kita, duta-duta dan high-commissioners kita yang menjalankan tugas yang begitu baik di luar negara sekarang ini. Yang saya hendak tanya ialah adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan peranan-peranan yang dimainkan oleh duta kita? Saya bertanya begini sebab dalam dunia sekarang ini negara-negara memikirkan politik untuk menyelesaikan masalah yang lebih penting lagi daripada undang-undang – seperti di Iraq, bukan lagi legality tetapi adalah political. Oleh itu, adakah negara-negara yang sensitif ini kerajaan memikirkan untuk mengadakan duta ataupun high-commissioner terdiri daripada orang-orang politik yang berkelayakan? [Ketawa]

**Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, orang politik pun ada yang telah dilantik untuk menganggotai mission kita di luar negeri dan ada juga yang telah dilantik untuk menjadi 'special envoy' bagi mengendali isu-isu yang penting, sensitif dan memerlukan banyak perhatian dan tumpuan masa yang memang kalau hendak diserahkan sebulat-bulatnya kepada pegawai biasa, mungkin akan mengambil masa yang terlalubanyak sedangkan perkara-perkara biasa yang perlu diberi perhatian itu pun memang banyak sangat dan kedudukan kepegawaian kita – establishment kita sebagaimana yang telah saya terangkan tadi pun bukan ramai. Jadi, mereka ini sebenarnya adalah orang yang boleh membantu kerja kita dan saya berpuas hati dengan kerja mereka.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini, seperti juga saudara saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki kata tadi, kita berdepan dengan masalah yang lebih besar iaitu masalah mengembalikan keyakinan kepada Malaysia sebagai sebuah negara dan sebagai sebuah kerajaan. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan yang bertanggungjawab mengenai meninggikan imej negara kita dan sebagainya ini, apakah kaedah-kaedah ataupun cara-cara pendekatan ataupun *modus operandi* yang diambil oleh pihak kementerian bagi menentukan bahawasanya duta-duta kita ini dapat dibentuk semula sejajar dengan 'borderless world' ini, dengan izin, – dunia tanpa sempadan ini, bagi mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur. Bererti

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya kita memerlukan 'informal contact', dengan izin, bukannya forum-forum, summit-summit dan sebagainya.

Saya hendak tahu bagaimanakah pendekatan baru yang diambil oleh pihak kementerian iaitu anjakan paradigma bagi menentukan supaya duta-duta kita ini bersesuaian dengan arus baru untuk menentukan kembalinya keyakinan pelabur-pelabur baik dari segi politik, ekonomi dan kewangan kembali balik ke Malaysia.

**Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil sebelum daripada berlakunya krisis kewangan kita ini tetapi yang berkaitan dengan matlamat dan tujuan baru iaitu memberi juga keutamaan kepada hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi dan isu-isu yang berupa geo-economic itu telah pun dilakukan apabila duta-duta kita daripada seluruh dunia dipanggil balik – sudah dua kali dan itu telah pun dibuat. Pertemuan-pertemuan mereka dengan kepimpinan negara, kepimpinan kerajaan dan tempatan juga swasta telah pun diatur untuk program mereka tetapi yang berkaitan dengan kegawatan ekonomi yang baru ada ini, kita tidak dapat panggil mereka – duit pun tidak ada tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi penjelasan yang secukupnya dan telah pun menerangkan dan menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil kepada kami untuk disampaikan kepada duta-duta kita dan surat-surat siaran telah pun dikeluarkan untuk makluman dan tindakan-tindakan mereka dan di samping itu di mana juga saya pergi dan berkesempatan untuk berjumpa dengan duta-duta kita dan memanglah kesempatan itu diambil untuk memberi penerangan kepada mereka dan bertanya apakah tindakan-tindakan yang mereka ambil.

Dalam kerja-kerja duta ini, kita memang mengutamakan pertemuan mereka secara 'face to face' – pertemuan dengan pemimpin-pemimpin negara, pemimpin-pemimpin swasta di negara tersebut di mana kita dapat memberi penerangan kepada mereka sejelas-jelasnya tentang situasi di negara kita sekarang ini khususnya dalam setahun ini – selepas bulan Julai tahun sudah apabila bermulanya krisis kewangan, kita boleh terangkan kepada mereka dan juga pemimpin pihak swasta pun mereka juga bertemu semasa umpamanya – dahulu pun ini menjadi satu kelaziman juga semasa kita menghadapi masalah dengan Britain dahulu pun duta kita memang mengambil masa yang agak banyak untuk bertemu dengan usahawan-usahawan terbesar di negara Britain untuk menerangkan apakah yang telah berlaku. Jadi, tindakan yang sama dijalankan sekarang ini.

Saya ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada waktu ini tidak ada pun sebuah negara yang menyatakan kami sudah hilang keyakinan dengan Malaysia tetapi sebaliknya mereka telah menyatakan bahawa kami yakin Malaysia boleh memulihkan ekonominya kerana kami tahu fundamental ekonomi Malaysia adalah kukuh dan yang lebih-lebih lagi kami lihat bahawa Malaysia masih menikmati kestabilan politik. Ini adalah satu situasi yang akan memberi satu kekuatan dan akan dapat menjayakan daya usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi tetapi kalau berlaku tindakan-tindakan yang menjejaskan kestabilan negara kita – kestabilan politik, maka tidak ada sesiapa pun yang boleh buat, orang yang pandai pun tidak akan dapat buat, kalau itulah situasinya.

Jadi, mereka telah melihat perkara ini dan alhamdulillah, kita sekarang ini menerima banyak rombongan swasta yang datang – bukan rasmi tetapi telah pun datang – Arab Saudi yang tidak pernah

hantar dahulu, satu rombongan perniagaan yang besar-besaran telah pun dihantar baru-baru ini dan ahli perniagaan dari Negara-negara Teluk pun telah datang dengan bersendirian, dengan 'contact' mereka yang tersendiri dengan pihak swasta kita. Saya diberitahu oleh attache-attache perdagangan kita di Dubai dan dari Mesir pun sudah datang. Jadi, ertinya dalam keadaan ini mereka pula lihat mungkin ini masanya yang baik untuk mereka melabur di Malaysia dan mungkin juga mencari peluang-peluang untuk penyertaan ekuiti dalam syarikat-syarikat yang besar dan berdaya maju tetapi yang sekarang ini mempunyai syer-syernya yang agak murah.

### **KEMPEN SATU PRODUK SATU KAMPUNG – PROMOSI**

8. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan prestasi kejayaan kempen satu produk satu kampung setakat ini adakah pihak kementerian bercadang untuk mempergiatkan promosi produk-produk bermutu ke luar negeri tidak lama lagi.

#### **Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar merupakan salah satu kementerian yang turut mempromosikan pendekatan satu kampung satu produk dengan melaksanakan projek printis satu kampung satu produk di kawasan Peringat, Kelantan pada pertengahan tahun 1997. Bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, satu kampung satu produk ini merupakan usaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi luar bandar dan meningkatkan pendapatan luar kebun.

Sehingga ini projek satu kampung satu produk yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melibatkan seramai 65 pengusaha yang mengeluarkan sebanyak 40 produk yang terdiri daripada produk makanan, jahitan, ternakan, kraftangan, batik, bahan binaan dan semaian pokok-pokok bunga. Projek satu kampung satu produk ini telah dilancarkan pada bulan Mac 1998.

Bagi mempromosikan projek satu kampung satu produk ini seterusnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menganjurkan satu ekspo di Ketereh, Kelantan pada 9, 10 dan 11 Mei yang lalu. Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang mempunyai cadangan untuk mempromosikan produk-produk hasil keluaran projek satu kampung satu produk ke luar negeri apabila produk-produk tersebut telah mencapai mutu pengeluaran di tahap yang membanggakan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya program satu kampung satu produk atau 'one village one

product' adalah program yang dilaksanakan di Jepun, di Auta Perfecter dan telah pun berjaya dijalankan tetapi di negara kita, kita mengambil pendekatan satu kampung satu produk ini dilaksanakan secara sambil-lewa. Semua kampung cuba untuk mengetengahkan produk masing-masing dengan tidak ada satu perancangan yang tersusun. Di Auta Perfecter pengeluaran adalah mengikut daerah, satu daerah maknanya satu pengeluaran, kalau satu daerah itu mengeluarkan limau bali misalnya, seluruh penduduk berkenaan mengeluarkan limau bali. Saya ingin bertanya kepada kerajaan sejauh mana kerajaan berpuas hati dengan program satu kampung satu produk yang menjadi momokan kepada seluruh penduduk di negara kita dan bagaimana kerajaan berusaha supaya memantapkan program ini supaya kita juga dapat mengeluarkan one village one product sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh negara maju di Jepun.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada peluang untuk pergi ke Jepun melawat projek ini. *[Memandang ke arah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri][Ketawa]* Menteri Kewangan tidak ada beri kebenaran. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi ini adalah satu projek printis. Baru-baru ini – baru kita rancang pada pertengahan tahun 1997 dan rancang dalam bulan Mac dan juga kita mengadakan satu ekspo yang sepatutnya dirasmikan oleh pemimpin yang kita sayangi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, wakilnya datang untuk merasmikan. *[Ketawa]*

Dalam pameran itu, Tuan Yang di-Pertua, barang-barang (products) yang dipamerkan oleh pengusaha-pengusaha itu telah habis dijual. Selain daripada itu mereka juga telah menerima tempahan lebih daripada RM100 juta. Ini menunjukkan kita berjaya dalam dua, tiga bulan ini. Jika kita boleh bersungguh-sungguh memberi satu sokongan penuh khasnya dari senator dan wakil rakyat, maka kita boleh berjaya dalam masalah ini – tidak ada!

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar tempahan lebih daripada RM100 juta, betul atau tidak angka ini? Tolong beritahu kepada Dewan yang mulia ini?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan gelanggang permainan. Apa yang saya kata itu benar. *[Ketawa]*

### **BSKL – BILANGAN REMISIER BERDAFTAR**

9. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah bilangan remisier yang berdaftar dengan BSKL dan berapakah bilangan yang diambil tindakan dan apakah tindakan yang diambil ke atas kesalahan mereka sehingga April tahun ini.

**Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat 25 Mei 1998, seramai 7,356 orang remisier telah berdaftar dengan Bursa Saham Kuala Lumpur dan sehingga April 1998, 16 orang remisier telah dikenakan tindakan disiplin kerana tidak mematuhi beberapa prosedur yang ditetapkan. Di antara kesalahan yang diambil tindakan termasuklah tidak menjalankan tugas dengan amanah serta menyalahgunakan akaun pelanggan. Denda yang dikenakan ialah di antara RM3,000 hingga RM6,000 setiap seorang.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan jika terbukti benar boleh membawa hukuman denda lesen digantung atau dikeluarkan dari senarai daftar wakil peniaga tetapi dalam hal yang berkaitan, pengajaran di dalam kemelut ekonomi sekarang ini menuntut kita melihat keperluan mengenakan tatalaku yang lebih teratur berhubung dengan, dengan izin, corporate governance sebab itulah sekarang kita sedang memperhebat dan mempersiapkan acara supaya dapat kita memperkenalkan satu prosedur dan tatalaku pengurusan yang baik kerana sementara pengurusan kerajaan harus ditingkatkan, pengurusan pihak swasta juga perlu diberikan penekanan supaya tidak ada kecuaiian dalam pengurusan sektor swasta.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan yang baru-baru ini banyak mengeluarkan pendapat dan pendekatan untuk menguatkan lagi corporate governance di negara kita ini sehinggakan ketelusan itu mungkin meningkatkan lagi kepercayaan pelabur-pelabur dalam negeri dan luar negeri.

Tetapi dalam isu remisier ini, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita dapati ramai yang terpaksa berhenti dan apabila mereka berhenti, mereka memohon dikembalikan security deposits daripada syarikat-syarikat 'broking firms' ini tetapi malangnya, kita dapati ada syarikat-syarikat 'broking firms' ini yang telah pun menyalahgunakan security deposits ini tadi untuk dijadikan working capital, dengan izin, modal kerja. Remisier ini bila sudah berhenti tidak dapat balik duitnya.

Saya hendak tahu daripada pihak Kementerian Kewangan berapa banyak broking firm yang terlibat yang kemungkinan menyalahgunakan – yang menjadikan security deposits ini sebagai modal kerja dan tidak diserahkan balik kepada remisier-remisier yang berkenaan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibangkitkan oleh wakil-wakil Persatuan Remisier dan perkara ini sedang diteliti oleh pihak Perbendaharaan bersama dengan Bursa Saham Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Sekuriti. Yang perlu kita perhatikan ialah sama ada benar tuduhan bahawa security deposits ini telah disalahguna ataupun dipakai terlebih dahulu ataupun tidak dikembalikan.

Dari maklumat awal yang kita perolehi memang terdapat beberapa kecuaihan di pihak syarikat-syarikat broker dan kita akan tentunya mengambil tindakan yang tegas sekiranya ini berlaku dan juga untuk menjamin kepentingan remisier tetapi ini sekali lagi memperkuat hujah saya bahawa soal corporate governance ini mesti diberikan perhatian yang berat kerana ia juga melibatkan syarikat-syarikat dan korporat besar. Kadang-kadang pengumuman mereka dan keputusan mereka tanpa prinsip pertanggungjawaban dan ketelusan telah menyebabkan keyakinan terhadap sistem ekonomi kita itu terhakis. Sebab itu sebelum perkara ini terlambat dan terlewat dan keyakinan itu terus terhakis, kita harus mengambil tindakan yang tegas dan memastikan bahawa warga korporat yang besar sekalipun tidak terlepas daripada prinsip pertanggungjawaban.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang dalam kesibukan beliau selaku Timbalan Perdana Menteri juga Pemangku Perdana Menteri, dapat bersama-sama kita untuk menjawab soalan. Memberkati kehadiran beliau, saya ingin mengusulkan soalan tambahan.

Kita dapat mengetahui bahawa syarikat broker saham telah pun digantung oleh Suruhanjaya Sekuriti dan ada di antara mereka pula dihadkan urusan niaganya. Soalan saya ialah berapakah yang telah diambil tindakan begitu, siapa kalau dapat dan kenapa? Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti terpaksa mengambil tindakan memandangkan syarikat-syarikat broker saham ini memegang dan memikul amanah pemegang-pemegang saham dan oleh yang demikian, kekuatan syarikat ini harus dipertahankan dan mereka harus mempunyai modal yang cukup untuk menjaga kepentingan pemilik saham. Sekiranya ini tidak dapat dipertahankan maka kepentingan pemilik saham mungkin terkorban. Sebab itulah syarat-syarat dan garis panduan harus dipatuhi.

Setakat ini yang digantung lesen niaga ialah MBF Northern Securities dan Labuan Securities tetapi beberapa syarikat lain juga telah pun dikenakan larangan berurusan dalam sekuriti ataupun menjalankan perniagaan untuk memberikan kesempatan kepada mereka untuk memberi penjelasan tentang kedudukan kewangan mereka sama ada kukuh atau tidak. Beberapa syarikat lain diberikan had berurusan niaga secara tunai, dengan izin, transaction secara tunai dibenarkan tetapi tidak sebaliknya kerana bimbang – takut-takut mereka tidak dapat mempertahankan kepentingan pelanggan.

Jadi, saya tidak dapat memberikan semua nama syarikat-syarikat yang terlibat walaupun telah diumumkan kepada awam syarikat-syarikat yang terlibat itu. Saya inginlah sekali lagi menjelaskan bahawa tindakan menggantung ataupun akhirnya membatalkan itu hanya setelah diteliti bukan sahaja kedudukan syarikat tetapi juga kepentingan pelanggan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu apakah syarat-syarat utama yang dikenakan untuk menjadi seorang remisier dan setakat ini bolehkah kerajaan memaklumkan bilangan remisier yang terdiri daripada golongan bumiputera dan bukan bumiputera.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan macam itu kena beri notis selalunya [*Ketawa*] tetapi oleh kerana Yang Berhormat hendak uji saya, saya cubalah. [*Ketawa*]

Syarat hendak jadi remisier ini, umur 21 tahun ke bawah, lulus minimum SPM...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ke bawah?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Eh, ke atas, ke atas. *[Ketawa]* Saya hendak uji sama ada Tuan Yang di-Pertua dengar saya menjawab ataupun tidak. *[Ketawa]* Tidak bankrap, tidak ada rekod jenayah terutama di bawah Akta Perindustrian Sekuriti dan ada satu ujian khas untuk mengetahui keupayaan dan juga maklumat yang dipunyai oleh calon sebelum disahkan sebagai remisier.

Tentang peratus bumiputera sebagai remisier, sebenarnya remisier ini ada dua kategori – sama ada yang disebut sebagai remisier yang tetap ‘fixed dealers’ ataupun remisier dalam kategori yang mengutip komisen yang disebut remisier dealers. Untuk remisier yang tetap ini sejumlah besar adalah di kalangan bumiputera, lebih daripada 70% – 1,390 lebih yang bumiputera. Untuk remisier dealers ini hanya 19.9% sahaja bumiputera, selebihnya bukan bumiputera.

**Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Penerangan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Eh! *[Ketawa]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin:** Eh, eh, minta maaf – Menteri Kewangan. *[Ketawa]* Tadi saya mendengar Yang Amat Berhormat menyebutkan bahawa kita mahu supaya rakyat kita tidak terhakis keyakinan kepada sistem ekonomi. Apabila kita membincangkan soal pembelian saham, saya sebenarnya was-was apabila memikirkan soal pembelian saham ini. Bagi saya pembelian saham – kita membeli saham yang ada di pasaran bertujuan untuk melibatkan diri kita dalam perniagaan dan untuk tumpang sama mendapat keuntungan daripada perniagaan sesebuah syarikat tetapi apa yang berlaku kita lihat pembelian saham ini seolah-olah ada kaitannya dengan gambling, dengan izin, ataupun perjudian dan sistem itu sendiri memperlihatkan kepada kita bahawa tidak ada ketelusan kerana saham yang kita beli bukanlah merupakan nilai sebenar sesebuah syarikat tetapi pembelian yang kita lakukan adalah merupakan nilai speculate di dalam pasaran.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengkaji sistem ini supaya kita dapat melahirkan sebuah sistem yang telus dan sistem yang terbaik untuk rakyat kita sama-sama melibatkan diri dalam perniagaan di syarikat-syarikat besar dalam negara kita bukan merupakan satu gambling, dengan izin, ataupun perjudian.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pembelian saham ini terbuka dan bebas untuk sesiapa juga yang mempunyai keupayaan tetapi saya akui dan selama ini dalam beberapa ucapan kita dan juga teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam beberapa kesempatan bersama dengan institusi kewangan supaya jangan jadikan pasaran saham dan bursa saham sebagai kasino – maknanya membeli dan menjual dengan unsur spekulasi yang cukup kuat dan tebal.

Oleh yang demikian, kita boleh memperbaiki peraturan, mengambil tindakan bagi kes-kes di mana syarikat ataupun broker saham sama terlibat di dalam perilaku yang bertentangan dengan tatacara atau tatalaku yang wajar dan saya jangka pihak Suruhanjaya Sekuriti akan terus mengambil tindakan. Siasatan akan dan sedang diteruskan dan saya percaya tindakan-tindakan akan diambil untuk bertindak terhadap syarikat-syarikat yang terlibat ini. Sebab itu juga ia berkaitan dengan apa yang saya tegaskan

di peringkat awal iaitu pengalaman ini mengajar kita untuk lebih bersedia menghadapi kemungkinan dengan menentukan ada tatalaku pengurusan atau corporate governance yang baik, yang harus dipatuhi oleh semua. Sekarang umpamanya dalam beberapa usaha penyusunan semula, restructuring dan juga langkah-langkah yang diambil oleh syarikat, kadang-kadang bersubahat dengan broker saham telah menjadikan bursa saham itu tempat perjudian dan menghakis keyakinan.

Sebab itu saya yakin, insya-Allah, kalau kita dapat terus bertegas memperkenalkan peraturan-peraturan tambahan sekiranya perlu, bertindak terhadap syarikat-syarikat yang cuai dan menyeleweng, ia akan menyelamatkan bukan sahaja dari kalangan pelanggan dan pembeli saham tempatan tetapi juga pelanggan dan pembeli saham daripada luar. Cuma keterbatasan atau keterikatan kita ialah kerana kita ini mendukung satu sistem kewangan yang diterimapakai di peringkat international. Jadi perubahan-perubahan yang kita buat itu tidak boleh mengetepikan peraturan antarabangsa kerana Bursa Saham Kuala Lumpur juga terbuka dan terikat dengan sistem kewangan dan pasaran antarabangsa. Jadi, kita boleh buat beberapa penyesuaian dan perubahan asalkan tidak nampak terlalu lari dan bertentangan dengan sistem pasaran bebas yang kita terimapakai sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan bagi Soal Jawab Mulut sudah pun cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 37 akan dijilid dalam buku yang berasingan]***

#### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". *[1 Jun 1998]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menyambung jawapan.

**3.45 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menyambung perbahasan kita semalam bagi memberi penjelasan mengenai persoalan-persoalan yang telah dibincangkan oleh empat orang Ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan semalam mengenai Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Yang Berhormat Dato' Zuki ada menanyakan mengapa Mahkamah Syariah tidak diletak setaraf dengan Mahkamah Sivil. Memang menjadi hasrat kerajaan melalui JAKIM, kita telah berusaha sebaik mungkin supaya taraf Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah Sivil, selain daripada kita menentukan hakim-hakim mahkamah dan pegawai-pegawai mahkamah diberi jawatan-jawatan yang



tinggi. Begitu juga menentukan supaya kelengkapan-kelengkapan yang lain juga diadakan dengan sebaik mungkin di mahkamah-mahkamah.

Selain daripada itu, kita menubuhkan satu Jabatan Mahkamah Syariah Persekutuan, ini memang bertujuan khas untuk membuat kajian dan meneliti perkara-perkara yang perlu bagi menentukan selain daripada jawatan itu dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan hakim-hakim di mahkamah-mahkamah yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Zuki juga bertanya sejauh mana kedudukan penyeragaman undang-undang Islam yang kita sedang jalankan sekarang. Sebagaimana kita maklum bahawa bagi Wilayah Persekutuan, kita telah meluluskan beberapa undang-undang yang berkaitan dengan perjalanan undang-undang Islam yang mana Wilayah Persekutuan sekarang menggunakan akta-akta yang telah diluluskan bagi menjalankan perjalanan mahkamah dan juga perjalanan pentadbiran Islam. Di antara undang-undang yang telah diluluskan ialah Pentadbiran Undang-undang Islam, Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Jenayah Syariah, Akta Keterangan Mahkamah Syariah, Prosedur Jenayah Syariah dan pada hari ini kita hendak meluluskan Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Dengan sebab kelulusan akta ini pihak Wilayah Persekutuan telah menjalankannya, maka dengan sebab itulah kita kedatangan bahawa mahkamah-mahkamah di Wilayah Persekutuan telah berjalan dengan baik sehinggakan banyak perkara yang telah diselesaikan dengan baik sekali. Jadi, sekiranya rang undang-undang ini juga dapat diselaraskan di seluruh negara, saya percaya kita boleh juga memperbaiki perjalanan Mahkamah Syariah di seluruh negara kita.

Selain daripada itu, draf contoh yang kita hendak mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja telah kita siapkan dan telah diserahkan kepada Jemaah Menteri. Sekarang perkara ini berada di pihak Jemaah Menteri yang akan dipertimbangkan untuk diputuskan supaya dibawa kepada Majlis Raja-Raja dengan secepat mungkin untuk mendapat perkenan daripada Majlis Raja-Raja Melayu. Insyallah, kalau sekiranya perkara ini diperkenan oleh Majlis Raja-Raja Melayu sudah barang tentu perkara ini akan dibawa ke negeri masing-masing untuk diluluskan di Dewan Undangan Negeri di tiap-tiap negeri.

Selain daripada itu, mengenai Pesuruhjaya Sumpah. Wilayah Persekutuan memang telah melantik seorang Pesuruhjaya Sumpah yang memberi kemudahan kepada orang ramai yang hendak menggunakan apa-apa kenyataan untuk disahkan. Sebenarnya mana-mana Pesuruhjaya Sumpah yang sedia ada di Wilayah Persekutuan ataupun di mana-mana boleh digunakan bagi mengesahkan apa-apa keterangan kita untuk digunakan dan untuk dibicarakan, asalkan orang yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Sumpah adalah orang Islam. Jadi, maknanya kita boleh menggunakan Pesuruhjaya Sumpah yang ada di negara kita asalkan mereka itu adalah beragama Islam.

Selain daripada itu, saya pergi kepada Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim. Beliau juga menyatakan mengenai undang-undang yang tidak seragam di seluruh negara. Ini memanglah menjadi hasrat kita untuk menyeragamkan. Tetapi walau bagaimanapun, segala akta yang telah diluluskan oleh kita mengenai dengan akta-akta di Wilayah Persekutuan, banyak di antara negeri yang telah menggunakan akta ini untuk membuat di negeri mereka daripada akta-akta yang diluluskan bagi Wilayah Persekutuan. Sebab itulah kadangkala tidak terdapat begitu banyak perbezaan walaupun ada sedikit-

sebanyak dalam perkara-perkara tertentu yang masih berbeza. Saya percaya sebagaimana saya nyatakan tadi kalau ini diperkenankan, kita boleh menyelaraskan lebih kemas lagi di seluruh negara. Jadi, JAKIM menerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sivil dan Syarak sentiasa mengkaji dan juga cuba menyelaraskan perkara ini supaya perkara-perkara yang selalu dibangkitkan oleh orang ramai dan juga perkara-perkara yang berlaku di mahkamah-mahkamah di negeri-negeri boleh diambil kira untuk dijadikan penjelasan yang kita hendak bantangkan ataupun hendak mendapat persetujuan atau perkenan daripada Majlis Raja-Raja Melayu.

Yang Berhormat Senator Puan Kamalia juga menyarankan supaya ahli-ahli panel Hakim Mahkamah Rayuan hendaklah orang yang sama dilantik sebagai ahli panel hakim untuk negeri-negeri lain. Mahkamah Syariah lebih terbuka. Kalau Mahkamah Sivil misalnya telah melantik orang-orang tertentu, mungkin tujuh orang hakim yang dilantik sebagai hakim Mahkamah Rayuan. Kalau diadakan perbicaraan Mahkamah Rayuan, maka tiga orang daripada hakim-hakim yang telah dilantik ini akan diambil untuk menjadi hakim di Mahkamah Rayuan. Tetapi bagi Mahkamah Syariah, kita ada melantik hakim-hakim yang pakar dalam bidang Islam menjadi hakim Mahkamah Rayuan. Selain daripada itu, kita juga terbuka, kalau negeri itu untuk menggunakan hakim dilantik oleh negeri lain untuk menjadi hakim di Mahkamah Rayuan di mana-mana negeri, mereka berhak meminta supaya hakim berkenaan itu datang. Ini, telah kita jalankan, misalnya Profesor Ahmad Ibrahim yang memang menjadi hakim rayuan di Mahkamah Syariah di banyak negeri, bukan satu negeri sahaja, negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan mana-mana negeri jemput untuk digunakan, begitu juga Sheikh Ghazzali kita, diambil oleh negeri-negeri tertentu.

Maknanya, yang penting ialah kemahiran hakim itu di dalam satu-satu kes, bukan kita menentukan, menyenaraikan hanya orang itu sahaja boleh dipastikan menjadi hakim di Mahkamah Rayuan. Dan lantikan mereka ini mestilah kita berpandu kepada pengalaman yang sudah tentu berpengalaman yang tinggi, mungkin 10 tahun berpengalaman menjadi hakim di mahkamah-mahkamah rendah ataupun di Mahkamah Tinggi kemudian orang ini kita pilih. Selain daripada itu, selalunya Pengerusi Hakim bagi Mahkamah Rayuan di negeri ialah Ketua Hakim Syarie di negeri-negeri yang berkenaan. Jadi, kita nampak perkara ini tidaklah satu perkara yang mungkin tidak menjalankan hukuman yang adil oleh hakim-hakim Mahkamah Rayuan sebagaimana saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh di sini ialah mengenai dengan cadangan mewujudkan mahkamah yang lebih cara friendly. Ini memang kita ambil perhatian, sebab kita ada 'sulhoon', ini Bahasa Arab bererti, kita menyelesaikan masalah di luar mahkamah. Bahasa Arabnya dalam bil kita ialah 'sulh'. Dalam bahasa kita ialah menyelesaikan apa-apa kes di luar mahkamah. Kita beri peluang, berertinya kita tidak bawa masuk ke dalam satu bilik bicara mahkamah, tetapi kita masuk ke dalam satu bilik tertentu dan berbincang kes itu. Kalau sekiranya kes itu di antaranya boleh selesai dengan cara luar mahkamah, kedua-dua pihak bersetuju, jadi pihak mahkamah akan menjalankan yang disetujui itu secara luar mahkamah ini akan dijalankan apa yang mereka telah setuju.

Tetapi kalau sekiranya ada perkara yang tidak dapat diselesaikan dengan cara luar mahkamah, maka perkara itu boleh difailkan untuk dibicara di mahkamah. Jadi, kita tidak payah menunggu

Jawatankuasa Pendamai yang kadangkala ada Jawatankuasa Pendamai ini yang tunggu dahulu beri peluang sebulan supaya mereka berpakat lagi di luar mahkamah apa patut diberi keputusan. Tetapi dengan bil ini apa sahaja perkara yang boleh diselesaikan secara luar mahkamah, kita terus jalankan. Mana yang tidak dapat diselesaikan kita terus failkan untuk dibicara di mahkamah. Kalau sekiranya ada di antara yang dipersetuju, okay kita selesaikan secara luar mahkamah.

Ini satu perkara yang kita bawa untuk memudahkan lagi supaya orang-orang yang terlibat bicara di Mahkamah Syariah ini dapat dijalankan dengan cepat dan juga dapat diselesaikan dengan cara lebih puas hati kepada kedua-dua pihak. Jadi, inilah di antara perkara-perkara yang kita kemukakan untuk memudahkan lagi kita dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit.

Selain daripada itu juga, Senator Puan Kamilia memberi pandangan supaya perlantikan pembantu undang-undang di Mahkamah Syariah oleh Baitulmal. Kita sekarang menggunakan Pembantu Undang-undang di Mahkamah Syariah ialah daripada Pendaftar dan juga Penolong Pendaftar. Mereka menolong hakim-hakim di mahkamah. Setakat ini mereka di Wilayah Persekutuan boleh menjalankan ini. Tetapi kalau sekiranya masa akan datang perlu kepada perlantikan, pendaftaran atau perlantikan pembantu-pembantu hakim, kita lebih baik mewujudkan jawatan tetap sebagai mana Mahkamah Sivil. Kerana kita tidak boleh melantik mereka hanya merupakan jawatan kontrak ataupun sambilan. Eloklah kita lantik sebagai jawatan tetap. Sekiranya perlu kita akan cuba mewujudkan jawatan-jawatan tertentu oleh pihak Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri berkenaan supaya mereka melantik pegawai-pegawai yang tetap sebagai pembantu kepada hakim-hakim mahkamah. Ini lebih baik, tetapi buat masa sekarang di Wilayah Persekutuan kita menggunakan Pendaftar dan juga Penolong Pendaftar sebagai menolong membantu hakim-hakim di Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan.

Begitu juga mengenai supaya Baitulmal membantu isteri-isteri yang ditinggalkan oleh suami. Baitulmal di Wilayah Persekutuan memang mengambil berat, kerana ada di antara suami yang tidak bertanggungjawab. Kita tidak tahulah mengapa sebabnya. Kadangkala manusia ini bertindak agak lebih tidak setimpal dengan manusia itu sendiri. Maka isteri kadangkala dibuat lebih, tidak tahulah saya hendak bayangkan. Setengahnya daripada mereka sepatutnya tidak boleh dipanggil sebagai suami. Memang pihak Mahkamah Persekutuan mengambil berat perkara ini. Sebab itu kita sekarang sedang membuat satu pusat perlindungan wanita yang memakan belanja banyak juta ringgit di mana pusat ini kita akan memulihkan isteri-isteri yang telah ditinggalkan oleh suami yang tidak dapat dibela oleh waris-waris mereka dan juga menempatkan saudara-saudara baru yang baru masuk Islam. Jadi, bila pusat ini telah dapat digunakan, insya-Allah, mungkin akhir tahun ini ataupun tahun depan, kita percaya bahawa mana-mana bekas isteri yang dianiaya oleh suami dan juga mereka yang agak perlu dipulihkan, maka kita akan tinggalkan mereka di pusat ini supaya kita beri kaunseling supaya mereka dapat berdikari. bukan sahaja kita memberikan mereka pelajaran agama yang lebih mendalam, kita juga akan memberikan latihan-latihan tertentu untuk mereka berdikari apabila mereka keluar dan sebagainya, seperti mereka akan belajar menjahit pakaian dan sebagainya yang sesuai dengan keadaan mereka. Jadi, apabila mereka pandai, mungkin mereka mampu untuk membuka kedai jahitan, kita akan berikan peluang kepada mereka.

Dalam pada itu, sekiranya semasa mereka di pusat ini, kalau sekiranya ia tidak dicerai oleh suaminya, kemudian kalau sekiranya suaminya telah sedar bahawa pentingnya mereka bersatu kembali dengan isterinya, kita akan beri peluang supaya mereka balik semula. Begitu juga kalau sekiranya di antara mereka itu telah dianiaya dan tidak ada tempat lain, mereka itu menjadi janda misalannya, tetapi ada orang lain yang kira hendak berkahwin di tempat pemulihan ini, juga kita akan selamatkan atau berikan penyelesaian supaya mereka dikahwinkan kepada mereka yang bertanggungjawab. Inilah di antara objektif pusat pemulihan ini diadakan. Saya percaya inilah pusat yang pertama diadakan bagi Wilayah Persekutuan, negeri lain masih belum buat lagi. Insya-Allah, kalau ada ini kita boleh laksanakan sebagaimana saya nyatakan tadi.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah dicadangkan adalah sangat menarik. Adakah agaknya hendak dijadikan salah satu tugas pusat ini untuk mencarikan pasangan-pasangan bagi janda-janda yang mungkin akan tinggal di sana?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Janda ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak jenis. *[Ketawa]* Satu, janda kaya yang tidak perlu diletakkan di tempat pemulihan ini. Kalau dia janda kaya, dukunya selesa, itu terpulanglah kepada dia mencari jodoh masing-masing di tempat lain. Yang penting pusat ini ialah kita mengambil mereka yang telah dianiaya oleh suami-suami mereka yang tidak ada tempat mereka hendak duduk, sebab itu kita bawa kemari. Sebab itulah dua keadaan yang berbeza, janda banyak juga caranya, setengahnya janda kerana suami dia mati. Kalau setengah janda suami dia mati, kadangkala suaminya semasa itu orang cukup kaya, dia mempunyai harta yang banyak, anak yang baik, mereka akan menjaga ibu mereka dengan baik dan tempat tinggal mereka juga baik. Ini tidak perlu kita tempatkan di pusat ini. Jadi, perkara ini kita tengok cara mana kita mengambil orang untuk ditempatkan di pusat ini. Tetapi hakikatnya pusat ini adalah bagi isteri-isteri yang dianiayai oleh suami dan tidak ada tempat lain untuk mereka berlindung ataupun mereka datang sendiri mendaftar diri untuk tinggal di sini, inilah yang akan kita menjaga mereka supaya mereka mendapat jaminan hidup di masa akan datang.

Selain daripada itu, saya juga hendak menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba mengenai pembahagian harta kepada anak angkat. Mengenai anak angkat, dalam Islam dia tidak akan boleh mewarisi harta apabila bapa angkatnya meninggal. Kecuali kalau sekiranya bapa angkat itu ada rasa untuk menolong, mungkin semasa dia hidup dia terus memperuntukkan harta tertentu kepada anak angkat. Ini adalah dibuat, bererti tidaklah keseluruhan harta itu dia ambil, mungkin sedikit daripada harta itu dia terus tukar nama kepada anak angkat dia. Jadi, apabila dia meninggal, harta itu terus kekal kepada anak angkat. Tetapi kalau sekiranya dia tidak beri semasa hidup, harta peninggalan itu menjadi harta pusaka yang boleh dituntut oleh waris -waris mutlak, tidak terjatuh kepada anak angkat. Sekiranya dia juga membuat wasiat, kemudian apabila dia membuat wasiat dia meninggal, maka wasiat itu hanya boleh dipakai satu pertiga daripada wasiat itu. Dia kata, 'kalau saya tidak ada lagi di muka bumi saya hendak beri kesemua harta saya kepada anak angkat'. Tidak boleh, dia hanya boleh lekat satu pertiga ataupun jumlah tertentu yang ditentukan kurang daripada satu pertiga boleh diberi kepada anak angkat, tetapi dengan syarat persetujuan daripada waris -waris mutlak

daripada yang meninggal itu. Kalau tidak, tidak boleh juga. Inilah di antara wasiat dalam Islam yang boleh kita gunakan untuk beri harta kepada anak angkat. Saya percaya kita semua tahu hal ini.

Wasiat ini ada dua orang boleh bertulis dan boleh lisan tetapi dengan lisan mesti ada saksi. Kalau tidak dia akan mendakwa begitu sahaja. Dia kata, 'dia pernah bercakap kepada saya dia hendak beri harta sekian-sekian.' Pada hal tidak ada bukti lain, hanya dia kata bercakap sahaja. Sebab itu kalau wasiat itu dengan cara mulut ataupun lisan, mesti ada saksi. Saksinya kata, 'ya, saya ada dengar dia cakap macam itu hendak beri harta sekian-sekian sebagai wasiat.' Kalau bertulis, mestilah tulis nyata dan ditandatangani mengatakan 'kalau saya tidak ada saya beri harta sekian-sekian kepada sipolan bin sipolan.' Ini boleh digunakan untuk menuntut wasiat kepada siapa yang telah diberi wasiat kepada anak angkat ataupun kepada siapa yang tertentu.

Selain daripada itu, saya juga hendak berpindah kepada Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah binti Ahmad mengenai dengan kursus-kursus kepada bakal suami, bakal isteri, kepada orang lelaki yang telah ada isteri. Memang perhatian ini yang kita buat daripada JAKIM dan Jabatan-jabatan Agama Islam. Sebab itulah sekarang kita mengadakan kursus praperkahwinan kepada bakal-bakal teruna dan dara yang hendak berkahwin. Mereka ini akan diberi kursus pada masa-masa tertentu, subjek-subjek tertentu mengenai perkahwinan, kemudian apabila selesai kursus kita beri sijil. Apabila ada sijil dan apabila mereka hendak mendirikan rumah tangga dan menunjukkan sijil ini, bererti mereka itu telah tahu maknanya mengenai dengan perkahwinan. Jadi, kita tidak perlu lagi rasa syakwasangka mengenai dengan bakal pengantin yang hendak kahwin ini sebab dia ada sijil telah menghadiri kursus praperkahwinan.

Bagi orang yang sudah kahwin juga perlu kepada kursus....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tahu, adakah kita berpuas hati dengan bakal-bakal pengantin ini dengan kursus sehari-dua yang kita berikan kepada mereka untuk mereka menempuh gerbang perkahwinan dan seterusnya mengharungi hidup mereka seharian sebagai suami isteri melalui kursus sehari-dua ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai agama ini kita tidak boleh belajar dalam sehari-dua. Sebab itulah dalam pendidikan kita, kita telah mengajar mereka sejak daripada sekolah lagi. Tetapi kadangkala pelajar yang mempelajari ini kita tidak tentukan secara khusus untuk berkahwin, hanya kita mengajar mereka macam mana syarat Rukun kahwin, begitu-begini, apakah perkahwinan, apakah tanggungjawab suami-isteri ada kita ajarkan secara umum. Tetapi apabila masa mereka hendak melakukan perkahwinan, kadangkala mereka lupa dengan hal ini, sebab itu kita berikan kursus tambahan sehari ataupun dua khas untuk ini untuk mengingatkan semula apa yang pernah mereka pelajari dahulu. Tetapi kalau hendak diharapkan hanya dua hari ini, memang tidak mencukupi. Tetapi walau bagaimanapun, sebab itu kita juga beri sijil, kadangkala ada yang tidak berhak mendapat sijil kerana dia langsung tidak tahu, mungkin kita akan panggil lagi untuk berkursus sehingga mereka pandai.

Yang malangnya, kadangkala apabila kita hendak mengahwinkan di antara lelaki dan perempuan ini, bakal pengantin lelaki disoal oleh orang yang hendak membaca nikah terlalu banyak.

Pada hal orang lelaki apabila hendak baca nikah dia tahu hendak membaca yang dia hendak menjawab sahaja. Jadi, kalau disoal bermacam-macam, Rukun Islam berapa, Rukun Iman berapa, dia sudah confuse. Sepatutnya khutbah nikah tidak payah panjang-panjang, kita beri mudah kepada mereka. Memang semasa kita hendak kahwin kita ingat yang itu sahaja, tidak boleh kacau. *[Ketawa]* Ini tidak, dia soal mengenai mengucap, bagaImana Rukun Islam, berapa Rukun Iman, jadi kawan itu confuse. Bila sudah salah jawab, macam mana orang ini sudah salah jawab, langsung dia lupa apa yang dia hendak jawab. Sebab itu, kadangkala benda lain pun semua mereka tidak ingat.

Sebab itulah dalam ini patut kita juga Jabatan Agama Islam memudahkan cara berkahwin, sebab dalam kahwin kalau dia tidak boleh jawab 'aku terima nikahnya serta emas kahwinnya RM22.50 tunai'. Dalam Islam sebenarnya 'aku terima nikahnya' sudah sah. Buat apa dia hendak ulang lagi nama Timah binti Abu, tidak payah ulang, sebab orang yang membaca akad nikah sudah sebut. Ertinya, dia sudah terima apa yang disebut tadi, sudah boleh terima. Macam kita membeli barang begitu juga, 'saya beli barang ini', tidak payah sebut 'saya membeli gula lima kati, tepung 10 kati', tidak payah diulang. Kita sebut, 'saya belilah barang yang saya bayar ini.' Sudah sah itu. Jadi, kita jangan memayahkan benda yang mudah, kita patut memudahkan benda yang mudah supaya benda itu menjadi lebih mudah dan tidak menjadi satu halangan kepada siapa yang hendak mendirikan rumahtangga.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di -Pertua:** Yang Berhormat, boleh beri laluan?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada pihak wakil dari Jabatan Agama/Syariah, apakah imam-imam mempunyai mekanisme yang selaras semasa mengangkat nikah, kerana setahu saya ada juga mekanisme yang agak berlainan dari segi ijab kabul itu?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Inilah juga yang hendak diselaraskan, sebab ada kedapatan yang berlainan seperti saya nyatakan tadi banyak menanya perkara yang tidak penting ditanya kepada bakal pengantin. Sebab itu kita hendak selaraskan supaya perkara itu mudah, tidak ada kelainan apabila kita hendak mengadakan pembacaan akad nikah kepada bakal-bakal pengantin. Ini memang kita ambil perhatian, kita tahu kadangkala ada kelainan antara satu-satu negeri cara-cara hendak nikah kahwin itu, perkara yang tetap, wajib Rukun itu mesti, tetapi ada ditambah yang lain, itu kita harapkan supaya kita memudahkan untuk kita mengahwini orang-orang Islam di negara kita.

Selain daripada itu, saya juga....

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di -Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Datin Wan Intan minta laluan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Yang Berhormat, saya hendak tumpang bertanya, Yang Berhormat kata tadi macam tuan kadi hendak nikahkan janganlah tanya Rukun Iman berapa perkara, Rukun Islam berapa perkara. Tetapi itu satu soalan yang paling mudah, takkan dia tidak tahu Rukun Iman, takkan dia tidak tahu Rukun Islam, takkan kerana dua-tiga perkara ditanya dia confuse. Kalau semasa dia berjumpa macam-macam soal dia tidak confuse. *[Ketawa]* Apa sahaja yang wanita itu tanya, dia jawab, tetapi apabila hendak nikah pula ditanya Rukun Iman dia confuse. Saya rasa hendak nikah ini bukan perkara kecil, satu beban besar dia kena tanggung, hendak mendirikan

rumah tangga, dengan izin, for the whole life. Mungkin setengah budak-budak sekarang dia tidak tahu, Iman entah ke mana, hukum entah ke mana, dia asyik kesah hal dunia sahaja. Apalah salahnya Yang Berhormat. Yang sebenarnya, sebutan akad itu memanglah hendak betul bagi sah, tidak mudah kepada budak-budak ini, jangan diringan-ringankan agama ini, esok dia sudah ada isteri, dia tidak tahu hukum, dia pukul-bantai yang lebih. Sebab dia sudah ada girl friend lain, mudah dia hendak bertengkar. Sebab itulah banyak cerai-berai berlaku. Saya rasa begitu. Bukankah begitu Yang Berhormat Dato'? Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya tidak bersetuju, sebab dalam perkahwinan selain daripada yang asas Rukun Iman dan Rukun Islam itu sudah jadi asas awal untuk kita mengenal Allah, itu sudah jadi awal. Tetapi janganlah dimasukkan semasa kita hendak ijab dan kabul ini. Perkara itu sudah terkeluar, sebab dia sudah tahu semasa belajar dan sebagainya. Yang penting kalau kita hendak sentuh juga mengenai perkahwinan, lebih baik kita bercakap cara halus tentang tanggungjawab jadi suami, tanggungjawab jadi isteri. Saudara apabila berkahwin ini saudara menjadi suami adalah bertanggungjawab menjaga isteri saudara dengan baik. Selepas itu yang si isteri pun begitu juga, apabila jadi isteri adalah bertanggungjawab untuk menjaga suami. Jadi, eloklah kita berpakat baik-baik supaya kehidupan saudara aman sehingga hari akhirat. Apa salah cakap macam itu. Jadi, dia pun naik syok, oh aku tahu tanggungjawab ini, insya-Allah, aku akan bertanggungjawab supaya zuriat aku pun juga terjaga, cakap hal itu. Jangan pergi ke lain, kawan hendak kahwin tanya Rukun Islam, kawan hendak kahwin tanya berapa Rukun Naik Haji misalannya, macam mana naik haji wajib atau tidak wajib. Maknanya, sudah confuselah. Sedangkan kita hidup lama kalau ditanyakan dengan serta-merta kadangkala kita tidak boleh jawab, apatah lagi orang yang tentu hendak kahwin ini. Ini pandangan saya. Ertinya, kita mesti khusus kepada hal perkahwinan itu, sebab banyak perkara yang kita boleh beri nasihat. Jadi, barulah sedap, pengantin lelaki pun seronok mendengar tuan khatib membaca itu, dia pun alhamdulillah, insya-Allah, aku akan menjalankan tanggungjawab aku sebagai suami dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga, suka saya hendak menyentuh tentang tanggungjawab suami dan isteri. Kebanyakan kita dahulu terlalu memisahkan di antara tanggungjawab rumah tangga itu kepada tertentu - Hal itu suami buat - hak isteri ini, kadangkala tanggungjawab ini dipikul oleh isteri lebih daripada suami - saya minta maaf kerana saya memuji sedikit. Sudahlah bangun tengah malam beri susu - kalau susu sendiri boleh juga beri sambil-sambil baring - kalau susu buat di dapur kita suruh isteri kita buat di dapur, kita tidur terlentang sahaja. Kalau kata "Tolonglah Bang buat susu", "ah! pergilah awak, aku letih", pada hal kadang-kadang isteri bekerja juga.

Kemudian tanggungjawab lain pergi ke pasar kadangkala isteri lebih bertanggungjawab daripada suami. Membasuh pakaian pun isteri, kalau suami sakin pun isteri picit, tapi cuba isteri sakit - “Bang tolong gosok sikit”, “ah! awak buat sendirilah”. Ini semua tanggungjawab kita tidak buat. Sepatutnya mesti seimbang. Kalau tolong ke pasar apa salahnya kita bersama atau sekali sekali kita pergi isteri duduk di rumah, dia rehat sikit, dia boleh basuh pakaian.

Ini sudahlah isteri ke pasar, hendak pula dalam tanah rancangan isteri yang jolok kelapa sawit, kadangkala lebih daripada suami. Sudahlah menjaga suami anak pun jaga lagi. Kadangkala suami pergi ke kedai, minum kopi satu cawan sampai tiga jam. Borak entah apa-apa, politik nombor satu. Ia tidak tahu bertanggungjawab bagaimana isteri duduk di rumah menjaga anak. Sudahlah begitu, balik marah pula, “Mana airnya?” Sedangkan dia tak beli susu tidak beli gula. Macam mana si isteri hendak buat air susu? Ini semua kita perlu bersama-sama bertanggungjawab. Sebab itulah kita hendak jelaskan kepada silelaki tugas dan tanggungjawab mestilah kita ambil perhatian bersama. Barulah ada kebahagiaan hidup rumah tangga. Bukanlah menjaga anak itu tanggungjawab isteri sahaja, tidak. Bukanlah menjaga kebersihan rumah tangga itu untuk isteri sahaja, tidak, maknanya kita mesti bersama.

Saya tahu ada di antara suami-suami yang membuat tanggungjawab yang sedemikian rupa. Insya-Allah keadaan hidup rumah tangganya amat bahagia sehingga ke anak cucu termasuklah Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin kerana dia tidak terniat langsung hendak tambah seorang lagi. Dia cakap semalam. Hari ini dia dapat menunaikan tanggungjawab sebagai suami yang bertanggungjawab. Jadi insya-Allah kalau suami bertanggungjawab rumah tangga akan bahagia. Persoalan mengapa tua, kita mesti ingat orang lelaki tua juga. Jangan ingat orang perempuan sahaja tua. Jangan ingat dia itu sudah tua yang kita ini tidak ingat kita sudah tua, tua juga tetapi kalau kita makin tua makin menunjukkan kasih sayang maka inilah di antara perkara yang boleh dijadikan bahagia rumah tangga itu sampai bila-bila kerana dia qadar kepada diri dia, dia pun tua si isteri pun tua juga tetapi



yang penting tanggungjawab sama mesti dipikul hingga ke akhir hayat. Ini dia, Tuan Yang di-Pertua, silakan siapa hendak bertanya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak sahabat saya daripada Jabatan Perdana Menteri ini membuat satu alkisah semacam orang lelaki ini tidak bertanggungjawab. Jadi pandangan Yang Berhormat itu kemungkinan setempat iaitu di kawasan Maran sahaja di mana beliau menjadi wakil rakyat Maran, Pahang - FELDA kebanyakannya. Oleh itu tidaklah seharusnya beliau memberi pandangan macam orang lelaki ini tidak bertanggungjawab keseluruhannya. Pandangannya tadi apabila dia berhujah nampak banyak kaum lelaki yang bertanggungjawab. Saya ini mana yang sebelah perempuan pun saya sokong dan bantu. Champion the ladies also, dengan izin, tetapi bagi kaum lelaki juga saya champion untuk lelaki kalau perkara itu benar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya pihak kaum lelaki termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri bertanggungjawab. Ada masa kita buat susu apabila isteri letih, ada masa kita memasak apabila isteri kita pun letih. Isteri saya pun belajar daripada saya untuk memasak. Ada masa kita membasuh kain jikalau isteri sakit. Jadi tanggungjawab itu kita bersama-sama berkongsi. Adatlah kalau telah berumah tangga kita hidup secara kongsi. Oleh itu tidak benar Yang Berhormat tadi bercakap secara menyeluruh. Kalau di Maran kemungkinan saya setuju tetapi kalau di dalam Dewan ini kaum lelaki kebanyakannya bertanggungjawab. Kalau ada yang tidak bertanggungjawab itu kalau berani berdirilah. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak mengatakan keseluruhan sebab saya mempunyai contoh ada di antara mereka yang demikian rupa. Sebab itu ada di antara yang menyeksa isteri dan sebagainya. Ini orang yang tidak bertanggungjawab. Tetapi kalau yang bertanggungjawab dia tidak melakukan begini. Kita mesti ingat bahawa sahabat yang paling karib dan rapat dengan kita ialah isteri dan suami. Tidak ada lagilah sahabat yang paling erat dengan kita. Sebab kita tidur satu katil dan bersekelambu. Kita mestilah tahu yang dia itu isteri dan juga itulah sahabat kita untuk berbincang. Siisteri pun begitu juga. Itulah suami dan itulah juga sahabat untuk dia mengadu

hal. Ini perlu tahu, setengah itu pula dia tidak mahu bercakap apa yang patut untuk diselesaikan bersama isteri. Dia tidak mahu. Ini yang menjadi susah dan kadangkala berlaku.

Saya setuju dengan Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin tadi kalau sekiranya orang yang bertanggungjawab, tengoklah Dato' Haji Mohd. Zuki dia tolong basuh kain ketika sakit dan sebagainya. Ini orang yang bertanggungjawab. Ini tidak, sudahlah kawan itu sakit disuruh masak lagi berbagai-bagai dan dia buat tidak tahu. Itu tidak bertanggungjawab. Sebab itulah saya menyatakan ada di antaranya yang tidak bertanggungjawab. Walaupun keseluruhannya kita sudah berikan berbagai kursus dan sebagainya. Mungkin mereka telah pulih ataupun mereka telah sedar, maka mereka mungkin telah mengubah cara-cara mereka yang dahulu kepada perkara yang lebih baik. Ingatlah amat penting bagi kita untuk menjaga kesejahteraan hidup bagi rumah tangga itu ialah tanggungjawab di antara suami isteri mestilah kita bersama-sama memikul barulah kita boleh mendapatkan satu rumah tangga yang agak baik dan agak bahagia.

Selain daripada itu juga To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad menyentuh dengan MABIM. Memanglah ada perkara yang kita tidak selaraskan tetapi ada di antara perkara-perkara pokok kita dapat selaraskan. Antaranya tarikh hari raya dahulu berlainan, puasa dan inilah di antara pakatan-pakatan yang dapat kita selaraskan. Saya percaya di Malaysia kalau sekiranya undang-undang ini dapat diselaraskan seluruh negeri. Sebab di negeri pun belum selaras dan boleh dijadikan contoh kepada negara-negara lain sebab itu masa hadapan dan apa yang kita buat ini cukup baik sekali. Bukan sahaja untuk negara kita bahkan di negara-negara Islam yang lain boleh menjadi contoh apa yang patut dibuat bagi keluarga, bagi Mahkamah Syariah dan sebagainya kepada negara-negara Islam yang lain. Insya-Allah.

Begitu juga perlantikan untuk menjadi hakim. Memang kita lantik orang yang mempunyai kelayakan yang khusus. Selalunya orang yang lulus syariah ataupun 'kanun wal syariah' maknanya orang yang lulus Undang-undang Islam. Ini kita selalu lantik mereka untuk memegang jawatan sebagai pegawai agama untuk

dijadikan pegawai agama yang mentadbir Mahkamah Syariah dan juga menjadi hakim. Mereka ini mestilah sudah tahu mengenai ilmu syariah ini. Ini selalu kita lantik, hanya kalau sekiranya mereka kurang tahu bagaimana perjalanan mahkamah. Itu kita berikan kursus, adakan diploma undang-undang syariah, adakan kursus bagi menjalankan mahkamah tertentu itu kita akan beri kemudahan. Pada asasnya untuk menjadi hakim dan pegawai agama mestilah orang ini ada mempunyai ilmu yang berkaitan dengan apa yang mereka pelajari terutama sekali ilmu syariah.

Jadi keseluruhannya memang kita lantik sedemikian rupa. Sebab itulah kita ambil daripada penuntut-penuntut daripada Universiti Islam yang tahu mengenai Islam dan juga penuntut-penuntut daripada Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya berpengajian Islam dan mereka yang lulus daripada AlAzhar yang khusus dalam bidang syariah ini. Jadi kalau wujud perjawatan ini kita mesti menentukan kelayakan dan syarat-syarat kelayakan bagi mereka untuk dilantik jawatan-jawatan agama yang sebagaimana saya nyatakan tadi. Sebelum saya menamatkan jawapan saya ini .....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta laluan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Boleh, boleh.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Dato' saya hendak minta laluan.

Berkenaan dengan perlantikan hakim tadi. Saya sering mendengar bahawa wanita tidak boleh menjadi hakim Mahkamah Syariah tetapi pada tahun lalu saya telah mendapat laporan akhbar dan saya potong laporan akhbar itu bahawa di Mesir telah pun melantik wanita sebagai hakim. Jadi bagaimana dengan pendirian kita di negara kita dan adakah lantikan mereka ini, oleh kerana mereka mempunyai fahaman dan juga mazhab-mazhab yang berlainan.

Keduanya, dari segi pegawai pendaftar wanita kerana dalam perjumpaan-perjumpaan persatuan-persatuan wanita dan kumpulan-kumpulan wanita kita dapati persoalan rumah tangga ini iaitu soal keadilan. Kita tidak nyatakan bahawa mereka

yang telah pun diberi amanah ini tidak membuat satu keputusan yang wajar - tidak, tetapi kadang-kadang memahami situasi atau keadaan yang berlaku di kalangan wanita. Kita berpendapat wanita lebih mempunyai kefahaman yang lebih kepada situasi wanita. Oleh itu kita pun hendak dengar jawapan Yang Berhormat Dato' dari segi hakim. Walaupun hakim katanya tidak dapat dilantik kalau itulah dasarnya. Adakah kerajaan bercadang untuk melantik wanita sebagai pendaftar di mahkamah ataupun jawatan-jawatan yang tertentu supaya mereka juga boleh menjadikan sumber tenaga manusia yang boleh membantu kita dalam mengatasi masalah-masalah yang berbangkit di mahkamah syariah. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengambil pegawai agama kita menentukan kelayakan-kelayakan tertentu. Dalam pengajaran agama Islam kadangkala wanita ini mendapat kelayakan yang lebih baik daripada orang lelaki. Itu tidak usah dinafikanlah. Sekarang ini saya hendak beritahu Dewan keputusan S.P.M sudah tentu wanita lebih baik daripada lelaki. Orang lelaki tidak perlu 'action'lah. Masuk universiti, Universiti Kebangsaan bagi tahun ini 67% adalah wanita hanya 33% lelaki. Itu pun yang 33% lelaki ini agregatnya kadangkala 17, 18, 19 masih diambil lagi. Wanita kalau 16, 17 mungkin sudah tidak diambil, yang 15 ke bawah. Kalau ambil itu habis saya rasa 80%, 90% mesti wanita yang masuk. Pelajaran tidak disekat kalau bahagian syariah diajar serupa wanita pun belajar yang itu juga. Kadangkala dia lebih cekap hukum-hukum ini daripada orang lelaki. Maka tidak menjadi satu kesalahan apabila melantik untuk pegawai agama ini kita mengambil wanita. Tetapi mungkin tempat itu kita letak pendaftar memang sesuai. Apa salahnya jika menjadi pendaftar. Dia lebih tahu macam mana kerenah begitu, begini. Dia menjadi pendaftar mana yang patut dia buat dia lebih tahu. Ini satu cadangan yang baik dan inilah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Sebab jawatan pendaftar dan penolong pendaftar ini kadangkala lebih banyak daripada jawatan hakim. Jadi kadangkala dia lebih ramai pegang jawatan yang penting daripada orang lelaki walaupun kita kata hakim itu - tetapi bilangannya tidak ramai. Tetapi hak lain itu mentadbirkan pentadbiran pejabat agama boleh wanita, apa salahnya. Menjadi

ketua dalam hal-hal pentadbiran, boleh wanita dalam kelulusan yang sama dengan pengambilan daripada pegawai agama tadi. Ini semua kita rancang dengan rapi dan baik sekali. Jadi wanita tidak perlu risaulah.

Saya cukup yakin pada masa akan datang dan sekarang inipun, guru besar tidak perlu cakaplah memang ramai wanita. Ramai mungkin tidak keseluruhan tetapi sudah ramai wanita. Bermacam-macam jawatan wanita telah banyak sebab pelajaran akademiknya lebih baik daripada lelaki. Macam mana kita hendak menghalang mereka supaya tidak memegang jawatan-jawatan yang penting. Satu hari mungkin wakil rakyat, menteri, timbalan menteri juga wanita sebab dia mempunyai kebolehan yang tidak boleh dinafikan. Itu memang sudah tentu. Jadi ini semualah kita mesti terbuka tetapi kita mengharapkan supaya adalah hak yang tertentu. Wanita pun tahu tidak perlulah ambil yang ini, hak yang lain itu memang dia tahu. Dia tahu tempat dia, dia kata mungkin imam tidak perlulah dan biarkanlah lelaki. Takkanlah kami hendak tanggung-tunggek di hadapan daripada orang lelaki. Tidak syok. Takkanlah kaum wanita menjadi imam. Sebab itu tidak apalah lelaki tetapi apabila sama-sama wanita dia boleh jadi imam sesama wanita. Tidak jadi masalah boleh jadi imam juga. Tetapi jangan ada orang lelaki.

Ini semua perkara-perkara yang telah difikirkan dengan semasak-masaknya supaya ada di antara peranan-peranan tertentu yang terlalu sedikit perkara itu mestilah dikelolakan oleh orang lelaki ataupun perkara-perkara tertentu dikelolakan oleh orang perempuan. Ada di antara perkara-perkara yang boleh orang lelaki dan boleh orang perempuan. Inilah dia satu keadilan yang dibawa oleh agama Islam itu sendiri. Amat jelas bagi kita semua. Jadi jangan risaulah Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin. Mengenai hakim itu saya nyatakan setakat ini kita belum memberikan keputusan dan mengatakan boleh. Belum lagi tetapi kalau hendak menjadi pendaftar, penolong pendaftar, pentadbir dan hal mahkamah syariah tidak ada halangan. Memang boleh dan itu akan datang. Akan datang kita akan uruskan. Ini semua boleh diurus dan boleh bertukar. Dahulu mana pernah kita dengar orang perempuan jadi Ketua Polis Daerah, sekarang sudah ada. Mana kita pernah dengar orang perempuan jadi Ketua Setiausaha,

sekarang sudah ada. Mana kita pernah dengar orang perempuan jadi menteri, sekarang sudah ada, jadi perdana menteri pun sudah ada. Jadi semua perkara proses ini akan berjalan asalkan perkara itu nampak dibolehkan dan tidak begitu janggal yang sepatutnya bagi lelaki dan perempuan. Inilah penjelasan yang dapat kita buat. Selain daripada itu saya hendak jelaskan mengenai dengan poligami.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, hendak dengar poligami dahulu atau hendak menyoal dahulu. Tidak apa.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dahulu.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Boleh, boleh.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat saya hendak minta penjelasan sebabnya semalam saya ada menyebut dari segi Mazhab Syafie. Memang secara automatik kaum wanita tidak boleh menjadi hakim, dia boleh menjadi pembantu hakim. Oleh itu saya hendak sebut firman Allah S.W.T *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* Dalam surah At Taubah yang bermaksud “orang-orang mukmin lelaki dan perempuan setengah-setengahnya adalah menjadi penolong bagi setengah-setengah yang lain”. Ini bermaksud ‘kaum wanita bolehlah menjadi pembantu hakim tetapi tidak boleh menjadi hakim, tidak boleh membuat keputusan’ sebab kita mengikuti Mazhab Syafie, lain dengan Mesir tadi. Betul atau tidak Yang Berhormat?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dia baca betul-betul itu. Maknanya itu bukan calang-calang datang hari ini dengan senjata yang lengkap. *[Ketawa]* Pembantu tadi maknanya bila kita lantik untuk menjadi pembantu hakim memang tidak jadi masalah. Sebab dia bukan jadi hakim yang menjatuhkan hukum. Pembantu ini adalah perkara yang dia boleh beri maklumat, apa yang hakim hendak dan suruh dia akan ambil dan cari. Jadi dia lagi cekap dan dia mempunyai ilmu yang baik. Kadangkala hakim mungkin buat keputusan dan banyak yang dibantu pandangan daripada pembantu hakim daripada wanita. Jadi memang tidak ada masalah, boleh. Jangan risau Dato' Haji Mohd. Zuki bin

Kamaluddin. Ini semua perkembangan Islam yang perlu kita berfikir terbuka dan insya-Allah kalau perlu kita laksanakan di negara kita juga satu langkah yang cukup baik untuk menjadi contoh. Jangan risau.

Poligami memanglah ada kelainan sedikit. Sebenarnya di Wilayah Persekutuan ini apabila seseorang itu hendak berpoligami kenalah isi borang, yang kedua dipanggil isteri-isteri kalau dia ada dua orang isteri. Poligami kadang-kadang kahwin tiga, kadangkala satu hendak pergi dua, dua hendak pergi tiga, tiga hendak pergi empat. *[Ketawa]* Kalau tiga hendak pergi empat kenalah panggil ketiga-tiga isteri. Dia akan menjelaskan dari segi kemampuan dan kedudukan sebenar, umur sudah berapa, ada penyakit atau tidak. Semuanya kena tanya. Tidak payahlah pakai pil 'viagra'. Sekarang ini semua hendak kahwin empat *[Ketawa]* sebab ada ubat ini. Negara kita belum halalkan lagi ubat ini. Jangan beli curi-curi kerana ramai orang yang sudah mati kerana makan ubat ini, Tuan Yang di-Pertua. Jangan makan tidak pasal kerana kalau kita makan tidak pasal kita mati, lebih baik kita hidup daripada kita mati disebabkan oleh ubat ini.

Jadi ini semua akan ditanya kemampuan kemudian kita akan beritahu si isteri, ini dia suami dan sebab hendak kahwin. Kemudian kita bukan mesti beritahu mendapatkan persetujuan bererti kita beritahu dan apabila telah selesai terpulang kepada hakim berdasarkan kepada si isteri tadi datang, berdasarkan kepada jawapan, kemampuan yang dia ada, dijawab apa yang disoal. Hakim akan putuskan sama ada dibolehkan atau tidak dibolehkan. Kalau sudah nampak lemah tidak bersemangat cuba hendak kahwin tiga. Jadi bagaimana hakim hendak beri. Seorang pun tidak terbela ini hendak berkahwin dua, tiga buat apa. Jadi ini semua terpulang kepada hakim. Kalau sekiranya kita sudah panggil supaya datang suami isteri. Isteri pula tidak datang kita akan keluarkan surat notis supaya isteri datang. Kalau isteri tidak datang juga keluarkan lagi notis. Kalau tidak datang juga hakim akan buat keputusan sama ada boleh ataupun tidak tetapi kita mesti maklumkan

bukannya mendapat persetujuan, mesti dapat kebenaran. Hendak mencari isteri yang membenarkan suami supaya berkahwin dua ibarat mencari 'kutu di dalam rambut' ataupun 'mencari kutu di tempat-tempat yang payah'. Kalau kepala botak senanglah, macam saya ini tidak berapa - lebih senang tetapi ibaratnya hendak mencari 'kutu di dalam ijuk' orang kata 'ijuk kabung' telah terlalu tebal kalau ada kutu itulah payah, kalau hendak jumpa seorang isteri yang mengatakan, 'saya izinkan abang untuk kahwin seorang lagi'.

'Jarang-jarang' kata P. Ramlee, jarang-jarang, kadang-kadang itu adalah macam-macam. Memang payah jumpa, hakikatnya memang payah jumpa sebab itulah dalam hal ini kita kurang-kurang beritahu kepada isteri yang suami awak ini hendak kahwin seorang lagi. Kemudian hakim akan memutuskan.

Kalau dia mampu, duit dia banyak, tenaga dia bagus, dia nampak kuat lagi, lepas itu dia kata keadilan itu dia akan cuba. Manusia hendak adil sebenar-benar adil tidak mampu, beritahulah kepada saya mana manusia di atas muka bumi ini akan menjalankan tugas dengan seadil-adilnya. Memang tidak mampu hanya mampu untuk adil sebagai manusia. Kita hanya bertugas mampu untuk adil sebagai manusia mengikut niat hati kita untuk membuat semampu mungkin tetapi hakikat untuk menjadi adil betul memang tidak jumpa.

Cuba bayangkan isteri baru kahwin, saya malas hendak cakap mungkin yang ini. Kita main, main biasalah dengan isteri tua kita mungkin setengah jam, apakah awak hendak main dengan isteri muda mesti setengah jam juga, boleh menentukan. Tak boleh. Ikut adil mesti setengah jam. Kalau setengah jam isteri tua, mesti setengah jam isteri muda tetapi siapa boleh menentukan boleh setengah jam tetapi yang penting apakah niat kita memberi kepuasan kepada isteri tua serupa dengan isteri muda, isteri muda serupa dengan isteri tua, itu yang pokok.

Jadi, itu kita laksanakan satu keadilan tetapi kalau hendak pakai waktu, tidak boleh adil mungkin yang tua dengan sepuluh minit sudah, kita kuat masing-masing mungkin dengan yang muda kenalah dua puluh minit, dua puluh minitlah. Dari segi



masa sudah tidak adil. Kalau itu kalau kita hendak bincangkan dari segi keadilan daripada segi waktu. Saya belum cakap dari segi pakaian, belum cakap dari segi makanan, saya akan sambung sedikit lagi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin mendapat penjelasan terutama sekali tentang peraturan yang ada di pihak Wilayah untuk kita hendak kahwin lebih daripada satu. Tadi Yang Berhormat maklumkan syarat-syarat yang ada kepada orang-orang yang akan dikahwin di peringkat tempatan. Syarat-syarat sudah diberitahu tadi, saya ingin menyoal, apakah kaedah yang digunakan oleh pihak Wilayah jika ada warga dari Wilayah yang berkahwin di luar negara? Sebab saya dengar banyak orang Wilayah ini, dia pergi kahwin di negara Thai. Adakah kaedahnya sama dengan negeri-negeri lain yang ada di Persekutuan ini?

Umpamanya di Perlis kalau dia kahwin, dia kena balik memaklum buat satu report lain kepada pihak negeri kerana kita memikirkan segi keadilan kepada wanita. Kalau tidak dilapor maka hak-haknya sebagai wanita kalau sesuatu berlaku ianya akan dibiarkan begitu sahaja. Adakah kaedah ini bersamaan di peringkat Wilayah? Yang kedua tadi mengatakan main-main tadi, saya tidak dapat tangkap apakah 'main-main yang tadi' ini. Adakah main golf yang menentukan dalam masa sepuluh minit itu akan masuk beberapa lubang? Adakah lain-lain permainan Yang Berhormat mengatakan boleh menyelesaikan masalah rumah tangga?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Itu saya jawab kemudianlah, kalau tidak saya kira T.S.T sahajalah. Di Wilayah Persekutuan memang kita buat begitulah tetapi di dalam Wilayah sahaja sebab itu kalau ada perkahwinan dibuat di luar Wilayah, di Thai misalannya yang kita hukum ialah perkahwinan dia sah. Itu dua benda berlainan, peraturan yang kita buat ini serupa tadilah untuk menjaga keadaan hidup yang lebih selesa kepada isteri-isteri. Itu peraturan yang kita buat sebab kalau kita biar kerana kahwin ikut suka sedangkan kita buat peraturan kadangkala kahwin ini sekejap-kejap berlaku perceraian. Sekejap-kejap berlaku macam-macam, kalau kita biarkan langsung kita akan jumpa lebih ramai berlaku

perceraian, anak yang terbiar tidak terjaga, isteri yang teraniaya lebih ramai sebab itu kita buat peraturan.

Peraturan ini lebih hendak menguatkan supaya kehidupan rumahtangga itu lebih terjamin. Jadi kalau sekiranya dia kahwin luar dari Wilayah Persekutuan di Thailand misalannya, kita akan hukum dia dari segi peraturan dia tidak berdaftar. Bila dia balik mesti daftar, dia hendak daftar juga dia ada kahwin baru jadi kita terima daftarnya, kahwinnya sah tetapi dia kena bayar denda kerana dia tidak mengikut peraturan yang kita kehendaki, satu.

Yang kedua, ada juga orang kahwin dia tidak melalui jabatan, dia pakai wali terus berertinya dia tidak menjadi satu syarat mesti melalui Jabatan Agama tidak ada. Dia lelaki, perempuan ada wali, ijab dan kabul. Jadi kalau bapa dia sendiri mengkahwinkan dengan menantunya lelaki, anaknya perempuan dia menjadi wali sah kahwinnya tetapi apabila dia hendak berdaftar perkahwinan, dia akan dikenakan denda tertentu kerana dia tidak mengikut peraturan tertentu untuk mendirikan rumah tangga ketika itu kesalahannya ialah dia tidak mendaftar bukannya kerana perkahwinan dia tidak sah.

Jadi, benda ini maknanya lebih baiklah kita ikut peraturan yang kita adakan demi untuk kita lebih senang bagi menentukan perkahwinan kita itu berdaftar dengan baik dan kita tahu kedudukan-kedudukan yang sebenar keadaan sisuami dan keadaan siisteri dan juga untuk orang ramai kita kahwinkan dengan cara yang dikehendaki oleh Pendaftar dalam Mahkamah Syariah ataupun Pejabat Agama ataupun Pejabat Syariah yang menjalankan peraturan-peraturan yang telah kita tetapkan.

Jadi, selain daripada itu saya hendak cerita poligami tadi mengenai, saya tidak tahulah lebih kurang main golf, lebih kurang begitulah, tahulah kita ada isteri, ada suami lebih kurang begitulah. Bermakna begitulah Yang Berhormat ya. Terima kasih dia sudah faham. *[Ketawa]* ...jadi keadilan, keadilan dari segi makanan kalau sekiranya isteri pertama lebih subur sedikit daripada isteri kedua dah tentu makannya lebih daripada isteri kedua. Sebab badan dia subur makan kuat jadi apa salahnya kalau yang kecil itu segantang beras, yang hak subur ini kita bagi

dua gantang. Pada kiraan sukatan tidak adil tetapi jangan jenis beras yang berlainan kalau beras yang nombor satu walaupun kita beri segantang yang kurus ini, beras nombor satu juga kita berikan dua gantang yang agak subur tetapi hak yang kurus beri segantang mestilah beras yang sama, jenis yang sama.

Pakaian harga satu ela kain mesti sama tetapi hak yang subur sudah tentu sukatan ukuran kainnya lebih daripada yang kurus. Buat apa kita beri hak tu pakai sepuluh ela, yang kurus beri sepuluh ela juga buat apa. Jadi benda itu dari segi nilai, ukuran mestilah jenis yang sama tetapi tidaklah mesti dia itu sukatan-sukatan yang tertentu. Ini keadilan tetapi yang penting ialah keadilan yang boleh dibawa oleh suami ialah keredaan oleh si isteri-isteri itu meredakan keadaan suaminya untuk memberi semampu mungkin nafkah yang dia boleh tanggung, inilah perkara pokok. Kita tidak boleh untkitkan bagaimana keadilan yang sebenar tetapi yang penting reda. Kalau kita mempunyai keredaan orang yang membunuh orang sekalipun kalau sekiranya waris-warisan orang yang kena bunuh reda tidak menuntut, hukum tidak akan dikenakan.

Inilah punca hukum di dalam Islam, keredaan inilah menjadi punca segala hukum di dalam Islam sebab itulah apa-apa perkara keredaan ini amat penting dalam menjalankan hukum serupa tadi ada *sulh*, *sulh* ini pun keredaan juga. Sebab itulah kita perlu sama ada pengorbanan atau keredhaan ini amat penting dalam Islam sebab itu saya rasa, saya hendak jelaskan dalam Perlembagaan 121(1A).

Apabila satu kes dibawa ke dalam Mahkamah Syariah telah diputuskan tidak boleh dirayu di lain-lain mahkamah. Ini jelas dalam perlembagaan 121(1A) bererti kalau dia putuskan kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah telah diputuskan oleh Hakim Syariah, dia tidak boleh bawa ke mana-mana mahkamah lagi sama ada mahkamah sivil dan sebagainya. Inilah dia di antara negara kita memberikan kekuatan supaya kita boleh menjalankan pentadbiran kita mengikut Islam ini lebih licin lagi. Insya-Allah saya percaya perkara-perkara yang hendak dibuat oleh kerajaan ini amat jelas sekiranya kita boleh laksanakan di masa-masa akan datang.

Dipersetujui, diperkenankan oleh Tuanku Majlis Raja-Raja perkara-perkara yang berkaitan bagi menyeragamkan hukum-hukum saya percaya negara kita boleh menjalankan, semoga Mahkamah Syariah ini lebih lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal-fasal 1 - 248**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, saya hendak pergi ke seksyen 2 muka surat 13. Perkataan 'Wilayah Persekutuan ini' patutnya kita masuk dalam bil ini iaitu akta ini hendaklah mempunyai kuatkuasa dalam semua prosiding mal yang dimulakan di mana-mana Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan kecuali sebagaimana. Jadi yang tidak adanya itu Wilayah Persekutuan sebab bil ini adalah berkaitan dengan mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan. Adakah kerajaan sengaja meninggalkan Wilayah Persekutuan itu untuk di mana-mana Mahkamah Syariah, tempat itu tidak menjadi hal tetapi yang kita luluskan ini adalah bil untuk Wilayah Persekutuan iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Itu yang utama sebabnya Tuan Pengerusi, tadi disebut 1 - 248 ini, saya ada lagi di antara itu hendak bertanya. Kalau boleh seperti dahulu kita buat daripada 1 - 20, tidak ada, 21 - 40 jadi dapat kita mengikut. Sekarang bila sudah sebut itu, saya hendak beritahu awal-awal lagi saya ada lagi, dua lagi hendak tanya.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Akta ini, ini pasal teknikal, bila teknikal ini ia khusus Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) maknanya dengan sendiri - misalnya kalau kita

lihat Fasal 1(1) akta sama, memang khas untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Jadi benda ini memang kita gunakan untuk Wilayah Persekutuan sebab dalam Akta 11 ia boleh dinamakan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 dan terpakai hanya bagi Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Jadi memang khas untuk Wilayah Persekutuan dan Labuan.

**Beberapa Ahli :** [*Bangun*]

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Pengerusi, bagi siapa? Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Dato' Haji Mohd. Zuki, saya sebenarnya hendak tanya tetapi saya tidak dapat hendak merujuk kepada akta kerana saya bangun tadi Dato' mungkin tidak nampak.

Saya hendak menghujahkan balik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi mengenai poligami kerana dalam Dewan ini selain daripada orang-orang Islam, orang bukan Islam pun ada dalam Dewan ini. Apabila kita mendengar hujah Dato' tadi mengenai poligami seolah-olah Islam ini dan dalam soal poligami cuma mempertimbangkan soal keadilan dan nampaknya seolah-olah lelaki diberi peluang untuk beristeri lebih daripada satu, banyak diperlihatkan kepada soal privilege ataupun peluang.

Saya berpendapat sebagai manusia kita dijadikan oleh Allah S.W.T dan fitrah yang telah dijadikan oleh Allah S.W.T kepada manusia telah menentukan keadaan fizikal, kemampuan diri dan juga keadaan mental seseorang. Itu satu perkara yang di luar daripada kemampuan kita untuk melihat dan juga untuk kita mengkaji keadaan seseorang manusia itu dan Allah telah menentukan bahawa lelaki dibenarkan kahwin lebih daripada satu.

Jadi, dalam persoalan itu jika tidak kita hujahkan nampak seolah-olah kebenaran yang diberikan ini memberikan satu peluang kepada kaum lelaki untuk mengamalkan poligami dalam mana-mana keadaan dan bila-bila masa mereka suka. Itu satu Dato'.

Yang keduanya, soal tanggungjawab kalau kita baca dalam sejarah Islam poligami berlaku kerana adanya soal tanggungjawab di situ. Di dalam sebuah

peperangan misalnya, peperangan dalam Islam banyak askar yang telah meninggal dalam peperangan dan mereka meninggalkan isteri dan juga anak-anak yang tidak ada siapa melindungi mereka. Dengan adanya peraturan yang membolehkan poligami dilaksanakan maknanya ada soal tanggungjawab kepada kaum lelaki untuk menentukan supaya masyarakat yang ada di sekeliling ini terbela.

Tetapi soal-soal ini basic kepada konsep ini seringkali tidak dilihat dengan begitu jelas dan setengah-setengahnya memberikan satu gambaran bahawa ini adalah peluang untuk kaum lelaki berpoligami. Saya minta Dato' tolong jelaskan perkara itu. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya ada seorang isteri sahaja. *[Ketawa]* Sebab itu dalam Al-Quran dibolehkan kahwin dua, tiga, empat. Kalau tidak boleh berlaku adil maka kahwinilah satu. Itu sudah jelas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Kahwin satu tidak ada masalah. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Kahwin satu kalau kita tidak boleh berlaku adil, yang saya cakap tadi adil yang macam mana yang kita pertikaikan sebab itulah kita buat bermacam-macam peraturan. Dia boleh berlaku adil, betulkah di antara isteri yang satu ini dia sudah menjalankan keadilan dan kemampuan yang lain baru kita fikirkan. Kita tidak boleh membernarkan sewenang-wenangnya. Ini sudah jelas, bukannya peluang tetapi ini suatu hikmah. Peluang ini ertinya boleh dilakukan bila-bila masa oleh sesiapa. Tidak, ini suatu hikmah. Sebab konsep dahulu peperangan. Apakah kita mesti ada perang dahulu baru orang lelaki sekarang boleh hendak kahwin dua, tiga. Kita tidak mahu peperangan, mesti ada benda lain yang membolehkan. Mungkin di antaranya yang membolehkan dari segi kemampuan lelaki.

Yang keduanya ada disegi kelemahan perempuan sendiri. Sebab apabila perempuan, kalau kita kahwini tidak dapat zuriat juga satu benda yang boleh menyebabkan sisuami itu hendak kahwin lain sebab dia hendak dapatkan keturunan. Kalau kita kahwin dengan perempuan yang dalam fikahnya, dia ada beberapa jenis, kita boleh meninggalkan isteri di antaranya saya minta maaflah sebut ini dalam

fikah, 'kalau sekiranya hak orang perempuan ini macam ada 'tanduk', dia tidak boleh hubungan yang serupa biasa, macam mana dia hendak dapat anak, ada daging di dalamnya, memang tidak boleh dapat anak.

Kemudian ada yang lain yang sopak tangannya, itu juga boleh dipisahkan. Ini dia bendanya. Kalau macam ini mungkin dia hendak juga jaga isteri yang pertama walaupun dia 'bertanduk' ataupun 'berdaging' tetapi dia hendak kekalkan isteri dia yang pertama. Dia memang tidak ada harapan, mandul orang kata tidak dapat anak tetapi dia minta izin, saya hendak kahwin satu lagi kerana saya hendak anak. Mungkin isteri 'tidak apalah bang kerana hendakkan zuriat, eloklah kahwin seorang lagi'. Macam saya memang saya tidak mampu hendak melahirkan anak oleh sebab yang tertentu, Tuhan sudah beri kepada saya .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Kalau semua orang seperti Yang Berhormat tidak ada masalah lagilah.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Ya, itulah sebabnya, itu di antaranya. Ini bukan peluang dan saya percaya tidak semua lelaki walaupun dia teringin, tidak semua lelaki melakukan. Tidak ada sebenarnya, berapa sangat sebenarnya yang kahwin lebih daripada satu. Tidak semua, tentu di atas kemampuan-kemampuan tertentu. Dan saya nyatakan tadi maknanya bila kita bertanggungjawab, apabila kita hendak kahwin lebih daripada satu mestilah yang kita penting, kita mesti hendak menunaikan tanggungjawab yang di antaranya:

- (i) Kita hendak menghindarkan diri kita, mungkin oleh kerana kita dapat lebih ini, kita lebih menyelamatkan diri kita dari melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Itu niat yang pertama sepatutnya.; dan
- (ii) Mungkin aku mampu sebab ramai orang-orang lain tertentu yang perlu aku beri pertolongan. Mungkin dia tidak ada jodoh dengan orang lain, jodoh satu perkara, jodoh dengan aku misalannya. Maka apa salahnya jadi isteri aku, sebab aku mampu untuk menanggung berbagai-bagai.

Ini semua kita mengharapkan bukanlah untuk kahwin lebih daripada satu, ini merupakan satu peluang yang sewenang-wenang untuk dilaksanakan. Tetapi di

samping itu mempunyai hikmah-hikmah tertentu baik kepada lelaki atau pun perempuan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki adakah puas hati dengan penjelasan mengenai Fasal 2?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Menyampuk]* sudah jelas saya.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Fasal 2, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, saya ada dua maklumat, ini daripada ahli undang-undanglah dia kata 'Fasal 2 mengapa perkataan Wilayah Persekutuan tidak dimasukkan'. Jawapannya 'Fasal 1 sudah menyebut bahawa atau pun bahasa mengenai Wilayah Persekutuan'. Dan juga dia kata 'lihat Fasal 1(1) Akta yang sama'. Memang saya bacakan tadi bahagian satu permulaan, perkara 1, Fasal 1(1) memang ada sebut jelas di situ.

*"1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan terpakai hanya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]"*.

Ertinya dalam bahawa kita ini dia pakai 'atof' misalannya Ahmad dan Abu dan Bakar dan Musa pergi ke kedai. Kita tidak payah pakai 'dan' itu banyak. Kita pakai Ahmad, Abu, Bakar, Musa dan Talib pergi ke kedai. Maknanya kita sudah faham bahawa itu maksudnya keempat-empat orang itu pergi ke kedai tidak payahlah bubuh banyak 'dan, dan, dan...'. Jadi maksudnya itu tadi ialah berkenaan dengan Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Dalam undang-undang lagi 'terang lagi bersuluh', kita tidak hendakkan seksyen atau bil ini di mana dia bercanggah dengan (1) dan juga (2). Kalau sudah nombor 1 itu pemakaiannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan mengapa pemakaian (2) itu tidak boleh sebut Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau diperintahkan selainnya oleh mahkamah, barulah tepat pada pendapat saya. Jadi



kalau kerajaan fikir begitu saya menerima tetapi sebaliknya Tuan Pengerusi, kalau hendak betul pun boleh betulkan di bawah order Tuan Pengerusi tahu tidak payah maknanya bil ini ditarik balik, tidak, atau dihantar balik ke Dewan Rakyat, tidak. Tidak sampai begitu. Dia boleh dibetulkan mana-mana yang perkara kecil itu, boleh dibetulkan dengan sendirinya. Jadi kalau boleh dibetulkan, dibetulkan, kalau fikir puas hati, saya pun puas hatilah tetapi saya beri pandangan dalam Jawatankuasa ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, puas hati sebab pihak kerajaan telah pun mengambil perhatian. Oleh itu kalau difikirkan baik diletakkan perkataan 'Wilayah Persekutuan' itu akan diletak kalau tidak, tidak payahlah. Sebabnya ada caranya untuk hendak membetulkan dari segi teknikal yang kecil-kecil ini tetapi kalau satu akta itu salah, satu seksyen itu salah kemungkinan bil ini dibawa balik kepada Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, bersambung dengan itu - saya kena berdiri sebab Clerk of the Council, dengan izin telah pun menyebut daripada Fasal 1-248 jadi saya hendak kemukakan seksyen 3(1) muka surat 15. Saya hendak memberi pandangan iaitu dari segi pemiutang.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Fasal 15 ataupun muka surat 15?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Muka surat 15.

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** 15.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Seksyen 3(1).

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** 3(1).

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya, pada permulaannya, Fasal 3(1) muka surat 15 berkenaan dengan pemiutang. Pemiutang penghakiman ertinya orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman bagi pembayaran wang sama ada secara ansuran atau selainnya. Mengapa Tuan Pengerusi, perkataan 'pemiutang' itu, pemiutang penghakiman tidak digunakan 'lien' penghakiman. Sebab dalam ini kita boleh menggunakan bahasa Arab dan juga bil ini dalam bahasa kebangsaan

tetapi saya hendak tanya mengapa tidak, yang keduanya di bawahnya itu penghutang penghakiman.

Tuan Pengerusi, erti orang yang bertanggung di bawah mana-mana penghakiman bagi pembayaran wang. Jadi mengapa kita tidak bubuh ‘madir’ penghakiman. Lebih baik lagi saya rasa, lebih berkesan lagi dan perkataan Arab pun ada maknanya pun jelas mengapa kita hendak ikut penghutang penghakiman, pemiutang penghakiman. Jadi bahasa ini tidak begitu sesuai pada pendapat saya. Kalau kerajaan kata lebih baik kita gunakan itu saya pun menerima. Saya memberi cadangan sahaja. Sebab saya tidak mahu Dewan Negara ini difikirkan ‘rubbish bin’ kita mesti persoalkan satu persatu. Kalau kita hendak persoalkan, sampai pukul 12 malam pun kita boleh buat, kita boleh persoalkan. Banyak perkara yang boleh kita persoalkan dan ini satu-satunya saya hendak beri pandangan dan cadangan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Maksudnya memang sama, jadi pihak kerajaan telah memutuskan menggunakan demikian rupa tetapi matlamatnya adalah sampai. Jadi kita akan mengekalkan ini ‘pemiutang penghakiman’ dan juga ‘penghutang penghakiman’.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya pergi pula kepada muka surat 47 iaitu seksyen 106.

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** 106.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, seksyen 106 iaitu ‘Pencapaian Sepina’. Tuan Pengerusi saya baca:

*“106 Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, sepina hendaklah disampaikan ke diri dan penyampaian itu tidaklah sah melainkan jika dilaksanakan dalam masa dua belas minggu selepas tarikh sepina itu dikeluarkan”.*

Dan perkataan yang saya keliru sikit ini, hendak tanya pihak kerajaan ialah ‘duabelas minggu selepas’, saya hendak cadangkan ‘dua belas minggu dari tarikh sepina itu’. Dia ada beza ‘dari’ dan ‘selepas’. ‘Selepas’ maknanya hari yang tarikh yang kita sebut macam hari ini iaitu 2 haribulan, hari ini, selepas tarikh ini, bermakna besok. Kalau dari tarikh itu ialah daripada hari ini. Jadi oleh itu lebih tepat lagi kalau kita gunakan perkataan ‘dari’ daripada ‘selepas’, ini pandangan

saya. Kalau kerajaan tidak hendak menerima, saya pun terima sebabnya saya tidak mahu menyusahkan kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Di dalam bahasa Inggeris tidak ada 'within 12 week'. Tetapi dalam bahasa Inggeris saya ingat 'quite clear' lah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, bahasa Inggeris ini ada setengah-setengah bahawa Inggeris ini tidak tepat. Bahasa Melayu lagi tepat. Kadang-kadang satu benda itu ada 3 perkataan [*Ketawa*] untuk membuat dia tepat lagi. Ini suatu bahasa kita ini, yang cantik, yang sangat saya cintai, bahasa Melayu kita atau pun Bahasa Malaysia ini. Jadi oleh itu kalau kita ikut bahasa Inggeris tidak tepat, kalau ikut bahasa Melayu 'dari' lagi tepat. [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Kalau Yang Berhormat menjadi 'judge court' saya ingat .....

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Memang maksudnya begitulah. Dalam tempoh 12 hari itu, jadi ikut mana yang kita tetapkan, 12 harilah. Jadi kita kira sudah tentulah maknanya daripada tarikh yang kita tandatangan 12 hari. Jadi itu .....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang kerajaan terima 'dari', oleh itu selepas ini patutlah diganti dengan perkataan 'dari'. Terima kasih. Oleh itu saya puas hati saya tidak lagi hendak menyoal apa-apa yang dalam lagi. Kalau saya soal nanti terlalu banyak sangat, terima kasih Tuan Pengerusi, minta maaf saya kerana mengambil masa sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]:** Tidak ada, cadngan itu bagus juga. Sebagai peguam kalau you punya opinion tidak di 'express' kan di sini, sayangnya, barangkali ada salah interpretasi act itu, bukan. Terima kasih.

**Fasal 1 hingga 248** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual Pertama hingga Ketiga** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN**  
**(PINDAAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1998 yang digunapakai oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ataupun LPKP telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 1988. Akta ini mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawal seliaan kenderaan perdagangan termasuklah kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan. Akta ini yang menubuhkan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak juga memperincikan, pengelasan dan perlesenan kenderaan-kenderaan perdagangan, prosedur rayuan, kesalahan dan penalti.

Sejak Akta LPKP berkuatkuasa 10 tahun yang lalu, industri pengangkutan awam mengalami banyak perubahan. Kenderaan perdagangan berperanan penting dalam menyediakan keperluan perkhidmatan pengangkutan awam dan pengangkutan barangan yang menyokong sektor industri perkhidmatan dan pelancongan.

Kemajuan pesat pengangkutan kenderaan perdagangan dalam ekonomi negara masa kini memerlukan Akta LPKP dikemaskinikan. Ini dapat dilihat daripada peningkatan pengeluaran lesen yang dikeluarkan oleh LPKP untuk 13 kelas kenderaan perdagangan. Ini termasuklah lesen untuk bas henti-henti, bas ekspres, bas sekolah, bas kilang, kenderaan pekerja, teksi, kereta sewa, kereta sewa pandu sendiri serta lori pembawa permit A dan C.

Pada tahun 1997 kita telah melihat peningkatan sebanyak 16.9% berbanding dengan tahun 1996. Perkembangan pesat industri ini telah menimbulkan pelbagai masalah di antaranya ialah peningkatan permohonan lesen yang telah menambah beban kerja LPKP manakala kakitangan tidak bertambah. Ini mengakibatkan kelewatan pemprosesan permohonan baru, pembaharuan dan ubah syarat lesen. Pada masa itu terdapat banyak pelanggaran syarat lesen seperti pemegang lesen tidak mengusahakan sendiri operasi mereka dan sebaliknya telah memajak lesen tersebut kepada pihak lain dan pengusaha tidak mematuhi syarat laluan yang telah ditetapkan.

Isu mengenai mutu perkhidmatan bas Intrakota dan Park May di Lembah Klang sekarang ini menjadi topik yang hangat disiarkan dalam akhbar-akhbar yang meliputi perkara seperti perkhidmatan bas yang tidak mengikut jadual, bas yang tidak mencukupi, perkhidmatan bas tidak mengikut laluan dan sebagainya. Ini menimbulkan kesulitan kepada pihak LPKP yang sedang dalam proses pengkomputeran untuk memantau dengan lebih berkesan kedudukan sebenar industri pengangkutan perdagangan. Lebih merumitkan lagi keadaan ini ialah pegawai LPKP tidak mempunyai hak untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah Akta LPKP 1987.

Dengan ini saya akui bahawa pada masa ini industri pengangkutan kenderaan perdagangan adalah tidak diuruskan dengan teratur, efisien dan berkesan. Ia melibatkan minat daripada pelbagai pihak yang masih mempunyai pelbagai permasalahan mendesak yang perlu ditangani segera. Justeru itu rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 yang sedang dibentangkan di Dewan yang mulia ini bertujuan untuk menangani isu-isu yang telah saya tekankan tadi bagi membolehkan LPKP melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih sempurna dan efisien untuk memastikan pengangkutan kenderaan perdagangan memberi perkhidmatan yang lebih teratur, berkesan dan sistematik di dalam memenuhi keperluan ekonomi negara dan menghadapi cabaran di masa depan.

Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengambil beberapa tindakan untuk memastikan perkhidmatan industri pengangkutan menjadi lebih sempurna, teratur dan sistematik supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan selain menjamin keselamatan serta keselesaan mereka. Antara langkah-langkah positif yang telah diambil oleh kementerian ialah perlaksanaan dasar tambang baru teksi Lembah Klang yang telah dikuatkuasa pada 15 Disember 1996. Selepas tambang dinaikkan banyak perkara lagi yang telah dilakukan oleh kementerian di antaranya memastikan semua pemandu di Kuala Lumpur ini memakai pakaian seragam. Pemandu-pemandu juga diminta untuk berdaftar dengan kementerian. Kementerian memastikan juga supaya di setiap kereta mereka meletakkan borang pujian dan aduan yang boleh digunakan oleh penumpang-penumpang.

Kementerian juga telah mengadakan kursus lanjutan kepada pemandu-pemandu agar mereka menjadi seorang pemandu yang lebih berpengetahuan dan berhemah tinggi. Kementerian juga telah menghadkan umur teksi Kuala Lumpur kepada had umur 7 tahun sahaja. Kalau dahulunya saya telah mengatakan di Dewan ini ada teksi-teksi yang mana 'bumper' nya pun jatuh ke jalan raya tetapi masa kini sudah tidak ada lagi teksi-teksi yang sedemikian.

Kementerian juga telah memastikan supaya kelapan-lapan syarikat yang telah ditawarkan permit tambahan supaya syarat perkhidmatan mereka kepada pemandu-pemandu itu diperbaiki dan menjadi lebih baik di mana kita pastikan sewaan kenderaan itu tidak melebihi RM40. Pengusaha diwajibkan membayar insurans kemalangan kepada pemandu-pemandu, memberi cuti sekurang-kurangnya 12 hari kepada pemandu, memberi perkhidmatan perubatan kepada pemandu di samping mencarumkan mereka ke dalam KWSP dan membekalkan sekurang-kurangnya dua pasang pakaian kepada pemandu-pemandu.

Kempen-kempen dijalankan dari masa ke semasa, di antara kempen yang baru dijalankan baru-baru ini ialah kempen 'do and dos' dengan izin, ataupun 'laku dan salah laku' yang boleh dibuat oleh pemandu-pemandu dan juga tindakan-tindakan yang harus dilakukan oleh penumpang-penumpang.

Penguatkuasaan ditingkatkan dari masa ke semasa. Mulai bulan yang lalu, pada bulan Mei, pada bulan ini, bulan Jun dan Julai pihak penguatkuasaan mengadakan program penguatkuasaan selama 2 minggu dalam sebulan dan akan dipertingkatkan kepada 3 minggu pada bulan Ogos untuk memastikan perkhidmatan teksi yang lebih cemerlang menjelang Sukom yang akan datang ini.

Kerajaan telah membuat keputusan dalam tahun 1993 supaya perkhidmatan bas di Kuala Lumpur diusahakan oleh dua konsortium sahaja agar perkhidmatan bas di ibu negara menjadi lebih teratur dan tersusun. Syarikat yang terlibat ialah Intrakota Consolidated Berhad dan Park May Berhad. Dalam usaha kementerian melaksanakan keputusan ini tindakan perlu dibuat secara teliti dan berhati-hati kerana ia mempunyai implikasi tertentu kepada syarikat-syarikat bas yang sedang memberi perkhidmatan.

Kerajaan juga mengalakkan agar syarikat-syarikat bas ekspres supaya bergabung sebagai contoh, MARA Holding Sdn. Bhd. telah pun mengambil tindakan dengan penubuhan Transnasional Express Sdn. Bhd. dengan mengambil alih laluan-laluan 20 buah anak syarikatnya. Begitu juga dengan Park May (M) Bhd. yang telah mengambil alih beberapa syarikat yang lain.

Penamatan perkhidmatan bas mini telah dibuat secara berperingkat-peringkat dan telah berakhir pada 1 April 1998. Bilangan bas yang terlibat adalah sebanyak 828 buah daripada 35 buah syarikat. Pengusaha tulen diberi gantian lesen teksi mengikut nisbah satu lesen bas mini dengan satu lesen teksi dan seterusnya bergabung dengan syarikat yang telah ditentukan. Perkhidmatan yang telah diambil alih oleh Intrakota Consolidated Bhd. dan Park May Bhd. yang dijalankan bersama-sama dengan pengusaha-pengusaha yang sedia ada iaitu seperti syarikat bas Len Seng masih mempunyai 107 buah bas lagi, Maskara Express masih mempunyai 184 buah bas lagi, syarikat bas Len Chi yang masih mempunyai 45 buah bas lagi, KL-Klang-Port Sweethenham Omnibus yang masih mempunyai 52 buah bas, Syarikat Foh Hup masih mempunyai 82, Syarikat Len Omnibus masih mempunyai 62 lagi, dan syarikat-syarikat yang lain telah mengambil alih peranan bas mini dan sedang memberi perkhidmatan di bandar raya masa kini.

Langkah-langkah sedang diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bas-bas di bandar raya masa kini. Sebagai mana telah saya katakan tadi semasa menjawab soalan di awal sidang tadi di mana kita telah melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, polis, FOMCA dan Persatuan Pengguna

untuk memastikan tindakan-tindakan yang diambil itu ialah tindakan-tindakan yang boleh kita meningkatkan perkhidmatan bas di Bandaraya Kuala Lumpur.

Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil ialah untuk memulihkan perkhidmatan, antaranya saya rasakan kita harus mengubah budaya penumpang-penumpang bas dan juga budaya pengusaha-pengusaha bas di Bandaraya Kuala Lumpur. Masa kini kita telah melihat penumpang-penumpang sudah mula beratur menaiki bas, kita telah melihat pegawai-pegawai yang bertali leher menaiki bas Intrakota, kita boleh lihat pemandu-pemandu yang lebih sopan memandu bas dengan memakai pakaian seragam dan juga bertopi kalau dibandingkan dengan pemandu-pemandu bas mini yang hanya memakai t-shirt dan seluar jeans.

Ini mengikut maklumat yang kita dapat dari pihak polis, kalau dahulunya didapati pada tahun 1997 kita dapati ada 131 pemandu yang tidak mempunyai lesen 51 pemandu yang tidak mempunyai PSV. Di tahun 1998 mereka menangkap 71 pemandu yang tidak mempunyai lesen dan 30 tidak mempunyai PSV. Perkara ini sudah tidak berlaku lagi apabila Intrakota Consolidated Bhd. dan juga Park May mengambil alih laluan-laluan dengan pemandu-pemandu mereka yang lebih sopan dan berkualiti.

Mesyuarat mingguan dengan pihak-pihak ini telah dapat mencapai beberapa pencapaian. Di antaranya meningkatkan kekerapan laluan, memulihkan perkhidmatan di mana-mana yang didapati boleh dipulihkan. Baru-baru ini kita telah melihat Intrakota Consolidated Bhd. telah mengiklankan di dalam surat khabar laluan-laluan mereka dan telah meningkatkan perjumpaan mereka dengan persatuan penduduk (resident association) untuk memastikan mereka tahu perubahan-perubahan laluan yang telah dilakukan Intrakota itu sendiri.

Walau bagaimanapun kementerian ingin memastikan juga supaya pihak Intrakota sentiasa memberitahu kepada kementerian tentang perubahan-perubahan laluan yang telah mereka lakukan dan juga memberitahu kepada penumpang-penumpang supaya penumpang mengetahui tentang perubahan-perubahan yang telah mereka lakukan dari masa ke semasa.

Konvensyen Pengusaha Bas dan Lori Semenanjung Malaysia telah diadakan pada 19 dan 20 Mei 1997 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra dan telah dihadiri lebih kurang 3,000 peserta. Kementerian telah pun melaksanakan beberapa resolusi yang positif yang dikemukakan pada konvensyen itu untuk memperbaiki perkhidmatan bas dan lori di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta LPKP perlu dipinda untuk mengambil kira perkembangan pesat industri pengangkutan kenderaan perdagangan berdasarkan faktor-faktor seperti berikut; sejak akta ini mula dikuatkuasakan 10 tahun yang lalu ianya hanya telah dipinda pada tahun 1992 dengan beberapa pindaan kecil sahaja. Pembangunan pesat industri pengangkutan kenderaan perdagangan negara menimbulkan pelbagai permasalahan yang perlu ditangani bagi membolehkan sektor pengangkutan memberi perkhidmatan yang lebih teratur, efisien dan berkesan. Justeru itu Akta LPKP perlu dikemaskini untuk mengambil kira perkembangan tersebut. Pindaan akta ini akan memantapkan lagi peranan dan fungsi LPKP dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dari segi pemrosesan permohonan lesen baru, ubah syarat dan penguatkuasaan terhadap pelanggaran peruntukan akta ini. Ini akan membolehkan LPKP memberi perkhidmatan yang lebih teratur dan sistematik kepada pelanggan

dan industri pengangkutan kenderaan perdagangan dan memenuhi keperluan ekonomi negara manakala keselamatan dan keselesaan para pengguna terus terjamin.

Kadar denda yang tidak lebih RM5,000 dikenakan pada masa sekarang adalah rendah dan kurang berkesan untuk menangani permasalahan pelanggaran peruntukan akta seperti pelanggaran syarat lesen dan pemalsuan dokumen. Untuk memastikan pemegang-pemegang lesen mematuhi peraturan yang ditetapkan, akta ini dipinda untuk menaikkan kadar denda yang menetapkan had minimum sebanyak RM1,000 dan had maksimum sebanyak RM10,000. Pindaan akta ini akan membolehkan pegawai-pegawai LPKP melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan terhadap pelanggaran peruntukan akta dengan lebih berkesan berbanding sebelumnya. Tugas-tugas seperti menahan kenderaan untuk memeriksa dokumen, menyiasat perlakuan kesalahan di bawah akta dan menyita kenderaan akan mengukuhkan peranan LPKP dalam mengawasi industri pengangkutan kenderaan perdagangan dan pindaan akta membolehkan LPKP mendapat maklumat menyeluruh daripada pemegang lesen bagi mempertingkatkan lagi keupayaan LPKP mengawasi dan memantau operasi pemegang lesen yang diwajibkan membekalkan maklumat-maklumat terperinci seperti laluan, penyata kewangan yang diaudit, laporan prestasi tahunan, permohonan yang tidak diperuntukan dalam Akta LPKP 1987.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan akan memperkukuhkan peranan LPKP dalam menjalankan tugas-tugas mengawal selia dan mengadakan kaedah-kaedah tertentu yang perlu dipatuhi oleh pemegang-pemegang lesen kenderaan perdagangan bagi memastikan perkhidmatan industri pengangkutan menjadi lebih sempurna, teratur dan lebih sistematik serta dapat memenuhi keperluan pembangunan negara dan cabaran masa depan. Selain daripada itu, pindaan akta ini akan juga mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan dan pentadbiran LPKP dari segi pengendalian permohonan lesen dan ubah syarat serta penguatkuasaan pelanggaran peruntukan akta ini demi untuk memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan selain menjamin keselamatan dan keselesaan mereka. Di samping itu cadangan pindaan Akta LPKP 1987 akan seterusnya memantapkan aspek-aspek penguatkuasaan, pemantauan dan meningkatkan disiplin pemegang-pemegang lesen di bawah Akta LPKP dengan menaikkan kadar denda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-Undang Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998 dibahas di Dewan yang mulia ini untuk kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta menyokong.



**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin.

**5.27 ptg.**

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil kesempatan untuk berbahas atau berbincang mengenai suatu Akta untuk meminda Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan.

Saya terlebih dahulu mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri sendiri yang kebetulan ada pada hari ini dan biasanya Yang Berhormat Menteri selalu ada – Yang Berhormat Dato' Mustapha bin Mohamed selaku Menteri yang bertanggungjawab untuk memastikan pindaan yang dibuat atau khususnya memastikan perkhidmatan yang baik kepada lesen-lesen yang telah diluluskan atau akan diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di bawah kementerian Yang Berhormat Dato' Menteri.

Memang saya pun rasa terkilan bila apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, selaku pembentang akta tadi, perkhidmatan yang begitu penting sejak 10 tahun hanya baru dipinda sekali, kecil sahaja pindaannya pada 1992. Sedangkan kita pemimpin bercakap mahu merubah, membangun negara kita untuk mengejar taraf negara maju. Saya rasa kena pada masanya tindakan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Menteri dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pembangunan Usahawan khususnya di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan untuk membuat pindaan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan tujuan utama pindaan akta ini ialah untuk memastikan, mengharapkan perkhidmatan teksi, bas berhenti-henti, bas ekspres, bas kilang, bas sekolah, kereta sewa, kereta pandu sendiri dan sebagainya di bawah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini mendapat perkhidmatan yang sempurna, teratur dan sistematik. Ini memang sesuai dengan harapan negara kita, pemimpin negara kita – Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad untuk melihat bagaimana kesempurnaan itu boleh berlaku. Kalau kita atau pelancong-pelancong datang melawat, melihat perkhidmatan yang tidak sempurna bagaimana pemimpin kita keluar negeri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, menjual Malaysia, baharu kita bagus sedangkan bila kita tampil ke sini, perkhidmatan mengecewakan. Apatah lagi kalau pelawat itu daripada negara maju, kita yang berada di sini pun yang seolah-olah sudah lalu ataupun sudah immune dengan masalah pun kadang-kadang tidak tahan dengan perkhidmatan pengangkutan yang berlaku di negara kita. Apatah lagi kalau mereka ini merasa keistimewaan perkhidmatan daripada Amerika, England yang mana perkhidmatannya sempurna, sistematik dan teratur seperti yang dikehendaki oleh Menteri melalui pembentangan ini.

Saya mula dengan budaya. Saya amat bersetuju dan diharapkan perkara ini benar-benar diberi penekanan dari segi kursus, latihan kerana kita boleh berubah melalui budaya, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita buat, kita curah banyak duit untuk pembangunan infrastruktur dan sebagainya tetapi kalau pembudayaan tidak mampu kita buat, susah hendak ubah – kain dan baju, fesyen, pakaian, kasut, rambut dan sebagainya senang. Banyak keluar di muka televisyen, orang boleh berubah tetapi hendak ubah budaya perlu mengambil masa dan kesungguhan, terutama pemimpin, menteri-menteri, timbalan menteri, pegawai-pegawai dan pembudayaan itu perlu melalui satu kursus. Kalau kita melihat budaya tempat kita memang mengecewakan, yang perlu diberi penekanan khususnya kepada pemandu-pemandu dan juga orang awam.

Saya hendak cerita sedikit, kebetulan, ini adalah apa yang saya rasa, perbezaan di antara apa yang berlaku di negara maju dengan di negara kita yang sedang maju. Insya-Allah selepas pindaan ini, melalui proses masa kita boleh ubah. Baru-baru ini saya berada di tempat anak saya menerima ijazah di Pittsburgh, Amerika Syarikat. Kebetulan saya ada masa panjang sedikit, duduk lama sedikit di sana, tiga minggu dan berkesempatanlah menggunakan perkhidmatan awam di sana.

Bercakap soal budaya, kita melihat budaya orang Barat, walaupun mereka tidak Islam, kalau hendak bercakap dengan orang Islam yang melaung-laungkan Islam tanpa mengira proses budaya bagaimana kerajaan membuat Islam yang sempit, tetapi ini tidak adalah. Tuan Yang di-Pertua, asyik bercakap soal buat hujan, pembenihan awan - haram, asyik kalau kita bagi bantuan oksigen kepada orang sakit, melawan kerja Tuhan, pasal berkelahi dengan Malaikat Jibrail yang hendak mengambil nyawa orang yang hendak mati.

Apa kerjanya pihak pembangkang pergi bersyarah di kawasan saya, tidak berguna, sepatutnya dia berfikir bagaimana kita hendak mengubah budaya orang Melayu, orang Islam undur ke belakang, zaman batu, zaman gua. Kita hendaklah membawa budaya, mengubah budaya Melayu seperti kepada budaya Barat, walaupun dia bukan orang Islam, tetapi budaya yang tinggi kita kena tiru. Apa salahnya hendak tiru orang Jepun, orang Korea, orang Amerika, orang Yahudi ke, tidak ada masalah, benda itu baik, tetapi kumpulan ini membawa orang Melayu undur ke belakang, 10,20,30 tahun zaman sebelum merdeka pun tidak fikir macam ini.

Soal budaya, kita lihat budaya ini baik. Menyentuh soal perkhidmatan bas awam, saya mengalami selama 3 minggu, hampir setiap hari sebab isteri saya suka keluar shopping, kalau tidak pun window shopping sahajalah, maklum orang perempuan. *[Ketawa]* Bukannya duit banyak sebab duit mahal, keluarlah, ikutlah, nak naik bas, pertama saya tengok masa berdiri, masa jauh itu nampak tak kiralah, tetapi masa hendak naik itu terjadi semacam gerakan automatik, berbaris – naik satu, satu. Sebelum itu dia agak tetapi dia tahu, dia respect siapa yang dahulu, first

come first serve, dengan izin, seolah-olahnya begitulah. Ini budaya yang cukup baik, tetapi di tempat kita kalau dah berbaris pun, dia langgar lagi sebab itu berlaku kekasaran, ini perlu diubah.

Kedua, saya nampak pemandu bas cukup kemas dengan pakaian yang bersih, kemudian setiap orang yang naik diberi ucapan yang baik, good morning dan satu lagi yang hendak turun pula, dia beritahu kepada pemandu bas 'jangan kerja terlalu kuat'. Nasihat-menasihati di kalangan penumpang dan pemandu bas dan saya perhati tidak pernah dia lupa mengatakan bila penumpang naik, masuk duit, dia kata terima kasih (thank you) dan terima kasihnya bersambut 'you're welcome'. Bukankah bagus budaya ini tetapi di tempat kita ini nampaknya budaya masih jauh ketinggalan, perlu kita buat sesuatu - kursus-kursus ini.

Saya banyak merasai, ini cerita lain sedikitlah kalau telefon itu, saya ada terbaca artikel, bagaimana kekecewaan pakar asing bila berhubung dengan telefonis tempatan yang bercakap 'I don't knowlah', ini kalau sebut soal budaya. Kedua, dari segi budaya penghormatan yang perlu ditekankan ialah bila di atas bas, bas itu tidaklah ramai sangat, sepanjang perjalanan kalau dari airport, daripada down town ke manakah, Tuan Yang di-Pertua, bas itu semacam elok sahaja, cukup-cukup sahaja. Tidak tahulah perancangan bagaimana boleh dan saya rasa kitapun boleh buat perancangan yang baik, pastikan perkhidmatan bas yang cukup, kadang-kadang untuk berlaku adil kepada sesuatu pihak, kalau tidak cukup bas, sebab itulah berlanggar barangkali, ada juga, kena fikir juga, kementerian harus fikir untuk memastikannya. Gunalah apa cara 'IT'kah, sistem manakah, how to solve the problem, sebab jika tidak cukup bas, kenalah berebut, hukumnya betul. Budaya, budaya juga tetapi kalau sudah tidak cukup, budaya pun dilanggar, agama pun dilanggar lagi.

Betul, bila kita terdesak, sebab dalam Islam pun, kalau sudah terdesak, daging babi pun boleh makan, boleh kalau sudah lapar. Begitu juga dengan rakyat, kadang-kadang kalau perkhidmatan itu tidak cukup, terpaksa berebut, maka masing-masing hendak selamat, dia rasa dia terjamin, hak dia ada, asalkan boleh naik bas, selamat tidaklah dia berebut. Ini, antara dua iaitu ayam dan telur, kena

fikir juga dan saya rasa inilah yang sedang diusahakan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri untuk memastikan tetapi kalau perkhidmatan itu tidak cukup, saya yakin bagaimana peraturan dibuat sekali pun, manusia tetap langgar, tetap berebut juga.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, ada disebut oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, di dalam kursus ini adalah untuk melahirkan pemandu-pemandu sama ada teksi, bas awam atau apa-apalah perkhidmatan awam, yang berpengetahuan, yang berhemah tinggi dan menghormati penumpang-penumpang. Saya ingin mengambil kesempatan ini di atas apa yang berlaku kepada perkhidmatan teksi atau pun kereta sewa, khususnya di negeri Kelantan yang mana saya rasa perkara ini belum dapat dicapai, insya-Allah dengan penguatkuasaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, boleh dilakukan. Apa yang saya rasa terkilan, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak pemandu teksi ini berpengetahuan dan berhemah tinggi dan juga menghormati penumpang.

Di Kelantan, ada sebahagian tertentu pemandu-pemandu kereta sewa yang melanggar ataupun yang tidak mencapai cita-cita Yang Berhormat Dato' Menteri pun, untuk memastikan perkhidmatan sempurna, teratur dan sistematik melalui pindaan ini, di mana ada pemandu-pemandu kereta sewa ini menggunakan kesempatan untuk menyakiti hati penumpang-penumpangnya. Tanpa mengira sama ada mengenali penumpang, mereka menggunakan kesempatan dalam sepanjang perjalanan untuk yang pertamanya yang saya tahu dengan pasti, mereka ini menggunakan kaset-kaset, syarahan-syarahan oleh tokoh-tokoh tertentu yang memaki hamun pemimpin kerajaan, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri yang berunsur fitnah, niat jahat dan sebagainya.

Tanpa mengira kalau pemandu teksi itu kebetulan orang yang menyokong mereka barangkali seronok tetapi apakah beliau pasti atau pemandu ini boleh pasti penumpang ini adalah orang yang pro kepada satu pihak.

Kita pastikan pemandu jangan menggunakan kesempatan untuk merosakkan hati, kalau semalam saya bercakap tok imam kita masuk dalam masjid akan merosakkan perasaan kita sembahyang dengan khusyuk dengan khutbah yang

memaki hamun kerajaan, menyalahkan kerajaan, segala-gala dosa, segala musibah, segala maksiat yang berlaku kononnya kerana kerajaan.

Begitu jugalah kaset-kaset yang dimasukkan dalam teks ini digunakan untuk menyebarkan fahaman mereka. Saya hendak minta melalui penguatkuasaan seperti yang saya katakan tadi, tahan, tengok, semak pastikan pemandu ini tidak melakukan seperti ini, sambil itu dia ulas dan ada satu kaset dia matikan kaset dia ulas balik, tengoklah dia kata, pemimpin kerajaan yang ada pada hari ini, begini-begini, apa rasa? Ada kawan saya cerita sampai dia terpaksa minta berhenti, bayar tambang separuh jalan dan turun berjalan kaki, tahan teks yang lain.

Ada pemandu-pemandu teks yang di Tanah Merah, Yang Berhormat Dato' tahulah saya jadi Pengerusi Lembaga Penasihat kepada Persatuan Kereta Sewa di Tanah Merah, Dato' pun suruh saya berhubung selalu tengok macam mana, saya hendak beritahulah di sini secara rasmi, ada pemandu tak ada kerja lain, kerjanya maki hamun pemimpin kerajaan, nama Dato' Seri Dr. Mahathir ini menjadi mainan, dia pula dakwah konon, pakai jubah, pakai serban.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mohon penjelasan, apakah Yang Berhormat apabila mendengar perkara yang begitu negatif, ingin mencadangkan supaya pemandu-pemandu seumpama itu sama ada diambil tindakan atau diberi kursus khas ataupun perमितnya ditarik! Terima kasih.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk. Saya hendak cerita dahulu, lepas itu kita fikir bersama. Mungkin Yang Berhormat pun tolong fikir, dengar cerita yang saya alami mungkin di Kota Kinabalu tidak ada, di Kelantan ada.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan berlaku pemandu kereta sewa, nama saya tidak boleh beri, kalau ada Ahli Yang Berhormat dari parti PAS tadi minta nama, saya tidak beri namalah, tetapi betul ada, kerja dia maki hamun Perdana

Menteri, apa salah pun Perdana Menteri, watak dia, pakaian dia, baju macam jubah, kononnya Islam, janggut, misai kononnya sunnah Nabi, busuk, comot, cemar nampak kotor, berserban, serban pun yang putih sudah jadi kelabu, lambat masuk waktu pergi sembahyang, baguslah pergi sembahyang, kita ini kadang-kadang terlewat, dia bagus dari segi itu. Tetapi pakai baju kotor, pendapatan begitu juga asyik dok maki hamun sahaja, dia kata tidak lain maki Perdana Menteri.

Satu hari ada kawan yang jadi ahli jawatankuasa persatuan itu juga mengatakan, pergi jumpa saya, macam Yang Berhormat Datuk Haji Sairin kata, beritahulah Yang Berhormat Dato' Mustapa, Kelantan dia panggil 'Tok Pa', Beritahu Dato' Pa: "Tariklah saya tak tahan". Ataupun sekali-sekali kalau saya tumbuk atau bahasa Kelantan dia panggil, 'tapa'. Ha, 'tapa' itu bahasa standard 'tampar, tamparan atau tempeleng', Kelantan panggil 'tapa'. Sebagai penapar tawar, dia kata, bergaduh, dia kata: "Dato' sanggup jamin." Sampai tak tahan kawan itu dok kata Mahathirilah, Anwarlah, bodohlah. Saya kata: "Jangan, kita kena sabar!" Itulah dia kata, "UMNO ini, dia kuat sabar, PAS bukan sabar!" dia kata. Akhirnya kawan ini saya kata: "Sabarlah, jangan buat apa-apa, tengoklah keadaan". Akhirnya satu hari dia pun lepas geram, selalu kata Mahathir bodoh, Mahathir bodoh, dia kata: "Hei Mamat!" Tak apalah kata 'Mamat' sahajalah ya. "Kamu kata Mahathir bodoh, Mahathir bodoh-bodoh pun Mahathir jadi Perdana Menteri, pergi Mekah boleh orang sambut, pergi sana orang sambut, kamu ini gigi pun tak gosok, cemar cepolok!" Ha, tahu 'cemar cepolok'? Kotor sangat! Sampai tahap itu.

Jadi, apa yang saya hendak timbulkan daripada cerita ini untuk menarik perhatian kita bagaimana orang yang macam ini kita biarkan, saya rasa tidak adil untuk mereka ini terus diberi permit macam kata Yang Berhormat Datuk Haji Sairin. Saya bersetuju dan saya hendak mengambil kesempatan pegawai-pegawai daripada Lembaga Pelesenan atau pegawai kerajaan pun mungkin terfikir, dia kata, saya main politik 'picisan' atau apa, saya minta maafalah kalau pegawai-pegawai

masuk politik tahulah, Yang Berhormat Dato' Mustapa pun dahulu pegawai tinggi kerajaan, bila dia masuk politik kadang-kadang tahulah cerita.

Saya rasa kalau kita teruskan perkara ini kita tidak adil, kita tidak didik dia, ajar dia sekali, ajar pemandu-pemandu ini yang boleh merosakkan imej, kerajaan, imej masyarakat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemandu-pemandu ini saya cadangkan satu tindakan yang tegas perlu diambil untuk memastikan mereka ini tidak meneruskan sebab, alasan yang pertama, di kalangan pemandu-pemandu sendiri rasa cukup kecewa, boleh menjejaskan persatuan itu sendiri yang memerlukan, mereka ini perlu mempertingkatkan dari segi perkhidmatan, bila cadangan Persatuan Pemandu Kereta Sewa di Tanah Merah, di tempat saya itu mencadangkan supaya pakai uniform tertentu, Tuan Haji Mokhtar, Pengerusi persatuan itu dengan satu pengurusan yang baru pergi, yang antikerajaan, yang PAS itu kata, 'itu pakaian orang kafir', patut pun, apakah pakai baju, dengan pakaian ini dikatakan kafir? Apakah baju itu menunjukkan kafir? Apakah dia pakai jubah yang comot itu boleh memastikan Islamnya lebih baik. Jadi, patut kita ambil tindakan!

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menceritakan apa yang berlaku di Tanah Merah. Mereka yang telah diberi lesen telah pun menggunakan kedudukan ataupun peluang untuk mereka mencari rezeki dengan memaki hamun kerajaan.

Saya ingin bertanya siapakah yang memberi lesen kepada mereka ini, bagaimana mereka boleh mendapat lesen-lesen untuk jadi pemandu teksi di kawasan yang berkenaan dan kalau lesen ini diberikan oleh kerajaan, adakah itu satu pulangan yang patut mereka lakukan kepada pihak kerajaan sendiri? Terima kasih.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya yang memberi lesen adalah Lembaga Pelesenan dan di masa yang sama saya ingin



membela Lembaga Pelesenan bahawa Lembaga Pelesenan bertanggungjawab memberi lesen kepada sesiapa yang layak dan lebih dari itu diperkukuhkan lagi, saya yakin dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang kalau lesen-lesen hendak diberi dirujuk kepada ketua-ketua UMNO bahagian. Kita sokong, ketua UMNO bahagian ini bagus, bukan macam orang PAS, kalau dia ambil tanah dia ambil untuk dia, UMNO bahagian ini bila kita tengok orang PAS pun kita sokong, cuma kita hendak beritahu lesen yang kamu dapat ini hasil dari sokongan saya kepada Yang Berhormat Dato' Mustapa atau 'Tok Pa', tetapi bila dia dapat dia bukan hendak bersyukur kepada Allah S.W.T., bukan hendak terima kasih, dia tidak ada budayalah, itu sebab kita bercakap fasal budaya tadi. Tak ada budaya langsung hendak terima kasih sesama manusia, hendak bersyukur kepada Allah S.W.T., asyik dok maki hamun kerana dia kata, tak apalah kita sudah pergi tipu ketua bahagian, pura-pura hendak sokong, permit kita dapat, dia tidak dapat tarik dah. Sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah bahawa patut kita fikir, saya cadangkan check melalui kuasa pindaan ini yang boleh diperiksa semula, ditahan, disita, diapa-apa pun gunalah, cuma saya hendak menjelaskan tadi supaya perkataan keadilan, mungkin ada pandangan mengatakan, tidakkah kita ini tidak adil.

Saya hendak memberi hujah bahawa tindakan ini cukup adil. Saya sedang memberi hujah keadilan yang pertama, lesen kita beri, tujuan beri lesen untuk memberi perkhidmatan, perkhidmatan yang sempurna, yang sistematik, yang teratur, maka kita tidak suka perkhidmatan yang tidak sempurna, asyik dok maki hamun kerajaan, menyakitkan hati penumpang, tidak memberikan perkhidmatan yang baik, tidak memberi kerjasama kepada persatuan, orang suruh pakai uniform, kata ini pun kafir. Suruh pakai kupiah, suruh pakai serban, simpan janggut dan misai, semak samun macam itu, mana boleh? Kita hendak 'smart' dan sebagainya.

Maka, dalam hal ini untuk memastikan perkara ini tidak berlaku, semasa pembaharuan lesen di bawah Lembaga Pelesenan ini, check, tengok, senaraikan balik. Kalau sebelum ini Lembaga Pelesenan itu – melalui saluran-saluran tertentu menghubungi pemimpin-pemimpin masyarakat khususnya ketua

UMNO bahagian untuk meluluskan lesen, semasa pembaharuan sekali lagi, biar kita pasti. [*Mengetuk meja*], biar dia tahu....[*Disampuk*] Dato' Haji Mohd. Zuki kata kuat sangat! [*Ketawa*]....biar dia tahu bahawa jangan menggigit tangan yang menghulur rezeki sebab tangan yang menghulur rezeki itu adalah daripada Kerajaan Barisan Nasional.

Saya katakan sekali lagi bukan soal politik, UMNO, PAS dan sebagainya tetapi soalnya mereka ini perlu dididik, kalau tidak boleh dibudayakan secara kursus dan sebagainya, budayakan secara tarik rezeki sedikit, kursuskan dia sedikit, beritahu, tengok bahawa kamu ditahan kerana kamu ada rekod sekian-sekian, kita ada persatuan yang boleh membuat laporan, tarikh, masa. Kita tidaklah hendak menganiayai sesiapa.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya mengharapkan pindaan-pindaan ini akan dapat dipergunakan untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat diberi melalui pengangkutan awam ini akan mencapai tahap kemajuan bangsa kita dari segi perkhidmatan dan juga dari segi tindakbalas kepada perkhidmatan yang telah diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah ucapan saya untuk mengambil kesempatan kepada perkhidmatan dan saya yakin kawan-kawan saya ramai lagi yang ingin bercakap dan mereka tentu ada perkara-perkara yang mereka alami. Apa yang saya cakapkan itu adalah daripada pengalaman saya, daripada penelitian saya sendiri dan saya fikir kalau tindakan itu dibuat, ianya pasti merubah pemikiran mereka yang terlibat dan insya-Allah, pengajaran itu boleh diberi kepada mereka dan juga kepada bakal-bakal pemilik lesen yang akan memberi perkhidmatan kepada masyarakat secara umum tanpa mengira siapa yang menaiki teksi mereka. Mereka akan menjadi warga negara yang baik yang boleh mempercepatkan proses pencapaian menjadi bangsa yang bermaruah, berdaulat di negara yang maju ini.

Maka, dengan kata-kata itu, saya menyokong pindaan ini dengan harapan selepas pindaan ini ambil tindakan yang tegas dan berkesan untuk merubah segala-galanya setelah Parlimen memberi kelulusan kepada pindaan yang sudah lama tidak dipinda dan dipinda pada kali ini.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.50 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini”.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini”

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, siapa hendak bercakap lagi? Puan Kamilia.

**5.51 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi dan menyokong maksud dan tujuan rang undang-undang yang telah dibentangkan iaitu objektif utamanya ialah untuk membuat kawalan kepada kenderaan perdagangan demi untuk kepentingan awam. Saya hanya ada tiga aspek yang ingin saya perkatakan di sini daripada apa yang telah dibentangkan dalam rang undang-undang ini.

Pertamanya ialah satu cara yang mana pihak kementerian mengharapkan akan dapat mengawal penggunaan kenderaan perdagangan daripada aspek-aspek yang menentukan kuasa memberi lesen, kuasa kelulusan untuk menamatkan lesen, kuasa untuk menyiasat dan seterusnya kuasa untuk menyita selain daripada memberi kuasa untuk membolehkan kenderaan motor ditahan. Ini adalah satu langkah yang penting kerana tanpa diberi kuasa kepada pihak lembaga, pastinya perkara-perkara penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan. Cuma apa yang saya ingin pihak kementerian memberi perhatian ialah kita tahu banyak undang-undang diwujudkan dan seterusnya akan dikuat kuasakan dengan kaedah-kaedah tertentu yang akan ditentukan oleh pihak kementerian.

Peraturan-peraturan bagi membolehkan penguatkuasaan dan pelaksanaan ialah salah satu ciri yang perlu kita berhati-hati ialah akan timbulnya salah guna kuasa dan seterusnya memberi ruang untuk berlakunya kegiatan atau aktiviti-aktiviti seperti rasuah, yakni bila timbulnya peruntukan undang-undang ini yang merupakan loopholes ataupun peruntukan-peruntukan yang membolehkan perkara-perkara berkenaan berlaku. Seterusnya juga saya ingin memberi ingatan kepada pihak kementerian – kita tahu bahawa dalam mengendalikan kenderaan-kenderaan perdagangan di jalan raya, kita semua tahu bahawa banyak masalah timbul dan kita juga tahu kalau kita tidak mempunyai garis panduan, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan untuk penguatkuasaan fasal-fasal yang telah dibentangkan iaitu, contohnya Fasal 20A, 25B, 44B, 44C, 51A, 51B ini, maka kemungkinan ianya akan melemahkan jentera penguatkuasaan tersebut.

Jadi, inginlah saya mengingatkan bahawa dalam menentukan syarat-syarat bagi kaedah-kaedah yang akan dikenakan walaupun mungkin sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Hashim telah

mengatakan beberapa rungutan untuk dijadikan sebagai syarat-syarat untuk menamatkan lesen tetapi kita perlulah berhati-hati bahawa apa pun kaedah ataupun syarat-syarat yang akan dikenakan nanti adalah tertakluk kepada akan boleh dipersoalkan di mahkamah. Saya juga ingin mengambil perhatian tentang kuasa budi bicara yang diberi kepada Lembaga Pelesenan dan seterusnya juga kuasa budi bicara yang akan sampai kepada peringkat Menteri sekalipun bahawa kita perlulah berhati-hati bahawa kuasa yang diberi itu hendaklah dilaksanakan dengan niat baik dan dapat sebenarnya mencapai matlamat rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk dijadikan undang-undang kerana apabila pihak mahkamah nanti hendak membuat keputusan, mahkamah antara lain akan melihat kembali apakah objektif rang undang-undang ini dibentangkan dan seterusnya diluluskan dan sekali gus juga akan melihat kepada perbahasan rang undang-undang yang diluluskan untuk memastikan sebenar objektif utamanya.

Ini kerana terdapat dalam Undang-undang Pentadbiran (Administrative Law) bahawa tujuan rang undang-undang itu dikemukakan adalah amat penting untuk kita bentangkan dan dapat ditunjukkan di dalam pembentangan rang undang-undang, bahawasanya ianya adalah tujuan-tujuan tertentu yang munasabah dan seterusnya tidak boleh dipertikaikan oleh pihak mahkamah. Saya dapat mengemukakan satu contoh, ini kes lama, kes rayuan dari England. Mungkin juga di sini kita ada kes-kes tertentu seperti kes West Minster Corporation lawan LNW Railway Company 1905, iaitu kes rayuan. Saya percaya semua penuntut undang-undang tahu kes ini bahawa dalam menentukan undang-undang yang telah diluluskan, mentafsirkannya dan seterusnya untuk menentukan syarat-syarat bagi satu-satu kaedah atau peraturan-peraturan pelesenan itu perlulah dipastikan bahawa ianya adalah sesuai dengan tujuan dan maksud penguatkuasaan dan pelaksanaan yang telah ditetapkan dan ianya perlulah relevan bagi tujuan maksud rang undang-undang itu.

Maka perlulah juga kita mengingat bahawa dalam menentukan syarat-syarat dan kaedah-kaedah tersebut bahawa kita tahu ianya menepati tujuan rang undang-undang tersebut. Saya juga ingin mengingatkan bahawa kuasa budi bicara ini perlulah mempunyai kuasa, yang mempunyai judicial standard. Ini juga mungkin tidak akan dapat dipertikaikan.

Yang ketiganya perlulah juga dilihat ianya adalah standards yang munasabah. Jadi, kalau kita katakan tadi berbagai-bagai sebab, contohnya di Tanah Merah, mungkin dalam kita menentukan peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah itu adalah perlu dilihat dari segi munasabahnya syarat-syarat dan peruntukan tersebut. Juga kita perlulah ingat bahawa kita tidak boleh membuat syarat-syarat yang tidak boleh diberikan judicial review oleh pihak mahkamah, dan perlulah dipastikan wujudnya natural justice dan tidak ada niat jahat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya memberikan pandangan ini pertamanya ialah untuk kita sama-sama dapat menghayati bahawa dalam kita meluluskan satu rang undang-undang yang bertujuan untuk memberi kuasa dan kuasa budi bicara dalam penguatkuasaan sesuatu badan agensi kerajaan, perkara-perkara ini perlu diambil kira selain daripada kita memastikan bahawa rang undang-undang itu atau kaedah rang undang-undang itu yang akan dibentuknya menjadi undang-undang dan seterusnya akan juga diikuti dan diperkukuhkan dengan kaedah-kaedah dan syarat-syarat hendaklah tidak memberi ruang

untuk membolehkan berlakunya salah guna kuasa dan seterusnya juga akan memberi ruang untuk berlakunya perkara-perkara yang kita tidak ingini. Sebab jikalau undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturannya tidak tepat, tidak lengkap, ianya tidak akan membolehkan penguatkuasaan yang efisien dan tentu sekalilah mekanisme yang akan diwujudkan itu tidak akan memberi keberkesanan seperti mana yang kita mahu.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya melihat bahawa dalam rang undang-undang ini bagi tujuan kawalan dan penguatkuasaan juga penalti telah ditingkatkan ataupun dinaikkan, iaitu denda minimumnya ialah RM1,000 dan maksimumnya RM10,000. Ini adalah seperti diperuntukkan di bawah Fasal 18 hingga 27. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan satu penerangan yang begitu jelas dan nyata mengenai Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan juga jenis-jenis kenderaan perdagangan yang wujud terutamanya di Wilayah Persekutuan. Kita ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah berjaya mewujudkan kenderaan awam yang

telah bertambah baik, seperti khidmat teksi yang baik dan juga khidmat bas yang boleh kita katakan mencapai satu standard antarabangsa.

Walau bagaimanapun, saya tidak dapat menangkap dengan jelas tadi apakah rasional kenaikan penalti-penalti daripada minimum RM1,000 hingga maksimum RM10,000. Kerana kalau apa yang saya lihat mungkin dari segi undang-undang kita melihat kepada penalti sebagai salah satu sebab untuk dijadikan pencegah (deterrent). Mungkin ini juga adalah salah satu sebab mengapa dikatakan denda ini telah dinaikkan. Walau bagaimanapun, saya agak kurang jelas dan meminta pihak kementerian memberi penjelasan apakah rasionalnya yang jumlah minimum itu RM1,000 dan maksimum itu RM10,000. Adakah kajian telah dibuat untuk sebenar-benarnya dapat menunjukkan kalau penalti yang ditetapkan ini bahawa sesungguhnya kita akan dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kenderaan perdagangan. Kerana pada saya jikalau dikemukakan penalti yang tidak mempunyai kajian ataupun asas yang konkrit, mungkin ianya tidak akan mencapai matlamat seperti mana yang diharapkan. Kerana penalti tidak semestinya dalam bentuk wang, ia boleh dalam bentuk-bentuk lain walaupun dalam rang undang-undang ini ada disebut tentang penyitaan dan penamatan lesen. Walau bagaimanapun, penalti itu sepatutnya juga merupakan satu tindakan awal mungkin untuk menentukan dapat mencegah. Tetapi saya kurang pasti rasionalnya, kerana mungkin dalam mahkamah memberi tafsiran tentang penalti-penalti yang ditetapkan ini ia mungkin tidak sebenarnya, kalau kita lihat pun memang ia mungkin menjadi mandatori ataupun tidak mandatori. Kalau ia mandatori adakah sebenarnya akan dapat menepati matlamatnya.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada rang undang-undang ini juga dalam bentuk usaha pihak kementerian menyelaraskan pengangkutan atau kenderaan awam di negara ini. Contohnya, dalam Fasal 19(A), mesin tiket adalah merupakan satu perkara yang ditentukan di dalam rang undang-undang ini untuk dijadikan sebahagian daripada kenderaan perdagangan. Ini menunjukkan satu usaha yang baik yang membolehkan kita menentukan bahawa tiap-tiap kenderaan

perdagangan itu mempunyai lesen untuk tiket dan bolehlah ini dijadikan sebagai satu jenis usaha untuk menyelaraskan kenderaan-kenderaan yang ada.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian selain daripada penalti dan penguatkuasaan penamatan, pembatalan ini untuk mengawal pengangkutan awam dan kenderaan awam ini, kalau ada mesin tiket mengapakah pihak kementerian tidak meletakkan mesin-mesin ataupun detector yang dapat menentukan atau dapat menangkap contohnya bas-bas ekspres yang membawa lebih had laju. Sedikit masa dahulu ada cadangan untuk meletakkan mesin-mesin ini, tetapi ianya tidak jadi sebahagian daripada rang undang-undang seperti mana yang diperuntukkan. Ataupun adakah pihak kementerian mempunyai gazet-gazet lain untuk dapat mengawal aktiviti ataupun perilaku pembawa kenderaan perdagangan ataupun perdagangan awam ini untuk mengelakkan berlakunya kemalangan-kemalangan di jalan raya.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pakaian beruniform, bertopi dan sebagainya tetapi soalan yang saya inginkan penjelasan ialah tidakkah ada kementerian mahu meletakkan gazet-gazet ataupun cara-cara tertentu untuk memastikan bahawa kenderaan yang dibawa itu adalah selamat. Adanya gazet-gazet ini dengan sendirinya memberi had laju ataupun memberi signal tertentu bagi mengelakkan kemalangan contohnya kalau drebar itu mengantuk mungkin ada signal yang berbunyi dan sebagainya kerana kalau dia mengantuk, reaksinya atau 'response'nya dalam masa membawa bas atau kenderaan mungkin berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu memang banyak accidents yang berlaku dan kadang-kadang adalah di luar kawalan polis ataupun JPJ sekalipun terutamanya kalau berlaku pada waktu tengah malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang dan usaha-usaha pihak kementerian dalam menjadikan kenderaan perdagangan dan kenderaan awam ini suatu yang memberi kepentingan kepada rakyat dan menyelesaikan hidup rakyat. Walau bagaimanapun saya mengharapkan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang akan dikenakan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan seperti mana ianya diberi kuasa dalam rang undang-undang yang akan diluluskan nanti akan terdapat dengan lebih tepat dan menepati kehendak dan objektif rang undang-undang ini. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Oh ada lagi seorang minta maaf tidak nampak.

**6.12 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya duduk hujung selalu Tuan Yang di-Pertua memang tidak nampak. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Biasa nampak cepat tetapi hari ini lambat sedikit.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya diberi peluang untuk turut sama membahaskan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk bercakap panjang. Cuma saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998 sebentar tadi. Sebenarnya banyak perkara yang ingin kita persoalkan ataupun kita bangkitkan telah pun diterangkan lebih awal oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita tahu bahawa negara kita telah pun melalui proses pembangunan yang begitu pesat. Kenderaan perdagangan adalah merupakan satu daripada elemen ataupun faktor penting dalam pembangunan kerana kenderaan perdagangan merupakan suatu keperluan, pertamanya untuk pengangkutan orang-orang awam yang menjadi tenaga manusia ataupun sumber kepada perkembangan dan juga pembangunan negara dan pengangkutan perdagangan juga diperlukan untuk mengangkut barangan-barangan bagi keperluan sektor swasta juga untuk keperluan rakyat di negara kita. Sebagaimana yang kita tahu populasinya telah pun meningkat dan keupayaan kuasa beli rakyat kita telah meningkat. Ini tidak dapat kita nafikan. Saya sebagaimana Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin tadi juga

merasakan bahawa soal Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini bagi saya adalah merupakan perkara yang perlu dan seharusnya diberi perhatian dan juga penelitian yang sewajarnya sejajar dengan pembangunan di negara kita.

Kita bersyukur kerana pada hari ini kita melihat bahawa kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini telah mengambil inisiatif-inisiatif yang tertentu bukan sahaja di dalam membentangkan rang undang-undang ini di Parlimen tetapi telah mengambil beberapa inisiatif untuk meningkatkan lagi perkhidmatan negara di dalam mengendalikan perdagangan awam dengan lebih canggih dan juga lebih memuaskan hati rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai dengan Pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan juga kakitangan yang mengendalikan pejabat yang berkenaan. Setahu saya untuk kawasan utara kita cuma ada pejabat di Sungai Petani. Betul tidak Dato'? Satu sahaja di Sungai Petani daripada dahulu sampai sekarang tidak ada tambahan pejabat-pejabat untuk zon utara dan saya tidak pasti dari segi kakitangannya. Tetapi saya merasa bimbang kepada kekurangan kakitangan yang akan menentukan bahawa apa yang kita luluskan di Parlimen ini iaitu Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini adakah kita mempunyai kakitangan yang cukup untuk mengendalikan dan mengawal selia sebagaimana yang telah pun diperuntukkan di dalam akta-akta yang dibentangkan.

Saya berharap supaya pihak kerajaan dapat melihat keperluan kepada kementerian ini supaya kita bukan sahaja bercakap soal kita mahukan perkhidmatan yang baik tetapi juga harus melihat bahawa keperluan dari segi kewangan, keperluan dari segi pejabat dan juga keperluan dari segi tenaga manusia. Di dalam bidang ini memenuhi dan mencukupi untuk kita dapat menyelenggarakan kenderaan perdagangan sebagaimana yang saya hujahkan tadi ia perlu dalam pembangunan negara kita yang pesat. Walaupun sekarang ini agaknya kita banyak menghadapi recession tetapi kita berharap dan berdoa keadaan akan pulih dan



sudah tentu keperluan-keperluan ini akan menjadi sesuatu yang mesti ataupun yang wajib kepada masyarakat dalam negara kita.

Perkara yang keduanya saya juga ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya agenda nasional di dalam pengagihan lesen-lesen untuk kenderaan perdagangan ini harus diambil kira. Kita tahu dan kita telah melalui sejarah di dalam negara kita di mana oleh kerana ada perbezaan pendapatan di antara kaum dan juga penyusunan masyarakat dalam sektor-sektor yang tertentu telah pun satu ketika menimbulkan rusuhan kaum. Dasar kepada dasar ekonomi 'serampang dua mata', Dasar Ekonomi Baru kita adalah untuk menentukan kaum bumiputera tidak ketinggalan dalam bidang perniagaan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah kementerian sentiasa mengawal selia dan juga menentukan supaya dasar dan juga agenda nasional ini tetap akan menjadi satu pegangan kepada kementerian supaya penglibatan bumiputera di dalam pemegangan lesen kenderaan perdagangan ini dapat ditentukan sekurang-kurangnya kita dapat mencapai taraf 30%. Apa yang pernah saya dengar dan juga kadang-kadang kita lihat ada bumiputera yang mempunyai pegangan lesen ini tetapi 'dialibabakan' kepada pihak yang lain.

Saya menyokong dasar win-win situation, dengan izin, maknanya semua pihak mendapat keuntungan dengan kita mengahwinkan 'ali' dengan 'baba' tetapi bukan dengan kita terus makan komisen ataupun memberikan lesen itu untuk dikendalikan oleh pihak yang lain dengan kita mengkhianati dasar agenda nasional negara. Saya berharap pihak kementerian tidak akan bertolak ansur dalam soal ini kerana ini sebenarnya bukan untuk kepentingan satu kaum tetapi untuk menjaga kestabilan dan juga untuk menjaga keharmonian, untuk menjaga kemakmuran di negara kita, kita harus bijak dan kebijaksanaan bagi negara kita ada apabila kita dapat menentukan supaya semua kaum yang berada di negara kita dapat mengagihkan kek-kek kekayaan dengan agihan-agaihan yang telah pun ditentukan dan kita ada nature respect, dengan izin di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga mengenai teksi. Teksi di bandar telah pun diberi penjelasan begitu panjang lebar oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri tadi. Saya bila datang ke Kuala Lumpur ini selalu naik teksi cuma kebelakangan ini agak berkurangan. Kadang-kadang kita merasakan bahawa drebar-drebar teksi kita berada di dalam keadaan yang tertekan. Mereka menceritakan masalah-masalah mereka, mereka tertekan oleh pihak syarikat, tidak cukup makan dan sebagainya. Kita bimbang perkara-perkara ini bukan sahaja diperkatakan kepada penumpang-penumpang dalam negara tetapi kalau dibicarakan kepada penumpang-penumpang di luar negara ia akan menjejaskan imej negara kita. Tetapi alhamdulillah kementerian tadi telah pun menyebut beberapa langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian. Saya tahu berurusan dengan pihak-pihak yang sebegini, drebar-drebar teksi yang ramai, syarikat-syarikat yang memikirkan keuntungan. Dalam masa yang sama memikirkan soal perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat tentulah menghadapi tekanan dan bebanan yang besar, tetapi kita mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana nampaknya kementerian telah pun berusaha bersungguh-sungguh dan telah pun mengangkat masalah ini menjadi satu perkara yang dijadikan keutamaan dalam menyelesaikan beberapa masalah yang ada di kementerian. Kita ucapkan tahniah dan kita bersimpati dengan bebanan yang ditanggung oleh pihak kementerian.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri yang ada di sini, Timbalan pun ada di sini, masalah teksi di luar bandar. Kalau di bandar ada masalah teksi, di luar bandar pun ada masalah teksi. Di luar bandar mereka mempunyai lesen yang dipegang oleh individu-individu tertentu dan mereka ini menubuhkan persatuan-persatuan teksi.

Apa yang berlaku walaupun negeri Perlis negeri yang kecil kita memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam yang dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat kita sama ada bandar dan luar bandar tetapi yang berlaku persatuan-persatuan teksi ini kadang-kadang bergaduh di antara satu sama lain. Jawatankuasa-jawatankuasa persatuan teksi ini menegakkan keperluan dan kepentingan kumpulan masing-masing.

Mereka berdaftar di bawah Akta Persatuan dan Pertubuhan walaupun nampaknya tidak ada kaitan dengan lesen-lesen teksi yang mereka pegang tetapi untuk menyelesaikan masalah-masalah drebar-drebar teksi di bandar-bandar kecil dan di luar bandar ini cuma dengan memanggil mereka berbincang, meminta bekerjasama nampaknya tidak berkesan, sehingga hari ini belum lagi berkesan.

Drebar-drebar teksi ini dengan kumpulan-kumpulan mereka masing-masing, dengan angkatan-angkatan mereka masing-masing masih lagi bertelagah di antara satu sama lain sehinggakan ini menimbulkan satu perkhidmatan yang tidak sihat kepada pengguna-pengguna dan juga penumpang-penumpang. Ia menjadi satu bebanan yang sehingga hari ini tidak dapat diselesaikan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, tidakkah dapat pihak kementerian memikirkan satu formula bagaimana drebar-drebar teksi di luar bandar ini dapat diuruskan dengan cara yang lebih baik dan juga dapat diuruskan dengan cara yang lebih profesional. Kita maklum sahajalah bila menyebutkan soal berpersatuan merupakan badan NGO dan peraturan yang agak longgar ini menimbulkan masalah bagi kita.

Persatuan sukan pun tadi kita dengar dalam Dewan ini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bahawa sukan negara pun kadang-kadang bermasalah apabila di bawah persatuan dan sekarang ini telah diadakan satu peraturan di mana persatuan-persatuan sukan perlu mendaftar di bawah akta baru yang kita luluskan di persidangan yang lalu.

Jadi, bagi drebar-drebar teksi di luar bandar saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji, dapat meneliti keadaan ini supaya penyelarasan dapat dilakukan supaya agensi-agensi kita yang ada di peringkat negeri dapat menyelesaikan masalah persatuan-persatuan teksi yang ada bercambah di bandar-bandar kecil ini dapat kita selaraskan, dapat kita disiplinkan supaya perkhidmatan dapat diberi dengan sebaik-baiknya kepada seluruh rakyat di negara kita.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, menyokong pandangan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim tadi mengenai kemalangan-kemalangan yang berlaku sama ada melibatkan bas ekspres dan juga

melibatkan lori-lori pengangkutan, trailer-trailer pengangkutan di sepanjang jalan raya jika kita berjalan atau kita menaiki kenderaan di jalan-jalan raya, lebu-lebu raya kita akan berjumpa dengan bas-bas ekspres yang kita hairan ia lebih laju lagi daripada kereta biasa. Pada hal kalau saya tidak silap bas ekspres 110 kilometer sejam dibenarkan, ada setengah-setengah tempat 90 kilometer sejam, kereta biasa 120 kilometer sejam.

Tetapi bas ekspres ini lebih laju, saya pernah satu ketika memotong bas ekspres walaupun kita memberi isyarat pada hal kereta kita ada crest Ahli Parlimen, tidak dipedulikan oleh mereka dan saya yakin mereka ini tidak akan peduli kecuali polis-polis lebu raya agaknya. Saya agak merasa kesal dalam perkara ini kerana setahu saya kalau berlaku kemalangan pun mereka ini tidak diambil tindakan ditarik lesen dan sebagainya, cuma tindakan diambil di atas Akta Keselamatan Jalan Raya yang dikuatkuasakan oleh pihak polis.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di dada-dada akhbar kemalangan di negara kita begitu banyak berlaku dan saya telah mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan minta penjelasan kenapa negara kita telah pun menjadi salah sebuah di antara negara yang mendapat johan dalam kemalangan di dunia.

Apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bukan kerana soal jalan, kejuruteraan jalan kita tidak cantik ataupun jalan kita tidak elok, bukan kerana disebabkan oleh kerosakan kenderaan, peratusan yang besar kemalangan berlaku ialah disebabkan oleh elemen manusia. Ini jawapan yang saya terima daripada pihak kementerian.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa bukan sahaja peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak polis tetapi pihak pelesenan juga harus bertanggungjawab di dalam menentukan supaya negara kita tidak menghadapi bebanan yang begitu besar, kemalangan-kemalangan yang berlaku begitu banyak. Kita kehilangan nyawa yang banyak dan kebanyakan daripada mereka yang mendapat kemalangan ini adalah di antara umur-umur yang produktif.

Saya tidak ada angka untuk itu tetapi saya pernah membaca angka kemalangan bagi rakyat di Malaysia ini amat menyedihkan kita, tambahan lagi bagi keluarga-keluarga yang pernah menghadapi keadaan di mana ahli keluarga telah pun ditimpa kemalangan ini akan tahu bagaimana azab dan sengsaranya apabila ada di antara ahli keluarga ditimpa kemalangan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, pihak kementerian harus memikirkan satu bentuk dan juga satu kaedah untuk menentukan supaya kelajuan bas-bas ekspres di jalanraya ini dapat dikawal.

Kalau dibiarkan sahaja kepada pemandu-pemandu bas mereka akan memecut dengan lajunya, boleh dikatakan kebanyakan bas yang kita jumpa di jalan raya di mana kawasan-kawasan yang dijangka tidak ada speed trap dan sebagainya mereka akan memecut kenderaan mereka dengan laju. Lebih-lebih lagi lori-lori. Saya dimaklumkan lori-lori pengangkutan di negara kita, drebar-drebar nya dibayar gaji bulanan RM300 - RM400 sebulan dan selebihnya mereka dibayar mengikut trip.

Saya juga difahamkan ada drebar-drebar yang mendapat pendapatan RM3,000 - RM4,000 sebulan dengan pendapatan asas gaji RM300 - RM400 gaji asas dan yang lainnya merupakan trip. Bermakna mereka yang terlibat sebagai pemandu kenderaan ini akan berkejar untuk menentukan supaya mereka dapat banyak trip untuk menentukan mereka mendapat banyak pendapatan tanpa mengira keselamatan dan juga nyawa orang-orang lain yang berada di jalan raya. Saya ingin mendapat pengesahan daripada pihak kementerian, adakah kementerian pernah mengkaji keadaan ini dan adakah kementerian juga pernah terlibat atau bertanggungjawab kepada keadaan kemalangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya tadi tidak mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada menyebutkan ataupun tidak pengangkutan kereta api. Siapa yang bagi lesen kepada pengangkutan kereta api. Adakah kementerian ini ataupun tidak. Kerana saya masih lagi berpandangan bahawa kontena-kontena yang banyak di jalan-jalan raya, di lebuhraya-lebuhraya sepatutnya kita divert, dengan izin ataupun menggunakan pengangkutan kereta api dapat digunakan di negara kita.

Bukan sahaja mengangkut barang-barang tetapi juga mungkin kita dapat memikirkan penggunaan kereta api sebagaimana di negara-negara maju. Bullet train dan sebagainya mungkin daripada Pulau Pinang kita boleh sampai ke Kuala Lumpur dalam masa 2½ jam - 3 jam.

Oleh kerana sekarang ini kita menggunakan jalan raya dengan begitu sesak, semua penggunaan untuk sektor-sektor perniagaan, korporat, kilang dan sebagainya menggunakan jalan raya sehingga kemalangan begitu banyak berlaku. Jadi, walaupun ini melibatkan Kementerian Pengangkutan tetapi kerana ada hubung kaitnya dengan kementerian yang mengendalikan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kementerian adakah kontena-kontena kereta api juga di bawah kawal selia kementerian ini. Saya berpendapat kerajaan harus memikirkan bagaimana pengangkutan kereta api dapat dinaiktarafkan penggunaannya supaya kontena-kontena dapat digunakan dan juga rel dapat ditambah supaya banyak kereta api dapat beroperasi. Dan juga kereta api-kereta api ini dapat menggunakan teknologi yang tinggi sebagaimana di negara-negara yang lain supaya kesesakan lalu lintas ini dapat dielakkan.

Pagi tadi kita melawat KLIA, saya melihat begitu canggihnya Lapangan Terbang Antarabangsa baru di Sepang telah pun dibina saya penuh keyakinan bahawa negara kita mampu untuk mewujudkan bullet train. Saya percaya kita mampu jika sekiranya ekonomi dapat dipulihkan dan saya rasa itulah salah satu daripada caranya kita dapat meringankan bebanan di jalan-jalan raya dan juga di lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan adanya Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998 ini akan dapat memberikan lebih lagi kemudahan pengawalseliaan yang akan dijalankan oleh kementerian dan kita berharap penggunaan kenderaan awam dan juga perkhidmatan kenderaan awam di negara kita dapat dipertingkatkan dan saya percaya kita semua menyokong usaha-usaha kementerian ke arah itu. Dengan kata-kata itu saya juga turut menyokong, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri akan menjawab.

**6.33 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur petang ini dapat mendengar pandangan-pandangan yang bernas daripada 3 Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah. Pandangan-pandangan tersebut akan membantu timbalan saya dan pegawai-pegawai khususnya LPKP dalam menyusun satu perkhidmatan yang lebih cekap dan canggih di negara kita.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri, kementerian telah melaksanakan berbagai-bagai usaha bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan di negara kita. Langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan teksi, untuk memperbaiki perkhidmatan bas, ini semua telah membuahkan sedikit sebanyak hasil walaupun kita masih belum berpuas hati tetapi yang penting kita dapat melihat peningkatan mutu perkhidmatan di negara kita.

Pada petang ini kita sedang membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang LPKP, kita bercakap tentang undang-undang. Kita semua tahu bahawa tidak cukup dengan adanya undang-undang yang baik, undang-undang yang canggih tetapi tidak ada pelaksanaannya ataupun lemah pelaksanaannya, sepertimana kata Yang Berhormat Puan Kamalia tadi. Ataupun tidak guna kita ada undang-undang, pelaksanaannya baik tetapi budayanya begitu buruk, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin.

Untuk memastikan sistem pengangkutan di Kuala Lumpur dan juga di seluruh negara Malaysia ini dapat kita tingkatkan mutunya dengan ketara, perlu ada gabungan tindakan antara undang-undang yang baik, tindakan dalam bentuk pelaksanaan dan seterusnya membina satu budaya yang lebih sihat supaya orang ramai juga mematuhi beberapa peraturan agar budaya ini dapat kita terapkan di

seluruh negara. Maka sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas saranan-saranan yang dibuat tadi.

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin membangkitkan dua perkara yang pertama soal budaya dan yang kedua ialah masalah maki hamun pemandu-pemandu kereta sewa khususnya di Tanah Merah. Saya bersama Datuk Hashimlah, saya jiran beliau, membantu saya dalam banyak hal. Jadi budaya ini kita setuju, Datuk Haji Hashim menceritakan pengalaman beliau di mana di luar negara budaya ini begitu ketara sekali. Walaupun mereka ini kita kata setengah-setengahnya kasar dan lain-lain, jelas bahawa mereka mengamalkan budaya yang tinggi, nilai akhlak yang tinggi. Sekurang-kurangnya mereka beratur, mereka memberi laluan kepada wanita, orang tua, orang sakit dan sebagainya. Mereka tidak memaki hamun, mereka mengucapkan terima kasih. Memang itu budaya yang cuba kita terapkan tetapi kita semua tahu bahawa di negara kita, budaya ini masih lagi belum berubah, amat malang sekali.

Pihak Intrakota, umpamanya sedikit sebanyak telah mengubah budaya ini. Itu sahaja yang dapat kita lihat, peningkatan yang ketara. Dahulunya apabila terdapat 828 buah mini bas di Kuala Lumpur bermaharajalela, budaya pemandu-pemandu ini amatlah keji dengan dimaki hamun dan juga penumpang-penumpangannya juga tidak beratur.

Sejak kita hentikan perkhidmatan bas mini, kita dapati bahawa sekurang-kurangnya bagi bas Intrakota, pemandu-pemandu dan juga penumpang-penumpang khususnya mereka mengamalkan budaya yang baik, mereka beratur, menunggu giliran untuk menaiki bas. Kita berharap budaya ini akan dapat diperbaiki lagi dengan ketiadaan bas mini di Kuala Lumpur, kita berharap akan dapat dilihat peningkatan yang ketara dalam budaya yang tinggi yang diamalkan di negara-negara lain.

Untuk teksi sebagaimana yang diterangkan oleh Timbalan Menteri kita telah mengadakan beberapa program termasuklah menjalankan kursus. Untuk makluman, setakat ini kita telah memberikan kursus kepada sekurang-kurangnya 2,525 orang pemandu di Kuala Lumpur. Kursus 48 jam mempunyai beberapa



modul di mana mereka mengenali negara, undang-undang, peraturan JPJ dan polis, mereka diajar budaya sopan dan santun dan kita dapati kursus ini sedikit sebanyak telah membantu untuk meningkatkan mutu perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur. Jadi saya ingin memberi jaminan bahawa kementerian sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan budaya penumpang, budaya pemandu, budaya rakyat Malaysia akan diperbaiki sesuai dengan taraf dan tahap pembangunan di negara kita.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin membangkitkan tentang maki hamun, kaset-kaset yang dimainkan dalam kereta sewa yang menyakitkan hati penumpang sehingga ada penumpang-penumpang yang turun, tidak tahan mendengar leteran kaset yang dimainkan ataupun pemandu-pemandu yang enggan, engkar tidak mahu memakai uniform, pemandu-pemandu yang tidak berhemah, yang tidak mempunyai pengetahuan. Kita amat dukacita dengan sikap ini dan insya-Allah, saya akan berbincang dengan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bagaimana boleh kita menangani perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno tadi mencadang atau bertanya apa pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim mengenai perkara ini sama ada boleh tarik lesen ataupun tidak dan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim nampaknya bersetujulah dengan pandangan ini. Jadi kita akan mencari jalan bagaimana kita boleh menangani. Saya amat sedar dan prihatin tentang masalah ini dan saya amat berterima kasih atas pandangan ini kerana kadang-kadang kita terlupa. Oleh kerana terlalu berdamping dengan rakyat di kampung yang kebanyakannya petani dan lain-lain, kadang-kadang terlupa tentang pemandu teksi. Maka hari ini saya diperingatkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hashim perlunya kita beri perhatian kepada pemandu kereta sewa. Insya-Allah, kita akan mencari jalan bagaimana boleh kita mengambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat Datuk Haji Hashim cadang tadi masa membaharui lesen dan lain-lainnya, kita akan timbangkan tindakan yang sewajarnya.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim ada membangkitkan beberapa isu. Yang pertama mengenai kaedah penguatkuasaan, beliau bimbang takut pegawai penguatkuasa menyalahgunakan kuasa sekiranya peraturan tidak jelas ada terlalu banyak budi bicara, kita prihatin dan

kita ucapkan terima kasih dalam mengubal peraturan kita akan mengambil kira pandangan yang diberikan supaya ruang untuk salah guna kuasa dapat disempitkan sebaik mungkin. Budi bicara dan kuasa yang terlalu luas akan dapat kita kurangkan supaya tidak ada penyelewengan rasuah, penyalahgunaan kuasa yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Kamilia tadi.

Beliau juga bertanya sama ada, ada kajian tentang maksimum penalti RM10,000 yang ditetapkan dalam Bil ini. Saya hendak memaklumkan untuk menjawab secara langsung pertanyaan, tidak ada kajian yang dijalankan cuma berdasarkan pengalaman kami, kami merasakan seperti mana Puan Kamilia faham sebagai seorang peguam dan juga beliau sebut tadi sebagai satu langkah pencegahan atau sebagai satu 'deterrent' itulah sebabnya mengapa kita mengambil tindakan. Dulunya cuma disebut maksimum sahaja, sesetengah peruntukan RM2,000, sesetengah RM5,000, tidak ada minimum, kita merasakan perlu ada minimum itulah rasional mengapa RM1,000, dulu tidak ada minimum sebab itulah pindaan dibuat RM1,000 dulu maksimum penalti RM2,000 ada, RM5,000 ada. Sekarang ini kita seragamkan RM10,000 sesuai dengan keadaan semasa dan kita berharap ini akan menjadi satu 'deterrent' kepada baka-bakal pesalah. Dalam pada itu saya ingin maklumkan bahawa tidak seorang pun telah didakwa di bawah akta yang lama walaupun kita ada akta, banyak kita kenakan kompaun, kita gantung, kita batal lesen, tarik balik lesen tetapi tidak ada seorang pun dibawa ke mahkamah dalam tempoh 10 tahun akta berkuatkuasa, tidak seorang pun dibawa ke mahkamah atas kesalahan melanggar akta LPKP. Jadi ini cuma satu 'deterrent' supaya mereka tidak melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Puan Kamilia bertanya tentang detector untuk menangkap, tidak ada dalam Akta LPKP, tetapi dalam Akta JPJ, kalau tidak silap saya, ada peruntukan 'black box', saya tidak pasti sama ada pindaan undang-undang ataupun peraturan, tetapi memang pihak JPJ telah menetapkan supaya kenderaan tertentu termasuk bas ekspres, lori dan lainnya dilengkapi dengan alat ini untuk mengesan salah laku.

Mengenai pindaan kepada seksyen 19(A) iaitu membolehkan mesin tiket dipasang di dalam kenderaan, langkah ini diambil untuk membolehkan satu sistem 'ticketing integrated' dilaksanakan di Kuala Lumpur. Sekarang ini pihak Bandaraya Kuala Lumpur sedang berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi melaksanakan sistem 'integrated' di mana naik KTM komuter, naik LRT, naik bas, mungkin teksi juga, tidak perlu bayar tambang rata-rata, satu cukup. Jadi pindaan kepada undang-undang ini antara lainnya ialah untuk mengambil kira langkah yang sedang diambil oleh pihak DBKL bagi memperkenalkan 'integrated ticketing system', dengan izin. Di bawah LPKP tambangnya termasuk di bawah kita, itulah sebabnya mengapa kita pinda akta ini. Berkaitan dengan keselamatan jalan raya, ini termasuk di bawah JPJ dan juga pihak polis. Tuan Yang di-Pertua, itulah isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamilia, saya ucapkan terima kasih.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah membangkitkan banyak perkara, yang pertama mengenai penguatkuasaan. Memanglah kita mempunyai 4 pejabat, satu di Kuala Lumpur, satu pejabat di Wilayah Persekutuan untuk kawasan Tengah, satu di Muar kawasan Selatan, satu di Kuala Terengganu kawasan Timur, satu di Sungai Petani kawasan Utara. Tetapi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah bukan berkenaan dengan pejabat tetapi sama ada kementerian

ada cukup pegawai penguatkuasaan. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah dengan tepat mengatakan bahawa antara tujuan kita meminda akta ini ialah untuk memperketatkan penguatkuasaan, untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan dipatuhi. Persoalan yang dibangkitkan sama ada kita ada cukup pegawai penguatkuasaan, untuk makluman Yang Berhormat kita ada 17 sahaja di seluruh negara, mereka bekerja kuat, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa ini mereka sedang gigih untuk melaksanakan penguatkuasaan pemandu teksi di Kuala Lumpur dan banyak telah ditangkap mereka yang tidak memakai uniform, tidak memakai meter dan lain-lain. Jadi tumpuan kita pada masa ini untuk teksi. Tetapi untuk makluman, kita mewakili kuasa kepada JPJ dan pihak Polis tetapi bukan bermakna LPKP ada 17 pegawai penguatkuasa kerja tidak berjalan, kerja berjalan juga, kita wakikan kuasa kepada JPJ yang mempunyai ratusan pegawai penguatkuasa di seluruh negara mereka berhak menahan mereka yang melanggar peraturan bukan sahaja JPJ dan LPKP tetapi Polis juga mempunyai kuasa. Jadi saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan ini dan insya-Allah kita akan beri tumpuan kepada aspek penguatkuasaan.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah bertanya tentang agenda nasional, saya ingin menyatakan kita memang melaksanakan secara tegas dasar mengagihkan peluang antara bumiputera dengan bukan bumiputera, secara umumnya kita cuba pastikan bahawa 70% daripada peluang-peluang lesen-lesen yang diberikan itu adalah untuk bumiputera dan 30% untuk bukan bumiputera. Tetapi soalan tersirat Yang Berhormat mungkin disebut Ali Baba tadi walaupun di depannya elok 70-30, kita sedar perkara ini dan kita mengambil tindakan menyemak dan dengan adanya pindaan yang kita perkenalkan membolehkan kita menyemak dokumen, dulu tidak ada kuasa untuk menyemak sebelum ditukar Lembaga Pengarah dulu tidak payah rujuk kepada kita, kalau dia beli syarikat dan lesen dipindahkan kepada pihak tertentu tidak perlu mendapat kelulusan atau pengesahan daripada kita tetapi sekarang dengan pindaan ini sebelum ia ubah Lembaga Pengarah, syarikat teksikah, baskah, syarikat berkenaan perlu merujuk terlebih dahulu kepada kementerian. Selain itu kita boleh memeriksa dokumen, maka itulah kita perkenalkan rang undang-undang ini membolehkan kita melaksanakan dasar nasional termasuklah Dasar Ekonomi Baru, memastikan agihan sewajarnya dapat diberikan kepada bumiputera dan juga mengelakkan kegiatan-kegiatan Ali Baba yang memang kita tahu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemandu yang merasakan diri mereka tertekan, kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberikan sanjungan kepada langkah-langkah yang diambil oleh kementerian. Kita sedar perkara ini, saya sering berjumpa dengan pemandu-pemandu mereka menyatakan sendiri pandangan-pandangan secara langsung kepada saya betapa mereka ditekan oleh syarikat-syarikat. Antara lainnya, kadar sewa yang tinggi, tidak ada cuti, tidak ada sumbangan SOCSO, EPF dan lain-lain. Ini juga sedang kita kuatkuasakan syarikat-syarikat teksi yang baru dimestikan kalau teksi ini Proton Iswara umpamanya kadar sewa tidak boleh melebihi RM40, dulu RM42 ada, RM45 ada, macam-macam, yang baru ini tidak lebih RM40. Dengan itu oleh kerana sewanya rendah maka mungkin pemandu akan mendapat pendapatan yang lebih, insya-Allah, kita berharap hati mereka akan puas sedikit dan perasaan mereka akan kurang tertekan.

Mengenai teksi ataupun kereta sewa luar bandar, persatuan-persatuan ini yang bergaduh, ini juga kita tahu berlaku sampai ke telinga kita juga, memang ini dalam perhatian, dalam maklumat kita, kadang-kadang oleh sebab-sebab politiklah biasanya atau tidak setuju dengan individu tertentu. Kita ini orang Melayu terlalu sensitif kita tidak setuju orang ini maka kita buat parti baru, tidak setuju orang ini kita buat persatuan baru. Oleh itu timbul macam-macam persatuan. Mula-mula cuma ada dewan perniagaan, lepas itu ada dewan kecillah, besarlah-macam-macam. Yang Berhormat Tuan Rosli tahu apa yang saya cakap ini.

Jadi, kita di Malaysia ini terlalu sensitif. Begitu jugalah Persatuan Pemandu Kereta Sewa ini, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin tahu baru-baru ini berlaku sedikit kekecohan, beliau sebagai Penaung Persatuan Pemandu Kereta Sewa Tanah Merah, masih lagi berlaku kekecohan kerana di Kelantan - politiklah, ada yang 'parti bulan', ada yang 'parti daging'. Maka di bawah PIBG pun bergaduh semua, jadi saya ucapkan terima kasih atas semua pandangan ini dan insya-Allah kita akan cuba mengurangkan masalah kegawatan di antara persatuan-persatuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemalangan. Saya sebutkan tadi kemalangan ini, kerajaan amat perihatin dan tindakan untuk mengurangkan kadar kemalangan ini di bawah JPJ dan pihak polis, cuma kami ini memberi lesen kepada kenderaan, mengenakan syarat dan menetapkan tambang, ini antara bidang tugas kami. Mengenai keselamatan jalan raya adalah di bawah JPJ dan pihak polis dan kita juga tahu bahawa langkah-langkah yang tegas sedang diambil untuk menangani isu ini. Cuma, mungkin hasilnya belum nampak jelas lagi.

Akhir sekali Yang Berhormat bertanya tentang kereta api. Ini bukan di bawah kementerian, kereta api ada aktanya sendiri di bawah Akta Kereta Api dan sekarang ini sudah pun dikorporatkan (corporate) dan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan tetapi kontena itu di bawah LPKP. Kita ada lima buah syarikat kontena sekarang ini yang mengangkut kontena ini dengan lori. Kontena ini masuk dalam kereta api, lepas itu kereta api akan mengangkut ke tempat-tempat tertentu, jadi bahagian lori itu kami punya tugas tetapi kereta api, minta maaf, bukan di bawah LPKP, kalau hendak bagi, boleh. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyatakan penghargaan tidak terhingga kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, Yang Berhormat Puan Kamelia binti

Ibrahim dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin atas pandangan bernas mereka. Sesungguhnya saya merasa amat bertuah dapat mendengar pandangan ini dan ia sudah pasti akan membantu saya dan juga Timbalan Menteri serta pegawai-pegawai saya yang turut hadir di dalam Dewan ini bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan di negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

### **Fasal 1 hingga 32**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit lagi daripada Yang Berhormat Menteri tadi mengenai dengan kemalangan. Kita dimaklumkan bahawa kemalangan ini adalah di bawah bidang JPJ dan juga polis. Baru-baru ini kita ada mendengar sebuah syarikat bas yang mana bas mereka telah pun terlibat dengan beberapa kemalangan. Jadi adakah kementerian bercadang untuk menentukan peraturan, syarat dan sebagainya, memandangkan syarikat-syarikat yang terlibat ini mendapat lesen daripada kementerian untuk mereka beroperasi, walaupun kemalangan ini dalam bidang kuasa kementerian dan juga agensi yang lain tetapi ada kaitannya dengan lesen yang diberi. Adakah tindakan dibuat kepada driver sahaja ataupun syarikat yang berkenaan juga harus dipertanggungjawabkan untuk kita menentukan supaya kemalangan-kemalangan tidak terus berlaku dan pihak-pihak yang mendapat keuntungan daripada lesen ini juga diberi tanggungjawab atau syarat-syarat ditentukan oleh pihak kementerian untuk menentukan mereka mengambil langkah-langkah keselamatan dalam pengangkutan.

**Dato' Mustapha bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat berkenaan telah pun dipanggil oleh Menteri Pengangkutan, Timbalan Menteri Pengangkutan, saya dan juga pihak

polis. Mereka telah pun diberi amaran dan langkah-langkah sewajarnya telah pun diambil untuk memperbaiki tahap keselamatan syarikat berkenaan dan kita dapati ada sedikit perubahan dalam pengurusan syarikat berkenaan dalam erti kata ia memberi perhatian yang lebih serius kepada isu-isu keselamatan. Jadi ringkasnya, tindakan telah diambil oleh JPI, pihak polis dan juga saya sendiri dan kesannya nampaklah sedikit baik. **Fasal 1**

**hingga 32** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG  
PERSARAAN GURU-GURU (SABAH)  
(PEMBUBARAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah) untuk membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah) dan membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan Lembaga Pengurusannya dan menggantikannya dengan akta yang baru iaitu Akta Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) (Pembubaran) 1998 bagi membolehkan penurunan kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga dipindahkan kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (Sabah) (STSF) telah ditubuhkan pada tahun 1963 dan beroperasi mulai

1 Januari 1963 di bawah Teachers' Superannuation Ordinance, 1963 mengikut seksyen 3 Ordinan tersebut. Tujuan STSF ditubuhkan ialah untuk:-

- (i) menyediakan ganjaran, elaun-elaun persaraan kepada pencarum; dan
- (ii) menyediakan ganjaran atau pencen kepada balu dan anak-anak yatim piatu.

Apabila Skim Aziz dipanjangkan ke Sabah, ramai guru-guru Unified Teaching Service (UTS) di Sabah telah membuat opsyen memilih masuk ke Skim Aziz.

Dengan itu, mereka terkeluar dari STSF dan bertukar menjadi pencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan memindahkan caruman masing-masing dan caruman bahagian majikan serta faedah dengan STSF kepada KWSP. Walau bagaimanapun, terdapat 18 orang guru UTS yang telah bersara dan terus memiliki faedah di bawah STSF. Sehingga kini 7 orang telah meninggal dunia dan 11 orang pesara sahaja yang masih hidup. Kesemua mereka telah berusia lanjut iaitu melebihi 76 tahun. Berdasarkan laporan aktuari yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sabah pada Ogos 1996, kos perbelanjaan bagi pesara-pesara tersebut, 12 orang yang masih hidup dan 6 orang yang telah meninggal dunia - sehingga 31 Disember 1995 ialah sebanyak RM1,010,563 jika bayaran ganjaran dibuat sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, melalui akta yang baru ini kesemua pesara tersebut atau waris terdekat dan bagi yang telah meninggal dunia akan dibayar jumlah ganjaran sekali gus. Di samping itu, mereka juga akan menikmati kenaikan bayaran tambahan sebanyak 40% pada amaun yang disyorkan oleh aktuari pada setiap individu. Ini memandangkan tiada apa-apa kenaikan elaun persaraan sejak 20 tahun yang lalu, akibat tidak ada peruntukan untuk kajian semula elaun di dalam Ordinan 1963 tersebut. Dengan itu mereka akan menerima di antara RM60,000 sehingga RM150,000 seorang. Sepertimana yang telah diputuskan bagi wang lebihan STSF akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Pencen.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Bolehlah minta saya habiskan dahulu?

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Ya!

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 14 fasal. Fasal 3 dan 4 memperuntukkan kuasa bagi menggubalkan lembaga dan kumpulan wang dan bagi menurunkan kuasa hak keistimewaan, kewajipan,liabiliti dan obligasi lembaga kepada kerajaan.

Fasal 5 dan 6 memperuntukkan bagi pemindahan semua harta tak alih dan aset lain serta wang kumpulan wang kepada kerajaan.

Fasal 9 mengadakan peruntukan bagi pembayaran amaun pencen pukal kepada seseorang iaitu pada 15 Februari 1983, orang yang layak dan amaun pukal itu hendaklah dibayar daripada wang yang disebut dalam seksyen 6.

Fasal 10 mengadakan peruntukan bahawa apa-apa bayaran yang boleh dibuat tanpa probet atau surat kuasa pentadbir di bawah akta yang dicadangkan kepada orang-orang tanggungan, orang yang layak dan yang sudah mati.

Fasal 11 mengadakan peruntukan bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat dengan suci hati hendaklah menjadi pelepasan sepenuhnya segala liabiliti kerajaan di bawah Ordinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa rang undang-undang yang dikemukakan ini mencadangkan beberapa peruntukan yang bertujuan untuk memperkemaskan pelaksanaan oleh pihak kerajaan berikutan dengan pembubaran STSF.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1993 (Sabah) untuk membubarkan Kumpulan Wang



Persaraan Guru-guru dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Sairin.

**7.05 mlm.**

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Cuma saya mohon penjelasan, kalau tidak silap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut RM1 bilion ataupun RM1 juta, ada yang tersebut tadi, mohon penjelasan berkenaan hal itu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** RM1 milion bukan RM1 bilion. RM1,010,563. Milion, milion - 'm'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Milion bukan bilion, bukan 'b', tetapi 'm', juta, juta!

**Datuk Dr Fong Chan Onn:** Ya, juta.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Boleh saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk turut membahas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru dan pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Pendidikan, sebab sebenarnya masalah ini telah berlarutan sehingga ke hari ini dan akhirnya satu penyelesaian yang dicadangkan hari ini mudah-mudahan dengan terlaksananya pindaan yang akan dibuat ini membolehkan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah, negeri Sabah akan terus mantap dan kukuh.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Barisan Nasional dari masa ke semasa telah diberi bermacam-macam fitnah, bermacam-macam tuduhan dan sebagainya, almaklum barangkali ini tugas pembangkang sebab apa jua yang dibuat oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional di Sabah nampaknya tidak betul bagi

pandangan mereka dan satu demi satu masalah diselesaikan sehingga kepada penubuhan Universiti Malaysia Sabah kepada Kerajaan Barisan Nasional khususnya Kerajaan Malaysia bagi kami rakyat Malaysia di negeri Sabah ingin mengucapkan terima kasih.

Begitu juga dengan perkara-perkara lain dan untuk ini mengenai dengan perkara yang dibahaskan ini, saya ingin mengambil sedikit waktu iaitu ingin menceritakan bagaimana berlakunya permasalahan ini. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri 11 pencarum ini yang masih hidup sehingga hari ini dan melebihi umur 76 tahun pada awalnya mereka berjumlah 18 orang, 7 orang dari mereka telah meninggal dunia dan menurut apa yang kita dimaklumkan bahawa wang persaraan yang diterima oleh pesara-pesara sehingga hari ini ialah berjumlah RM90 hingga RM190.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah apalah ada dengan RM90 dan RM190 ini dalam keadaan kegawatan ekonomi di mana barang-barang telah meningkat dan sepatutnya wang persaraan yang diterima oleh mereka ini tidaklah berbaloi atau tidak berpatutan sama sekali.

Jadi, kepada kementerian saya ingin mengucapkan tahniah kerana nampaknya perkara ini telah diambil serius dan mudah-mudahan masalah ini akan terus dapat dilaksanakan demi untuk kebaikan kepada 11 orang dari mereka ini.

Jadi, untuk ringkasnya saya ingin mencadangkan supaya wang terkumpul ini 30% daripadanya akan diberikan kepada orang-orang atau 11 orang yang tinggal ini dan orang-orang juga atau balu-balu kepada yang 7 orang ini juga harus diambil perhatian supaya mereka, penuntut waris mereka atau sesiapa juga yang berwajib untuk menerima akan dipertimbangkan, selebih dari itu 70% daripadanya saya ingin mencadangkan supaya mewujudkan satu Tabung Amanah Pendidikan (Educational Trust Fund) bagi menyokong cadangan oleh Kesatuan Guru-guru UTS Negeri Sabah sebab ini juga telah mereka cadangkan beberapa lama dahulu dan sehingga hari ini apabila ianya kita bincangkan di sini, saya bagi pihak guru-guru atau Kesatuan Guru-guru UTS ini menyokong supaya Tabung Amanah

Pendidikan ini dapat diwujudkan. Seandainya ianya tidak dapat diwujudkan, mereka juga bersetuju dan saya juga turut bersetuju supaya asrama-asrama dapat didirikan di institusi-institusi pengajian tinggi terutama yang ada di Semenanjung ini atau di mana-mana juga di seluruh negara ini untuk membolehkan anak-anak yang susah terutama anak-anak daripada negeri Sabah dan khusus kepada anak-anak mereka yang terlibat dalam UTS ini dapat mengurangkan masalah dan saya percaya apabila asrama seumpama ini wujud, tidak semestinya untuk orang-orang Sabah sahaja, orang daripada negeri-negeri lain di Malaysia ini juga boleh menggunakan tempat ini asal keadaannya ataupun peruntukan tempatnya itu ada.

Jadi, sekali lagi saya mohon kepada kementerian agar perkara ini dapat ditimbang dan mudah-mudahan dengan terlaksananya pindaan ini akan selesailah masalah yang dihadapi sekian lama ini. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Norjan.

#### **7.10 mlm.**

**Datuk Norjan binti Khan Bahadar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah)(Pembubaran) 1998.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah menunjukkan keprihatinan tentang kebajikan guru-guru di negeri Sabah yang telah bersedia untuk mengambil tanggungjawab untuk menguruskan segala harta dan wang yang dahulu dikendalikan oleh Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru di negeri Sabah. Adalah diharapkan dengan wujudnya akta ini Kerajaan Persekutuan akan dapat memastikan guru-guru yang bersara di Sabah mendapat ganjaran yang sewajarnya sejajar dengan khidmat yang diberikan. Selain daripada itu kerajaan harus ingat bahawa majoriti guru di Sabah merupakan penyokong kuat Barisan Nasional. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin khususnya UMNO dan parti-parti komponen sehingga terbentuknya kerajaan di negeri Sabah bagi tahun 1994. Dapatlah sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bijaksana pada hari ini terus memberikan idea-idea yang bernas kepada kerajaan untuk menjaga kebajikan guru-guru di peringkat negeri Sabah supaya kerajaan akan terus memerintah di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengetengahkan beberapa perkara yang saya anggap amat penting khususnya dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan di negeri Sabah. Seperti yang kita sedia maklum, setiap tahun apabila keputusan peperiksaan diumumkan sama

ada UPSR, PMR dan SPM, Sabah merupakan salah satu negeri yang tercorot pencapaiannya. Bukanlah satu tindakan yang wajar bagi kita untuk terus menuding jari mencari siapa yang bersalah tetapi apa yang harus kita lakukan adalah untuk mengambil tindakan yang proaktif seterusnya memperbaiki keadaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengutarakan tentang persoalan guru sandaran yang jumlahnya adalah banyak di Sabah berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Bukanlah bermaksud kita perlu untuk memansuhkan perlantikan mereka tetapi apa yang perlu dilakukan adalah untuk mewajibkan mereka mengikuti kursus perguruan dan pilihan yang terbaik adalah Kursus Dalam Cuti (KDC). Saya dimaklumkan sememangnya Kementerian Pendidikan telah pun mula mengambil langkah tersebut tetapi keutamaan adalah diberi kepada mereka yang telah mempunyai pengalaman mengajar yang lama antara 8 hingga 10 tahun atas alasan tempat yang terhad. Masalahnya, apabila kita membiarkan seorang guru sandaran mengajar 8 hingga 10 tahun, barulah diberi peluang untuk mengikuti KDC, mereka yang menjadi mangsa adalah para pelajar memandangkan guru-guru tersebut adalah tidak terlatih dan mempunyai pencapaian akademik yang pastinya kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada yang beranggapan perkara ini tidak serius kerana rata-rata mereka mengajar di sekolah-sekolah rendah tetapi realitinya peringkat sekolah rendah merupakan tahap yang penting kerana para pelajar menerima pelajaran yang asas yang seterusnya boleh mempengaruhi perkembangan pelajaran mereka di peringkat yang seterusnya. Oleh itu, saya mencadangkan agar Kementerian Pendidikan memandang berat perkara ini dan seterusnya menyediakan tempat yang lebih banyak untuk guru-guru sandaran mengikuti KDC.

Seperkara lagi, saya ingin mengambil peluang untuk membicarakan tentang pendidikan Islam di negeri Sabah. Saya berharap pihak kerajaan mengambil tindakan yang lebih proaktif tentang perkembangan syiar Islam di negeri Sabah. Maksud saya, tahap penghayatan agama Islam di kalangan masyarakat Islam di Sabah. Salah satu langkah penting yang harus dititikberatkan adalah melalui pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi peluang kepada guru-guru agama untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam Diploma Pengajian Islam di maktab-maktab perguruan. Langkah ini merupakan satu tindakan yang bijak untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran pendidikan Islam. Isu yang ingin saya timbulkan adalah berkenaan peluang yang diberikan untuk guru-guru berkenaan yang telah berjaya mendapat diploma untuk melanjutkan pengajian dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam.

Saya dimaklumkan tempat yang disediakan untuk mereka adalah amat terhad. Kalau dahulu dua buah universiti iaitu UKM dan UTM menyediakan peluang tersebut tetapi pada pengambilan tahun ini hanya UKM sahaja yang membuka peluang kepada mereka. Syarat yang dikenakan kepada mereka adalah amat berat. Tahun ini hanya sebanyak 42 orang sahaja dari seluruh negara diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam di UKM dan daripada jumlah tersebut hanya 2 orang dari negeri Sabah. Syarat kelayakan yang dikenakan adalah berdasarkan prestasi kelulusan dan ia sentiasa berubah. Contohnya tahun ini mereka yang layak adalah mereka yang

mendapat purata gred kelulusan 3.7. Ia adalah amat tinggi dan sekiranya ada calon yang mendapat 3.69 pun tidak diberi peluang langsung.

Sebenarnya dalam konteks negeri Sabah, guru-guru agama yang terlatih dengan mempunyai kelulusan akademik pada peringkat Ijazah adalah amat diperlukan. Sudahlah jumlah berkurangan, majoriti daripada mereka yang mempunyai kelulusan sedemikian pula adalah berasal dari Semenanjung Malaysia. Adalah diharapkan kerajaan mengambil berat perkara ini dan menyediakan lebih banyak peluang kepada ramai rakyat Sabah sendiri.

Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Ia bukan sahaja memberi peluang kepada guru-guru agama yang telah mendapat Diploma untuk melanjutkan pelajaran, malah dapat memberi peluang kepada lebih ramai pelajar Sabah lepasan SPM dan STPM khususnya. Saya rasa Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno pun bersetuju dengan saya kerana beliau pernah mempersoalkan tentang perkara ini pada persidangan penggal yang lepas. Adalah diharapkan cadangan ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya demi memperkembangkan syiar Islam di negeri Sabah khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berterima kasih dan berbangga dengan keprihatinan kerajaan khususnya Jabatan Pendidikan Islam di sekolah-sekolah dengan memperkenalkan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) dan Taranum di peringkat sekolah. Perkara ini adalah amat baik dan sememangnya amat penting dalam konteks negeri Sabah. Namun begitu saya ingin mengambil peluang untuk menimbulkan beberapa persoalan tentang perkara tersebut. Berkenaan dengan PAFA, saya mendapat maklumat bahawa masa yang diperuntukkan untuk menjalankan ujian 'practical' adalah tidak mencukupi sehingga ada guru-guru yang terpaksa mengambil masa yang teramat singkat untuk membuat penilaian terhadap seorang pelajar.

Apa yang membimbangkan ialah disebabkan masalah kekurangan masa tersebut, matlamat pengwujudan PAFA tidak akan tercapai. Oleh itu, Kementerian Pendidikan seharusnya mempertimbangkan sewajarnya perkara ini dan mengambil jalan penyelesaian agar matlamat PAFA akan dapat dicapai dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ujian Taranum pula masalah yang timbul di Sabah adalah kekurangan guru-guru agama yang benar-benar berkemahiran dengan kaedah lagu dan tajwid yang betul. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar diadakan kursus-kursus latihan untuk memberi kemahiran kepada guru-guru agama yang sedia ada.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan khususnya pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) kerana telah bersedia untuk menubuhkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Sabah. Sebenarnya perkara ini telah lama dinanti-nantikan oleh rakyat di negeri Sabah. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) (Pembubaran) 1998. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**7.22 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Datuk Sairin dan Datuk Norjan atas cadangan mereka terhadap rang undang-undang ini. Cadangan Datuk Sairin berkenaan dengan kewujudan satu tabung khas untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar dan sebagainya memang cadangan itu adalah baik dan Kementerian Pendidikan akan mengkajinya. Namun demikian, cadangan Kabinet dan cadangan kerajaan ialah bagi kumpulan wang ini mengikut undang-undang haruslah disalurkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen dan daripada kumpulan wang itu kita bolehlah membuat cadangan untuk kegunaan wang tersebut.

Cadangan Datuk Norjan berkaitan dengan masalah guru sandaran di Sabah, Kementerian Pendidikan amat prihatin tentang masalah ini dan kita akan terus mengadakan program-program yang lebih luas untuk memberi latihan kepada guru-guru ini. Tentang pendidikan Islam, kekurangan guru mestilah kita kaji semula pendidikan Islam. Memang Kementerian Pendidikan akan ambil tindakan supaya cadangan-cadangan itu boleh dikaji dan akhirnya boleh dilaksanakan. Tentang cadangan untuk mengadakan satu fakulti pendidikan Islam di Universiti Sabah Malaysia, Kementerian Pendidikan akan mengkaji tentang cadangan tersebut. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 14** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1997

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**7.26 mlm.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan

Minyak Kelapa Sawit 1979, untuk membubarkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia untuk menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berhubung dengan industri kelapa sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan supaya PORIM digabungkan dengan PORLA di bawah satu organisasi baru sebagai langkah untuk memperkemaskan fungsi kedua-dua agensi tersebut di dalam membangunkan industri minyak sawit. Berikutan dengan itu, Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 telah digubal bagi membolehkan PORIM dan PORLA digabungkan. Apabila akta ini berkuat kuasa dan urusan penggabungan selesai, hanya satu agensi iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM) atau dalam bahasa Inggeris 'Malaysian Palm Oil Board' akan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, industri minyak kelapa sawit memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara. Ini dapat dilihat daripada sumbangan industri ini terhadap KDNK yang meningkat dari 5.8% pada tahun 1980 kepada 8.2% pada tahun 1996. Sementara itu bagi sektor komoditi utama hasil eksport keluaran minyak sawit berjumlah RM12.76 bilion pada tahun 1997 menjadikan industri kelapa sawit penyumbang penting kepada hasil eksport negara. Sebenarnya industri kelapa sawit telah menikmati harga yang lumayan sungguhpun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi di mana harga minyak sawit mentah telah meningkat kepada RM2,351.50 setan bagi April 1998 berbanding dengan RM1,180 setan pada Julai 1997.

Prestasi industri minyak sawit dalam pasaran eksport memang telah dan akan terus membantu ke arah pemulihan ekonomi negara kita. Dari segi sosio-ekonomi pula, lebih kurang 250,000 keluarga terlibat dalam sektor perladangan kelapa sawit, iaitu melalui tanah rancangan kerajaan dan kebun-kebun kecil dan lebih kurang 80,000 pekerja lagi bekerja di ladang-ladang milik swasta. Oleh itu, adalah penting industri kelapa sawit terus dimajukan secara teratur dan sempurna supaya sumbangannya kepada ekonomi negara dapat dikekalkan dan seterusnya ditingkatkan.

Kini industri minyak sawit negara sedang melalui perubahan struktur yang ketara. Misalnya pengeluaran industri ini bukan lagi hanya tertumpu kepada produk-produk dalam bentuk minyak, bahkan merangkumi keluaran biojism atau biomas, dengan izin, seperti partical board, medium density fibreboard, gentian sawit, pulpa dan kertas dan carbon teractive. Kegunaan keluaran minyak sawit pula tidak lagi terhad kepada bahan makanan, tetapi juga bahan bukan makanan. Adalah menjadi objektif kerajaan untuk memaksimumkan nilai tambah bagi bahan utama negara termasuk minyak sawit dan Pelan Induk Perindustrian Kedua mengenal pasti sektor minyak sawit sebagai salah satu kelompok industri yang perlu dimajukan lagi bagi mencapai wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Sebagai contoh, kerajaan telah memberi penekanan kepada pembangunan sektor oleokimia memandangkan ia mempunyai potensi yang besar bagi pengeluaran produk-produk bernilai tambah yang tinggi. Dalam hubungan ini, PORIM melalui Advance Oleochemical Technology Centre, dengan

izin, telah mengkormesialkan beberapa teknologi baru seperti dakwat cetak, salut kertas, rumusan syampu, detergen dan sepai sabun (soap chip) kepada pihak swasta. Penyelidikan lanjut juga dijalankan untuk mengeluarkan kosmetik dan bahan pelincir dari oleokimia minyak sawit. Melalui LMSM nanti, penyelidikan dalam bidang oleokimia berasaskan minyak sawit akan dipergiatkan lagi supaya Malaysia dapat menjadi pusat oleokimia dan seterusnya menjadi pengeluar utama di dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nampaknya masa sudah cukup.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Alhamdulillah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya kena sambung esok ya. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan pada esok hari, jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 petang.***



